

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 20

Rabu

7 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan
(Pindaan) 2004 (Halaman 82)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 123)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pembuangan Sisa Toksik Di Malaysia
- *Y. B. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]* (Halaman 123)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 7 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, peraturan 23(1)(r) di mana saya mendapati soalan 1, 2 dan 3 sudah melanggar peraturan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan ini telah dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Beliau mempunyai kuasa untuk memberi kebenaran.

1. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: minta Menteri Luar Negeri menyatakan status hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Singapura sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih pucuk pimpinan Malaysia. Adakah isu-isu lama seperti harga dan bekalan air, pemilikan dan pembangunan tanah KTM, pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor dan pengeluaran wang caruman CPF bagi warga Semenanjung Malaysia telah dirunding dan mencapai persetujuan asas. Sekiranya belum, apakah strategi Wisma Putera dalam menyelesaikan kekusutan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa terdapat 5 soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang ditujukan kepada Kementerian Luar Negeri. Soalan-soalan tersebut adalah daripada Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Lanang dan juga Yang Berhormat Pulai yang kesemuanya bertarikh 7 Julai. Dan soalan daripada Yang Berhormat Parit yang bertarikh 13 Julai serta soalan daripada Yang Berhormat dari Kudat iaitu bertarikh 15 Julai 2004.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesemua soalan-soalan Yang Berhormat tadi mempunyai maksud dan makna yang sama dan senada izinkanlah saya menjawab soalan-soalan mereka secara serentak dan bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, hubungan Malaysia dan Singapura kini semakin mantap dan semakin baik. Lebih-lebih lagi setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi beliau ke Singapura dan disusuli pula dengan lawatan sosial yang telah diadakan pada awal tahun ini. Semasa perjumpaan rasmi pertama di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura pada 12 Januari 2004, kedua-dua pemimpin telah bersetuju untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi isu-isu dua hala yang masih tertangguh seperti isu harga dan bekalan air. Isu pemilikan dan pembangunan tanah milik Kereta Api Tanah Melayu, isu pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor yang usang dan isu pengeluaran wang caruman Central Providence Funds (CPF) bagi warga Semenanjung Malaysia.

Bagi isu tuntutan Pulau Batu Putih pula, kedua-dua negara telah bersetuju untuk merujuk perkara ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa, ICJ. Bagi isu-isu lain yang masih tertangguh kerajaan percaya penyelesaian akan dapat dicapai melalui rundingan dengan berlandaskan semangat kejiranan, semangat setia kawan di antara kedua-dua negara. Ianya merupakan pendekatan dan strategi Malaysia dalam mencari penyelesaian kepada perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memandangkan isu-isu dua hala yang masih tertangguh ini mempunyai implikasi besar ke atas kedaulatan dan kepentingan negara serta melibatkan hubungan dua hala dengan Republik Singapura maka kerajaan Malaysia memerlukan masa untuk membuat persediaan yang rapi dan memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas sebarang keputusan yang akan dibuat sebelum isu-isu ini bersedia di bawa semula ke meja rundingan dengan pihak Singapura.

Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, rundingan di antara kedua-dua negara mengenai perkara-perkara tersebut akan diadakan sebaik sahaja kedua-dua belah pihak telah bersedia dan bersetuju memulakannya, terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Setiausaha Parlimen, terima kasih. Seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat tadi nampaknya banyak isu yang tertangguh dan saya khawatir sekarang di mana kompleks CIQ yang baru telah dibina tanpa jambatan dan kita juga sedar bahawa reka bentuk jambatan itu memang melencong daripada apa yang difikirkan lebih logik adalah jambatan lurus. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah strategi Wisma Putera untuk mengatasi masalah ini? Kerana CIQ telah dibina dan akan digunakan pada tahun 2007 dan sekiranya masalah ini ditangguhkan lagi, saya khawatir nanti kita ada CIQ yang baru tapi jambatan tidak ada. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat .

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan ini. Semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Singapura kedua-dua pemimpin telah membincangkan isu ini dan langkah-langkah bagi mengatasi penyelesaian terhadap isu CIQ dan juga jambatan yang melencong ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan agar kedua-dua pihak memulakan rundingan mengenai isu-isu ini dengan memulakan isu-isu yang lebih mudah diselesaikan diikuti pula oleh isu-isu yang lebih rumit.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi gambaran dan cadangan tersebut bagaikan kita memetik buah yang sedang masak di pokok yang mana kita memulakan dengan memetik buah-buah di dahan yang rendah yang senang dicapai kemudian kita pergi pula kepada buah-buah yang belum masak di pohon yang lebih tinggi. Yang Berhormat, kita sekarang sedang membuat persediaan untuk mengemukakan cadangan isu-isu ini supaya dapat dirunding dan diputuskan bersama dengan kerajaan Singapura.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum Wbt dan Salam sejahtera dan selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap bagi pihak sebagai Ahli Parlimen dan anak Johor dan kepentingan Malaysia. Saya sudah jemu dengar jawapan, jemu sudah dengar jawapan daripada Kementerian Luar Negeri kita. Apabila menyentuh hubungan Singapura dan Malaysia. Kelima-lima isu yang tertangguh sejak bertahun-tahun ini yang kita dengar jawapan dari Wisma Putra ialah perundingan sedang dijalankan, hubungan semakin baik, hubungan semakin mantap,

mantap apa? Baik apa? Kerana dalam kes-kes ini jelas Malaysia dipermainkan oleh Singapura. Saya bukan anti-Singapura tetapi nampak sangat bahawa negara kita beralah, kita mengalah. Perundingan demi perundingan, tidak sudah-sudah yang kata buah ranum hendak petik, petik apa petik? Sebenarnya semua buah Singapura ini tidak pernah masak. Dan tidak akan dikecap oleh Malaysia. Soal harga air, soal CPF, soal CIQ, ini semua perkara yang merugikan Malaysia.

Soal macam CPF, rakyat Malaysia yang berketurunan Sabah-Sarawak boleh keluar tetapi dari Semenanjung tidak boleh keluar. Berbilion-bilion, bertahun-tahun orang yang memang mempunyai wang dan hak mereka kenapa ditahan? Atas alasan apa? Kerajaan Malaysia tidak pernah secara keras untuk menuntut hak ini bagi pihak rakyat Malaysia, kita mengalah sahaja. Untuk apa kita mengalah? Singapura memang tidak ada semangat kejiranan dan persaudaraan yang mesti ada antara kita iaitu negara yang berjiran. Saya harap Wisma Putera [*Sambil pandang ke arah Setiausaha Parlimen*] Kasihanlah Menteri dia kena lawan pula! Tidak patut dilawanlah...*[Dewan riuh dengan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bukan soalan tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tambahan Tuan Yang di-Pertua, ini lebih daripada tambahan dan saya menyuarakan ini sebenarnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini menteri kena

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita tidak tahan, sebenarnya kita sedang dibuli oleh Singapura dengan semangat kejiranan konon! Kita dibuli oleh Singapura dengan semangat kejiranan, semangat ASEAN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan, ini soalan Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sampai apabila kita hendak mengalah? Sedangkan perkara-perkara ini menyentuh kepentingan negara dan rakyat [*Tepuk*] Ooh! Ooh!

Seorang ahli: Apakah tindakan, apakah tindakan, tindakan kerajaan apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa tindakan? Saya ini kalau Wisma Putera kata rundingan sedang berjalan, kita memang dalam hubungan baik, apa baik?

Seorang ahli: Apa yang dirunding?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baik apa kalau kita rugi? Soalnya kita bukan hendak bergaduh dengan Singapura, tidak. Kita tidak ada niat langsung hendak bergaduh, hendak berperang dengan Singapura, kita tidak mahu. Kita mahu menjadi jiran yang terbaik tapi jiran yang sebelah sana, haruslah dia bersikap baik kepada kita!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, pihak..pihak kerajaan sedia menjawab. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ooh! Ooh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak lantik Sri Gading jadi menteri!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya harap Tuan Yang di-Pertua, jambatan yang baru ini boleh dia punya reka bentuk menjalar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullahalazim, tidak ada berlaku di dunia ini Tuan Yang di-Pertua, kalau Singapura ada semangat kejiranan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan sudah kemukakan, cukup, menteri boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullahalazim, minta maaflah Yang Berhormat, Singapura harus rasional dalam perkara ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kita ada soalan banyak, cukup, cukup....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tolonglah, tolong hormati Malaysia sebagai jiran yang banyak memberikan kebaikan kepada Singapura, tolong balaslah budi baik ini, orang Melayu kata, kita berbudi orang berbahasa, Singapura ada berbahasa Malaysia?

Beberapa ahli: Tidak ada!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ooh! Ooh!

[Dewan riuh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Wisma Putera kalau jawab sekadar hendak memenangkan Singapura ini tidak payah jawablah, saya pun tahu jawapan sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah jawab.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau kita dalam perundingan janganlah...tidak payah jawab kita pun tahu. Bagi saya jawablah dengan Menteri Luar Singapura, tengok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okeylah, tidak Payahlah, boleh duduk, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ooh! Ooh! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah Yang Berhormat! Ada Peraturan mesyuarat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, okey. Tuan Yang di-Pertua orang Johor, saya pun orang Johor Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] kita sama-sama. Tuan Yang di-Pertua pun sama dengan hati saya Tuan Yang di-Pertua, cuma Tuan Yang di-Pertua tidak boleh cakap, saya cakap bagi pihak Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Beberapa ahli: Haah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ooh! Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya sebenarnya kagum dengan pidato Yang Berhormat dari Sri Gading yang saya anggap sebagai mentor saya, orang lama dalam Parlimen. Dan saya yakin kawan-kawan saya dari UMNO akan memilih Yang Berhormat sebagai Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya pun hendak bertanding juga Timbalan Pengerusi Tetap. [Ketawa]

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menerima hakikat bahawa perundingan memerlukan kejujuran, ketabahan dan kesabaran. Tiada

rundingan dapat dibuat tanpa satu pihak lagi dapat duduk bersama, perundingan juga memerlukan keterbukaan minda yang tidak hanya mahu menerima tetapi juga sedia untuk memberi, kerana ada semangat *give and take* oleh Singapura dalam proses perundingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu melihat perubahan pucuk pimpinan negara Singapura pada hujung tahun ini adalah perkara penting kepada negara kita, kerana di bawah kepimpinan baru ini mungkin berlaku pendekatan, cara, rumusan yang berbeza terhadap isu-isu lima perkara yang tertangguh ini.

Saya ingin mengesahkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita sedia berunding dan bertolak ansur tetapi tidak ke tahap mengalah dan berlembut. *[Tepuk]* Bila maruah, hak dan kedaulatan negara kita digugat, kita akan pertahankan hingga ke akhirnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan soalan yang lebih daripada 40 perkataan masuk ke dalam. *[Ketawa]* Dan minta maaf, perkara-perkara yang *petty* ini jangan dibangkitkan di Dewan, kalau hendak tunjuk kematangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan yang ke-2, Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) adakah kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang biodiversiti negara dan bila. Jikalau tidak kenapa dan adakah keputusan itu sejajar dengan keperluan negara dan apa dasar negara untuk “menginventorikan” kayu-kayan dan katalogkan sumber hutan negara; dan
- (b) adakah kementerian akan mengkaji perundangan dari segi substantive, pembuktian dan prosedur undang-undang alam sekitar yang ada atau berpandangan yang undang-undang sedia ada mencukupi dari pengalaman yang lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kerajaan belum bercadang untuk menggubal satu undang-undang biodiversiti negara yang menyeluruh bagi merangkumi semua aspek kepelbagaian biologi.

Namun demikian, kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menggubal Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan pada tahun 1997 bagi memulihara kepelbagaian biologi Malaysia, dan memastikan bahawa komponennya digunakan secara lestari bagi kemajuan dan pembangunan sosioekonomi negara.

Di samping itu, pelbagai undang-undang telah sedia ada bagi melindungi flora dan fauna negara seperti Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta Taman-Taman Negara 1980, dan juga Akta Perhutanan Negara 1984.

Kerajaan juga telah menggubal rang undang-undang biokeselamatan yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini, tidak lama lagi bagi menjamin agar organisma-organisma yang diubahsuai secara genetik, ataupun dengan izin, *genetically modified organism*, menerusi kaedah-kaedah bioteknologi tidak mengancam atau mendatangkan risiko kepada kepelbagaian biologi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga sedang giat menjalankan proses bagi menggubal Rang Undang-undang Akses dan Kepelbagaian Biologi dan Perkongsian Faedah bagi mengawal selia pengambilan dan penggunaan sumber-sumber kepelbagaian biologi negara dan memastikan faedah yang diperolehi dari penggunaan sumber-sumber ini dapat dikongsi secara adil dan saksama oleh semua pihak yang terbabit, serta dapat dilindungi daripada biopirasi dan juga supaya tidak kehilangan faedah daripada perkongsian hasil dari penerokaan sumber-sumber tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sememangnya mendukung dasar untuk menginventorikan kayu-kayuan dan mengkatalogkan sumber hutan negara. Pengumpulan maklumat sedemikian telah pun dijalankan kerana ia amat penting dalam perancangan pemuliharaan kawasan hutan negara.

Dalam hal ini, agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah lama memulakan usaha mengadakan inventori sumber hutan dan kayu-kayan secara sistematik dan berkala.

Inventori dalam bentuk penerbitan buku, bagi kayu-kayan di Semenanjung Malaysia telah pun diadakan sejak tahun 1978, sementara itu FRIM sedang mendokumentasikan pokok-pokok kayu bagi Sabah dan Sarawak melalui projek kajian yang dimulakan sejak tahun 1992 dan dijangka berakhir pada tahun 2006. Sehingga ini, empat jilid buku bertajuk '*Three Flora of Sabah and Sarawak*' telah dibukukan manakala jilid kelima akan dikeluarkan pada tahun 2004. Di samping itu, langkah-langkah sedang diambil untuk mewujudkan satu pangkalan data kepelbagaian hasil negara.

Untuk menjawab soalan (b) pelaksanaan undang-undang merupakan satu daripada instrumen yang digunakan bagi memastikan alam sekitar dilindungi dan dipulihara. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa memastikan supaya undang-undang yang dilaksanakan di bawah bidang kuasanya dapat digunakan secara berkesan dalam menangani aktiviti-aktiviti yang mencemar dan merosakkan alam sekitar.

Oleh yang demikian, kajian perundangan sentiasa dilakukan dari masa ke semasa mengikut perkembangan terkini dan juga secara berkala. Dalam pada itu, semakan undang-undang juga dibuat bagi memastikan perundangan negara sejajar atau selaras dengan kehendak dan obligasi negara di peringkat antarabangsa.

Langkah yang diambil oleh kementerian ini boleh dilihat daripada semakan-semakan yang telah dibuat, umpamanya ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ada menghantar satu surat kepada kementerian untuk mencadangkan pindaan kepada undang-undang Alam Sekitar, oleh kerana kita melihat apa yang berlaku kemasukan bahan kimia ataupun bahan yang boleh membahayakan telah dibawa ke negara ini menerusi syarikat-syarikat yang tertentu, dipandang juga perundangan belum lagi mencukupi. Apakah dalam masa singkat, perundangan ini patut diperketatkan dan bila perkara ini dibawa ke Dewan ini, supaya kita boleh menangani masalah sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini di Johor dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun menerima surat daripada Ahli Yang Berhormat tersebut dan saranan dan juga pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat telah pun kita ambil kira dan akan dipertimbangkan. Kita menunggu sehingga selesainya kes penyiasatan polis bagi kes Simpang Renggam dan sehingga ianya selesai, kita tidak dapat berbuat apa-apa dan insya-Allah, kementerian akan mengkaji keseluruhan Akta Alam Sekitar 1974 itu. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah, tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa ada beberapa akta yang melindungi ataupun yang dikuatkuasakan untuk memelihara dari segi undang-undang tentang kedudukan biodiversiti negara kita iaitu termasuklah Akta Hidupan Liar, Taman Negara dan Perhutanan.

Tetapi masalah yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini ialah keseluruhan hutan rimba kita adalah di bawah kelolaan dan penguasaan kerajaan negeri melalui enakmen perhutanan masing-masing dan hutan kita ini walaupun mempunyai hutan simpan yang agak mencukupi tetapi sebagaimana kita sedia maklum bahawa apabila kita bercakap tentang kesegaran alam sekitar berbanding dengan kedudukan biodiversiti negara, sedangkan Jabatan Perhutanan kita, masih lagi tidak mempunyai keupayaan untuk membuat katalog dan inventori secara tersusun, sehingga sekarang ini kedudukan flora dan fauna di negara kita tidak ada suatu kamus yang lengkap sebenarnya ditemui oleh pakar-pakar ahli perhutanan negara.

Jadi, saya hendak bertanya kementerian apakah langkah kita supaya ada suatu perhubungan supaya akta-akta yang kita katakan tadi, yang boleh memelihara, mengurus dan juga mengawal selia beberapa perundangan untuk memelihara kedudukan perhutanan dan juga biodiversiti kita termasuk masa depan flora dan fauna ini di negara kita, di samping negeri-negeri sentiasa mengeluarkan kawasan untuk pembalakan yang bertentangan dengan falsafah perhutanan negara itu sendiri.

Jadi, saya minta kementerianlah bagaimana keadaan ini dapat diselesaikan bersama.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Dungun. Pihak kementerian sememangnya prihatin terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita berkenaan dengan alam sekitar dan juga pembalakan-pembalakan haram yang sentiasa dilakukan dari masa ke semasa terutamanya di

negeri-negeri kalau dahulunya Terengganu di bawah pembangkang, dan sekarang ini masih berleluasa di negeri Kelantan. Masalah kementerian ialah seperti Ahli Yang Berhormat bagi Dungun ketahui dan kita semua ketahui, hutan-hutan semua ini adalah tertakluk di bawah enakmen perhutanan negeri.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian secara menyeluruh mengadakan dasar-dasar tertentu, dan insya-Allah, apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun kita akan kemukakan kepada pihak kementerian dan akan cuba menggubal satu undang-undang ataupun akta bagi memastikan biodiversiti negara tidak terjejas untuk masa akan datang. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah rancangan dan tindakan kementerian untuk melindungi hak-hak dan kepentingan pembeli pangsapuri perkhidmatan atau "*Service Apartment*" pada masa depan kerana pembangunan pangsapuri perkhidmatan adalah tidak termaktub dalam Akta Perumahan Pemaju (Pelesenan dan Kawalan) 1966; dan
- (b) apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah projek terbengkalai terutamanya melibatkan pembeli-pembeli pangsapuri perkhidmatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pembangunan pangsapuri perkhidmatan (*service apartment*), tidak termaktub di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Walau bagaimanapun, kementerian ini sangat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pembeli pangsapuri perkhidmatan (*service apartment*) masa kini. Sehubungan dengan itu, satu kajian sedang dijalankan oleh pihak kementerian untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 bagi memasukkan pembangunan pangsapuri perkhidmatan di bawah akta tersebut. Dengan cara ini kepentingan pembeli-pembeli pangsapuri

perkhidmatan akan dapat dilindungi seperti mana pembeli-pembeli rumah kediaman biasa yang lain.

- (b) Di antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah projek terbengkalai, yang melibatkan pembeli-pembeli pangsapuri perkhidmatan pada masa ini, adalah seperti berikut:-
- (i) menasihati pembeli-pembeli yang terlibat untuk menubuhkan jawatankuasa pembeli bagi mengambil tindakan mahkamah terhadap pemaju; dan
 - (ii) menasihati pembeli-pembeli yang terlibat supaya berunding terus dengan institusi kewangan masing-masing mengenai pembayaran balik pinjaman.

Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan juga terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti yang kita sedia maklum, baru-baru ini banyak pindaan dan sebagainya terhadap akta ini tetapi hak-hak kepentingan pembeli itu tidak dijaga terutamanya daripada pembeli *commercial building*, dengan izin, ataupun bangunan-bangunan perniagaan dan juga IKS. *Service apartment* ini merupakan satu contoh yang paling ketara.

Saya hendak bertanya, soalan tambahan saya ialah, apakah langkah-langkah kementerian untuk menjaga kepentingan dan juga hak-hak pembeli, terutamanya pembeli *commercial building* ataupun kilang-kilang IKS ini? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Puchong yang begitu prihatin dengan nasib mereka yang terlibat ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam jawapan saya tadi sudah pun dijawab tentang perkara ini. Pihak kementerian sebenarnya prihatin tentang masalah ini dan telah pun mengambil tindakan proaktif untuk mengkaji Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Perbincangan telah pun diadakan dengan pihak-pihak yang berkenaan, dengan pihak PBT dan sebagainya, dan sekarang ini kita dalam proses untuk menyemak rang undang-undang ataupun akta ini, setelah selesai nanti, kita akan dapat melakukannya dengan sebaik mungkin.

Kita tidak mahu kalam kabut dalam tindakan untuk mengkaji ini untuk memastikan apa yang perlu disemak dan apa yang perlu dipinda itu benar-benar dapat

dimasukkan agar mereka yang terlibat ini dapat kita bantu dan masalah mereka dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat tentang kesan daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai konsep “siap bina baru jual”. Saya rasa, ini satu konsep yang bagus sebab di kawasan saya, banyak projek-projek yang terbengkalai seperti Zen Gallery Pasar Rakyat. Ini mengakibatkan ramai mangsa membeli. Saya ingin bertanya juga, berapa ramai pembeli pangsapuri perkhidmatan yang menjadi mangsa projek terbengkalai yang tersimpan dalam senarai kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, bukan pandangan saya secara peribadi, tetapi benda ini sudah pun ada arahan daripada Yang Berhormat Perdana Menteri. Kementerian sedang mengkaji *pro and cons*nya dengan izin, tentang perkara ini, bila kajian ini selesai nanti, tentulah Dewan yang mulia ini akan dimaklumkan. Berkenaan dengan jumlah pembeli pangsapuri terbengkalai yang terlibat, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa jumlah keseluruhannya daripada tahun 1990 hingga 2003 yang terbengkalai dan belum siap dipulihkan lagi ialah 23,440 orang pembeli. Jumlah pangsapuri yang terbengkalai dan telah siap dipulihkan pula untuk tempoh masa yang sama ialah 3,248 orang. Terima kasih.

4. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang dibuat untuk menuju ke arah integrasi ekonomi ASEAN seperti EC (*European Community*), jika ASEAN mahu terus *viable* dalam persaingan ekonomi antarabangsa; dan
- (b) apakah potensi halangan yang dijangka.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, ASEAN telah mengambil beberapa langkah bagi merealisasikan komoditi ekonomi ASEAN menjelang tahun 2020. Ini termasuk melaksanakan AFTA sepenuhnya oleh enam negara anggota asal sejak 1 Januari 2003, di mana tarif bagi perdagangan intra

ASEAN telah dikurangkan pada kadar 10 daripada kadar kosong hingga lima peratus sahaja. Bagi empat negara anggota baru Vietnam pada 2006, Laos dan Myanmar pada 2008 dan Kemboja pada 2010. Yang kedua, menghapuskan tarif sepenuhnya bagi perdagangan intra-ASEAN mulai tahun 2010 bagi enam negara anggota asal dan 2015 bagi negara anggota baru. Yang ketiga, mengintegrasikan lebih awal iaitu sebelum 2010, 11 sektor utama ASEAN termasuk produk-produk berasaskan getah, elektronik, sektor kesihatan dan pelancongan. Langkah-langkah yang akan dilaksanakan:

- (i) penghapusan tarif;
- (ii) liberalisasi bidang perkhidmatan;
- (iii) menghapuskan halangan-halangan bukan tarif; dan
- (iv) harmonisasi piawaian produk.

Pelan hala tuju integrasi sektor-sektor berkenaan sedang dirundingkan untuk ditandatangani oleh ketua-ketua negara ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN di Laos pada bulan November 2004. Yang keempat, ASEAN juga sedang merundingkan liberalisasi secara progresif dalam bidang-bidang pelaburan dan perkhidmatan sebelum 2020. Halangan pertama yang dijangka dihadapi ke arah merealisasikan komoditi ekonomi ASEAN ialah jurang pembangunan di kalangan ahli-ahli dan kapasiti negara anggota baru melaksanakan komitmen perjanjian-perjanjian.

Sehubungan dengan ini, fleksibiliti dan langkah-langkah untuk meningkatkan kapasiti ahli-ahli berkenaan akan disediakan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan halangan yang telah disebutkan tadi iaitu masalah jurang di antara negara-negara ASEAN yang telah menjadi halangan kepada integrasi ekonomi ASEAN. Di masa-masa yang lampau, kita telah mengetahui bahawa ada usaha-usaha untuk membangunkan '*Mekong Economic Basin*' yang juga melibatkan pembinaan jalan kereta api dari Singapura terus ke Kun Ming. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkembangan di dalam projek ini? Adakah dengan pembatalan *double tracking* yang telah dibuat oleh kerajaan baru-baru ini akan menjejaskan usaha untuk mengintegrasikan ekonomi ASEAN berasaskan kepada perhubungan yang lebih efisien di antara Malaysia dengan negara-negara Indo China? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, integrasi ekonomi ASEAN adalah berteraskan kepada 11 produk yang sedang dirunding sekarang ini untuk melaksanakan satu *road map* yang akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk *legal document* yang akan ditandatangani oleh ketua-ketua negara seperti mana yang saya nyatakan pada dalam bulan November di Laos ini. Mengenai dengan projek-projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu Mekong Basin dan kereta api, pelaksanaan perkara ini adalah pada peringkat awal kerana ia memerlukan pembiayaan yang begitu tinggi, seperti mana kata Yang Berhormat, adakah pembatalan *double tracking* itu menjejaskan, ini tidak. Kerana, *double tracking* tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan *efficiency* dari segi *transportation* dalam negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tujuan dan setakat manakah pihak ASEAN akan menuju ke perkongsian ataupun koperasi di antara negara-negara di ASEAN ini? Saya nampak, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, termasuk *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT) ialah dilakukan di Eropah lebih dua dekad yang dahulu. Apakah tujuan kita, sama ada kita hendak menuju sehingga kita mencapai satu tahap yang dicapai oleh pihak EC sekarang dengan 25 ahli di dalam EC dan juga tahap bukan sahaja ekonomi bahkan juga politik dan lain-lain. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, sebab tadi itu, tidak ada satu definisi penakrifan yang cukup terang untuk Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, EU merupakan entiti yang berbeza, mereka telah mencapai integrasi sepenuhnya dalam semua bidang termasuk politik. Apa yang ingin dilakukan oleh ASEAN adalah untuk mewujudkan blok ekonomi. Kita tahu dalam perdagangan dunia yang begitu kompetitif, ASEAN melihat adalah lebih *advantage* lagi sekiranya kita bergerak di bawah satu blok ekonomi untuk menghadapi persaingan daripada rantau-rantau lain. Seperti mana saya nyatakan tadi, ada 11 produk yang sedang difikirkan. Ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan ASEAN melalui 11 produk tadi.

Dari segi negara kita, kita menjadi *leading country* untuk produk tekstil dan juga produk *rubber base*. Apa yang cuba dilakukan adalah untuk melihat di manakah kekuatan di antara negara-negara di kalangan ASEAN ini yang boleh digunakan, dikongsi bersama oleh negara-negara ASEAN termasuk kepada peringkat akhirnya

untuk melaksanakan program, aktiviti ataupun perancangan untuk mengadakan produk yang dibuat di ASEAN itu, ASEAN *made product*. Terima kasih.

5. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapakah statistik jenayah-jenayah seperti rompak, bunuh, pelacuran dan perjudian di Kuala Lumpur mengikut tahun dari 2000 hingga 2003. Apakah langkah-langkah pihak kerajaan untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat di atas soalan yang dikemukakan. Bagi jawapannya, berikut adalah perangkaan jenayah indeks pembunuhan, rompak atau samun bagi kontinjen di Kuala Lumpur bagi tempoh di antara tahun 2000 hingga 2003. Bunuh bagi tahun 2000 – 63 kes, 2001 – 52 kes, 2002 – 52 kes dan 2003 – 58 kes. Bagi samun berkawan berserta senjata api, 2000 – 13 kes, 2001 – 14 kes, 2002 – 9 kes dan 2003 – 8 kes. Bagi kes samun berkawan tanpa senjata api, 2000 – 342 kes, 2001 – 405 kes, 2002 – 380 kes dan 2003 – 411 kes. Bagi samun bersenjata api tahun 2000 – 210 kes, 2001 – 206 kes, 2002 – 131 kes dan 2003 – 93 kes. Bagi kes samun tanpa senjata api, tahun 2000 – 3,408 kes, 2001 – 2,894 kes, 2002 – 3,080 kes dan 2003 – 3,228 kes.

Di bawah ini pula adalah perangkaan jenayah indeks bagi operasi di atas kegiatan pelacuran di tempat-tempat seperti rumah urut berlesen dan haram, hotel, mess, karaoke, *lounge*, disko, *social escort*, saloon, rumah tumpang, tempat awam dan bebas dan rumah persendirian yang berada di dalam Kuala Lumpur bagi tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti berikut:

Tahun 2000 operasi yang dijalankan ialah 4,441, 2001 operasi yang dijalankan ialah 3,221, 2002 operasi yang dijalankan ialah 3,220 dan bagi tahun 2003 operasi yang dijalankan ialah 3,006.

Berikut ini pula adalah perangkaan jenayah indeks bagi kegiatan perjudian haram seperti judi ekor, chifa, bookie, judi dalam rumah dan judi tempat bebas di dalam kawasan Kuala Lumpur bagi tahun 2000 hingga 2003. Bagi tahun 2000, serbuan yang dibuat ialah 669, tangkapan yang dibuat - 358. Bagi tahun 2001 serbuan yang dibuat 550, tangkapan yang dibuat - 504. Bagi tahun 2002 serbuan yang dibuat

457, tangkapan yang dibuat - 470. Bagi tahun 2003 serbuan yang dibuat 350 dan tangkapan - 323. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan dan statistik yang diberikan itu. Kita, hari ini pun di muka hadapan akhbar dilaporkan satu lagi pembunuhan di Wilayah Persekutuan, yang membabitkan seorang pelajar kita yang dari United Kingdom yang sedang bercuti di sini, dibunuh malam tadi mengikut laporannya dan beberapa hari yang lalu kita membahaskan berkaitan dengan masalah kecurian, pembunuhan, kematian melalui peragutan beg-beg tangan dan segala barang kemas yang ada kepada wanita.

Nampaknya, trendnya ialah jenayah makin membesar dan makin susah untuk diselesaikan. Soalan saya agak mudah sahaja iaitu adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan suatu kumpulan pengkaji *study group*, dengan izin yang mengandungi para ahli akademik bidang jenayah, bidang psikologi, bidang agama yang mengandungi juga pakar-pakar daripada NGO, pakar-pakar agamawan, pakar-pakar budayawan yang boleh memberikan kajian dan cadangan kepada kementerian tanpa ikatan mana-mana parti politik tentang bagaimana hendak menyelesaikan dan memahami fenomena jenayah yang berlaku dalam zaman moden kita ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan belum lagi. *[Ketawa]*

Datuk Wira Abu Seman: Yusop Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang diusulkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat itu memang baik. Walau bagaimanapun, buat masa kini, tindakan yang dibuat oleh pihak polis berkesan, di mana tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak polis kalau dalam strategi jangka pendek, pihak polis telah menjalankan operasi-operasi terancang melalui pengwujudan *taskforce* dan juga tindakan bersepadu di antara jabatan-jabatan dalam PDRM. Sebagai contoh, di mana anggota-anggota JPA yang tidak terlibat sebarang tugas operasi, kini dilibatkan terus membantu tugas am di dalam tugas-tugas pencegahan jenayah khususnya di Kuala Lumpur ini dan juga tindakan jangka pendek ini mempertingkatkan keupayaan pengumpulan risikan jenayah bertujuan menangkap penjenayah-penjenayah untuk didakwa.

Begitu juga mengenal pasti dan juga melumpuhkan kumpulan-kumpulan penjenayah bersindiket. Bagi jangka panjang, pihak polis juga melaksanakan program-program pendidikan pencegahan jenayah dan juga menubuhkan badan-badan beruniform di sekolah-sekolah menengah seperti Kor Kadet Polis dan juga menubuhkan kelab-kelab pencegahan jenayah di sekolah-sekolah menengah dan pembesaran pasukan sukarelawan polis dan penubuhan Kor Sukarelawan Siswa dan Siswi di institusi pengajian tinggi. Inilah di antara tindakan-tindakan waktu kini yang telah dan sedang dibuat oleh PDRM. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang telah diberikan. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak polis kerana sekurang-kurangnya telah menyebabkan kita semua merasa selamat dan selesa berada di tanah air kita ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita semua al-maklum bahawa antara beberapa faktor yang boleh menghasilkan atau menunjukkan produktiviti kerja pasukan polis ini berkesan ataupun cekap adalah bergantung penuh kepada bilangan anggota polis. Bilangan ini akan menjurus kepada E&E dengan izin, *Effectiveness and Efficiency of The Police Force*.

Soalan saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan kadar jenayah yang begitu tinggi diberitakan di kawasan bandar-bandar besar umpamanya di Lembah Kelang, Georgetown, Johor Bahru dan sebagainya, berapakah nisbah anggota polis berbanding dengan penduduk di kawasan Lembah Kelang - di Kuala Lumpur ini? Dan sejauh manakah nisbah ini dapat mengawal kejadian-kejadian atau kes-kes jenayah di kota kita ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Pertamanya saya ingin menyentuh berkaitan dengan nisbah yang ditetapkan oleh Interpol berkaitan dengan nisbah yang efektif, iaitu satu anggota kepada 250 orang penduduk.

Bagi keadaan kita di Malaysia ini, kini terdapat nisbah yang tidak seimbang di kawasan-kawasan pembangunan pesat di antara jumlah penduduk dengan anggota polis. Keadaan ini berlaku kerana penambahan penduduk mengatasi perjawatan

pegawai dan anggota polis di sesuatu tempat itu. Bagi kawasan Kuala Lumpur nisbahnya ialah satu anggota polis kepada 649 penduduk.

Jadi, untuk mengatasi kekurangan ini dan juga di tempat-tempat lain di dalam negara, PDRM telah membuat permohonan tambahan anggota polis seramai 23,479 orang. Dari jumlah ini seramai 4,071 anggota polis baru telah diluluskan dan setakat ini iaitu 17.3% dari jumlah yang dipohon.

Walaupun masih kekurangan tetapi pihak polis telah dapat melaksanakan strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang seperti yang telah saya jawab semasa saya menjawab soalan asal, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, iaitu strategi-strategi jangka panjang dan jangka pendek yang telah saya utarakan. Terima kasih.

6. Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun] minta Menteri Pertahanan menyatakan kejayaan menganjurkan “*Defence Services Asia*” (DSA) 2004 dan nyatakan penglibatan syarikat dan jumlah urus niaga yang dilakukan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rosli. Pameran DSA 2004 yang berlangsung daripada 12 hingga 15 April 2004 telah mencapai kejayaan yang mana sambutan dari syarikat-syarikat dari luar negara dan syarikat tempatan adalah menggalakkan. Pameran ini telah disertai oleh sebanyak 550 syarikat daripada 46 negara dan dikunjungi oleh lebih kurang 20,000 orang pelawat dan tetamu.

Dari segi keluasannya pula, ia mempunyai ruang pameran seluas 27,000 meter persegi berbanding dengan 20,000 meter persegi pada DSA 2002. Penambahan ruang ini adalah kerana penambahan permintaan oleh syarikat-syarikat yang berkaitan. Sebanyak 15 memorandum persefahaman dan empat kontrak bernilai RM225.45 juta telah ditandatangani serta tiga *Letter of Intent* telah dianugerahkan.

Selain daripada itu pameran DSA 2004 telah memberi manfaat kepada negara dalam pelbagai aspek iaitu:

- (i) meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa dalam menganjurkan pameran pertahanan bertaraf dunia;
- (ii) menarik syarikat-syarikat pertahanan asing terutamanya daripada negara Eropah dan Amerika Syarikat untuk membuat pelaburan

di negara ini dengan memindahkan operasi mereka ke Malaysia. Seperti contohnya, *Agusta* berhajat untuk mengadakan satu tempat *assembly* di negara kita dan tempatnya pun telah dipilih oleh syarikat *joint-venture* Malaysia ini;

- (iii) menghasilkan *economic spin-off* yang dianggarkan sebanyak RM50 juta kepada industri, *hospitality* dan sokongan seperti penerbangan, hotel, syarikat pengangkutan, perkhidmatan makanan, kontraktor dan sebagainya;
- (iv) memindahkan teknologi tentera kepada negara ini yang boleh digunakan untuk aplikasi tentera dan awam; dan
- (v) menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau *regional hub*, dengan izin untuk memasarkan dan menyediakan perkhidmatan sokongan untuk peralatan tentera.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan kita rakamkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan di atas kejayaan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Sudah sepuluh tahun lebih saya memerhatikan belanjawan negara kita, kementerian yang banyak sekali diberikan peruntukan ialah Kementerian Pertahanan. Kita juga berterima kasih kerana kerajaan telah dapat membuat pemasaran yang baik sehingga banyak di antara syarikat-syarikat pertahanan peringkat antarabangsa dapat datang ke negara kita dan sedikit sebanyak boleh menterjemahkan dasar pemindahan teknologi.

Saya hendak tahu daripada kementerian, oleh kerana jumlahnya agak besar dalam industri pertahanan negara ini sama ada kejayaan-kejayaan ini boleh melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan dari segi nilai ringgitnya dan dijayakan pula dengan penterjemahan pemindahan teknologi. Saya hendak tahu apakah jenis teknologi yang dapat difaedahkan kepada syarikat dan rakyat Malaysia sama ada dari segi pertahanan ini teknologinya berbentuk rendah, menengah ataupun *high tech*, dengan izin iaitu teknologi tinggi. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan ialah mencari satu kemajuan dan dalam pemindahan teknologi ini sudah tentulah kita

berhasrat dan berusaha untuk mengadakan pemindahan teknologi setaraf dengan pembangunan teknologi di rantau ini ataupun di dunia, amnya. Maka dengan itu, DSA ini salah satu daripada cara untuk membawa *the producer*, dengan izin selain daripada mengadakan pameran untuk mencari *partners* yang berada dalam Malaysia sama ada untuk menjadi agen ataupun penerbit-penerbit alat-alat yang dipamerkan pada masa yang berkenaan ataupun dalam masa lain.

Seperti yang telah saya sebutkan tadi, dalam siri DSA yang lalu dan dalam hubung kait pameran ini berserta dengan kerajaan di negara yang berkenaan dengan kerajaan kita, maka salah satu daripada pemindahan teknologi dan ubahsuai serta menjadi – *what do you call it smart partner*, dengan izin, *Agusta* akan diadakan di satu tempat di negara kita bagi *assemble* helikopter yang tersebut dan begitu juga dalam perkara-perkara yang lain. Insya-Allah dalam pembangunan industri pertahanan negara ini banyak perkara yang kita boleh adakan dan dalam masa yang sama negara-negara penerbit berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai satu tempat yang boleh dipindahkan teknologi di samping menjadi *partner* dalam penjualan alat-alat teknologi yang berkenaan bagi sumber pertahanan negara ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat balikkah, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Malaysia telah menganjurkan berbagai-bagai pameran iaitu LIMA di Langkawi, DSA dan berbagai-bagai lagi pameran-pameran alat kelengkapan ketenteraan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, setakat hari ini syarikat-syarikat yang telah datang mempamerkan dan telah mengadakan *joint venture*, menubuhkan syarikat usaha sama ataupun *smart partnership* seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, apakah syarikat-syarikat ini menjadi pengeluar ataupun membuat alat-alat ini bukan sekadar untuk kegunaan Malaysia, tetapi juga untuk kita eksport ke negara-negara Asean dan negara-negara lain di seluruh dunia?

Saya difahamkan bahawa teknologi di negara China begitu besar dan kita mendapati bahawa mereka ini canggih di dalam pengeluaran alat-alat ketenteraan, apakah dengan teknologi ini atau usaha-usaha untuk mereka melabur di Malaysia secara usaha sama untuk kita, mengeluarkan alat-alat kelengkapan ketenteraan supaya kos kita tidak akan begitu besar sekiranya membeli daripada luar negara serta kos penyelenggaraan yang tinggi. Jadi, apakah perancangan kementerian?

Walaupun ini adalah *joint venture* di antara syarikat dengan syarikat, tetapi apabila dianjurkan oleh kementerian, apakah kementerian juga menasihati syarikat-syarikat ini supaya mereka mengadakan kilang di sini? Apakah dengan demikian PERWAJA dan kilang besi lain boleh hidup sekiranya kita menggunakan besi-besi ini sebagai membuat alat kelengkapan ketenteraan kita?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat China, apakah ruang-ruang perniagaan kelengkapan ketenteraan daripada China dengan Malaysia, kerana setahu saya pada hari ini kita belum ada lagi perdagangan dua hala di antara China dengan Malaysia dari sudut ketenteraan? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Berdasarkan kepada persoalan ini, adakah kerajaan mengambil berat tentang kepentingan negara dalam mengadakan hubungan penerbitan dan pemasaran barang-barang ini, di samping keuntungan yang lain di mana anak negara ini akan mendapat kelebihan ilmu dalam pemindahan teknologi dan kelebihan teknologi dalam penggunaan peluang yang ada selepas persefahaman dalam berbagai cara yang diadakan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa terdapat lebih daripada 30 syarikat-syarikat ataupun penerbit-penerbit daripada negara-negara besar di dunia dalam menyertai pameran DSA 2004. Hasil daripada pameran DSA ini terutama sekali dalam Pameran DSA 2004 yang lepas, kawasan kita telah ditempah yang mana untuk 2006 sudah habis 70%. Berdasarkan daripada minat untuk turut serta dalam DSA 2006 ini, sudah tentulah negara-negara yang mempamerkan barang-barang pertahanan negara berminat untuk terus menjadikan Malaysia sebagai pusat pameran yang pertama dan mereka mesti menunjukkan sikap bahawa mereka berminat bukan sahaja untuk mempamer tetapi untuk bekerjasama dan memindahkan teknologi ini.

Dalam apa pun usaha kita dan berkaitan dengan pertahanan teknologi ini, pertahanan negara, sudah tentulah yang pertama, kita melihat barang-barang kita sesuai dengan kita dan teknik pertahanan rantau ini dan di dunia sesuai dengan kemajuan teknik pertahanan semasa ini. Oleh sebab itu, rundingan kita ataupun syarikat-syarikat yang mengadakan *joint understanding* untuk menjual ataupun menerbit mestilah berasaskan kepada kepentingan negara ini terutama sekali.

Yang pentingnya kita hendak tentukan bahawa mereka mesti ada pemindahan teknologi dan berkaitan dengan itu mesti ada pemindahan ilmu - *knowledge base* itu

yang kita tekankan dan akhirnya kalau bersetuju untuk mengadakan *joint products* di dalam negara kita mengenai alat-alat pertahanan negara ini, kita menentukan kita membuat pemilihan tempat dan kita menentukan pakar-pakar yang dilatih daripada negara kita bagi menentukan penerbitan pada hasil sutnya adalah akan menjadi kepuasan dan dalam satu strategi jangka panjang, kita menjadi penerbit yang akhirnya.

Bersabit dengan usaha ini, saya ingin menerangkan bahawa kerajaan dalam usaha pameran ini akan meneruskan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya negara kita bukan sahaja menjadi negara pembeli, negara kita juga berhasrat untuk menjadi negara penjual daripada hasil *joint venture* pemindahan teknologi yang disebutkan tadi. Terima kasih.

7. **Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan atau akan diambil oleh kementerian bagi memperkasa dan mempertingkatkan peranan dan tanggungjawab Persatuan Ibu bapa dan Guru di sekolah-sekolah seluruh negara bagi membendung gejala sosial, membentuk insan yang soleh dan menjana kecemerlangan akademik dan kokurikulum di kalangan pelajar-pelajar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba ringkaskan jawapan saya. *[Baru perasan tempat duduk bagi Yang Berhormat Kuala Kedah telah bertukar]* Eh, dari Kuala Kedah? Oh, maaf saya, selalu nampak Kuala Kedah sebelah sana. Hari ini Kuala Kedah di bawah Barisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata hendak ringkaskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, saya nampak tadi. Biasanya Kuala Kedah di sana tetapi hari ini di sini pula. Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pandang Speaker sini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey, baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam satu Surat Siaran iaitu mengenai dengan masalah salah laku murid dijadikan agenda tetap Mesyuarat Agong dan Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ibu bapa, Guru ataupun PIBG bertarikh 30 Disember 2003 telah menyarankan supaya semua PIBG menjadikan perbincangan serta laporan mengenai langkah-langkah menangani isu salah laku

sebagai agenda tetap dalam setiap perjumpaan sama ada semasa Mesyuarat Agung Tahunan ataupun semasa mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa yang diadakan secara berkala sebagai salah satu langkah proaktif bagi mengatasi masalah salah laku di kalangan murid-murid sekolah.

Adalah juga disarankan supaya setiap persatuan ibu bapa atau PIBG menubuhkan satu jawatankuasa kecil khas untuk tujuan ini. Antara fungsinya ialah:

- (i) mengkaji perancangan dan strategi pihak sekolah yang sedia ada bagi menangani masalah salah laku;
- (ii) menyediakan pelan tindakan kurikulum;
- (iii) mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya salah laku di sekolah berkenaan;
- (iv) mengatur strategi untuk mengatasi masalah dengan kerjasama ibu bapa murid yang terlibat; dan
- (v) melaporkan keberkesanan pendekatan yang diambil dalam Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa.

Mengenai dengan perkara akademik pula, kita senantiasa mengambil langkah dan ini berlaku setiap masa guru yang terlatih maksudnya guru-guru opsyen, banyak orang mengatakan bahawa tidak cukup guru. Sebenarnya bukan tidak cukup guru, guru opsyen kursus-kursus ataupun mata pelajaran yang kritikal seperti Sains, Matematik dan sebagainya.

Keduanya kita menyediakan Guru Kaunselor kepada setiap sekolah bagi 500 orang murid dan kita berikan seorang Guru Kaunselor dan Guru Kaunselor ini kita juga menyatakan bahawa mereka ini benar-benar sebagai seorang Guru Kaunselor dan tidak terlibat dalam mata-mata pelajaran yang lain.

Begitu juga dengan pasukan beruniform, kita juga mengambil langkah-langkah ini. Selain dari itu, secara tidak langsung kita menggalakkan pasukan-pasukan ini mengadakan bermacam-macam acara. Ini juga saya hendak nyatakan mengenai dengan kelas *tuition*. Pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM168,727,690 bagi kelas *tuition*. Buat setakat ini baucar *tuition* hanya 50% sahaja yang dapat kita sampaikan walau bagaimanapun, kita akan teruskan mengenai dengan ini bagi murid-murid yang mana keluarganya berpendapatan RM530 ke bawah dan kita juga telah menyediakannya bagi semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan?

Tuan Lim Hock Seng: 36 dan 27 (3), 49 (2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, 36...

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 30....

Tuan Lim Hock Seng: 36, 27 (3)....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 27....

Tuan Lim Hock Seng: (3), 49 (2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat bagi Mambong telah berucap selama enam jam dan itu masih tidak mencukupi. Pagi ini beliau pergi ke TV1 untuk menerangkan kepada TV1 dalam satu temu ramah bersama-sama dengan Tuaran dan beliau telah mengkritik pihak pembangkang khususnya DAP sepi dalam rang undang-undang ini. Mana beliau tahu kita sepi? Dia sudah ambil enam jam. Kita tunggu sini tidak ada peluang berucap!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Lim Hock Seng: Dan Tuaran juga 'bersuhabat' dengan beliau untuk menggugurkan usul sendiri.

Seorang Ahli: Salah bahasa tu – 'bersubahat'.

Tuan Lim Hock Seng: Sepatutnya... bersubahat sebab dia gugurkan usul dia sendiri. Kalau tidak begitu panjang, maka selesaikan Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila duduk.

Tuan Lim Hock Seng: Maka usul dia sendiri boleh dibangkitkan tetapi beliau sengaja sahaja bersubahat dengan Tuaran dan gugurkan usul sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, 36(6).

Tuan Lim Hock Seng: Jadi saya meminta Yang Berhormat Speaker, bolehkah memberitahu sama ada usul ahli persendirian boleh dibangkitkan atau tidak atau akan terus ditarik, tarik, tarik sehingga selesainya lagi satu rang undang-undang iaitu Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagi saya usul itu masih dikekalkan setakat ini. Cukup, cukup. Duduk. Baik, baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Yang di-Pertua, ini perlu penjelasan DAP ini. Ini sangkaan jahat. Kita tidak ada soal bersubahat. Pagi tadi kita di RTM, kita ditanya oleh pemberita, kita jawab sahajalah. Betul pun tidak ada, tidak mencelah.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Baiklah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang di bahagian sini, seorang yang membuat ucapan yang lain mencelah. Ini tidak ada mencelah kita cakaplah sepi. Memang sepi.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi mengapa kata pihak sini sepi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, tidak payah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tidak ada mencelah.

Tuan Lim Hock Seng: Belum selesai lagi bincang rang undang-undang ini, mengapa sepi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Maksud kita dia tidak mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kedua-dua Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Bagan tarik baliklah yang Tuaran ini bersubahat. Tarik balik. Ini sangkaan jahat.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak ada salah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak ada salah!

Tuan Wilfred Madius Tangau: Itu sangkaan jahat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Jikalau usul....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Ada Peraturan Mesyuarat. Bila Speaker tegur, kedua-dua sila duduk! Yang Berhormat, duduk!

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *[6 Julai 2004]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Mambong. Banyak lagikah, Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tidak panjang lagi. Saya hanya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya mintalah ringkaskanlah.

11.10 pagi

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang patuh kepada peraturan Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau Yang Berhormat bagi Bagan mahu berucap, biarlah dia berucap nanti selepas saya berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pun terpulang kepada saya.

Ahli Dewan: *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah Yang Berhormat membuat cadangan itu.

Dr. James Dawos Mamit: Sebelum saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Yang Berhormat bagi Gombak apa yang diperkatakan bahawa hasil-hasil penyelidikan daripada kajian-kajian di makmal memang tidak begitu sesuai untuk membuat standard-standard dan piawaian. Saya bersetuju

dengan beliau kerana di makmal, dos-dos yang direkomenkan adalah hanya untuk binatang sahaja. Seperti mana yang kita tahu tahap ketahanan keracunan binatang adalah lebih tinggi daripada kita manusia. Oleh itu, pihak kementerian haruslah melihat perkara ini dari segi aplikasi sama ada kesimpulan daripada makmal itu boleh diguna pakai atau tidak.

Untuk menggulung, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan pihak kementerian untuk membuat kajian terperinci bagi menentukan penyakit-penyakit yang boleh timbul kerana penggunaan *pesticide* di negara kita. Saya juga menyarankan agar kementerian selalu berwaspada mengenai isu-isu antarabangsa yang berkaitan dengan pengharaman *pesticide* di peringkat antarabangsa kerana di peringkat antarabangsa banyak *pesticide* telah pun diharamkan mengikut konvensyen-konvensyen yang sedia ada. Oleh itu kementerian haruslah selalu berwaspada mengenai isu-isu antarabangsa.

Yang terakhir sekali, yang ketiga, saya menyarankan agar kementerian mengharamkan import sisa-sisa industri di dalam apa jua bentuk kerana sisa-sisa ini boleh digunakan sebagai sebahagian rumusan racun. Peruntukan di bawah Basel Convention sedia ada oleh itu negara kita dan kerajaan haruslah peka kepada peruntukan-peruntukan di dalam Basel Convention agar kita tahu manakah sisa-sisa industri yang toksik dan seharusnya tidak boleh diimport.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

11.14 pagi

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja dalam membahaskan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 ini kerana kita telah pun mendengar lebih daripada satu hari yang diucapkan oleh saudara saya daripada Mambong iaitu mulai daripada semalam dan disambung pada pagi sekejap tadi. Walau bagaimanapun, ada perkara-perkara yang saya rasa perlu saya sebutkan di sini untuk pengetahuan kita ataupun untuk tindakan pihak kementerian yang membawa masuk satu pindaan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 di dalam Dewan pada hari ini.

Perkara yang saya hendak sebutnya ialah perkara-perkara yang telah disebut tetapi tidak diuraikan dengan secara detail iaitu berkenaan penggunaan racun di dalam ladang-ladang, estet iaitu racun-racun yang digunakan dalam estet yang dahulunya pernah digunakan sebagai racun dinamakan Paraquat yang telah diharamkan pada 27 Ogos 2003 berpanjangan hingga 2005. Saya berterima kasih kepada pihak berkuasa yang telah bersusah payah sehingga terpaksa berhempas pulas untuk mengharamkan racun jenis Paraquat ini yang telah meragut ramai nyawa pekerja-pekerja ladang khususnya.

Perkara ini memang senang dikawal kerana Paraquat ini digunakan oleh ladang-ladang getah khususnya di estet-estet yang besar. Ia senang dikawal kerana tuan punya ladang ini orang-orang yang korporat, orang-orang yang cerdik pandai, yang boleh memahami hasrat oleh pihak-pihak tertentu khususnya pihak kerajaan bagi mengawal racun tersebut.

Biasanya mereka ini menggunakan racun-racun rumpai yang umur ataupun hayatnya panjang yang kalau kita gunakan sampai ke tahap sekali guna untuk beberapa bulan barulah racun ini menjadi biasa.

Tetapi yang menjadi masalah sekarang ialah racun-racun jangka pendek yang digunakan oleh pihak orang-orang kampung, petani-petani luar bandar yang kadang-kadang orang kampung juga mereka ini suka menggunakan racun-racun hayat jangka panjang kerana mereka itu dari segi ekonomi, cukup-cukup ekonomi. Sekali digunakan racun sampai tiga bulan, enam bulan. Tetapi kalau menggunakan racun jangka hayat yang pendek setiap bulan terpaksa digunakan racun tersebut menyebabkan kos melambung tinggi dan pengguna tenaga itu berlipat kali ganda.

Saya hendak sebut di sini ialah pertama saya hendak berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menambahkan anggota Lembaga Pengarah ini 14 orang, sebelum ini tidak seramai itu. Tetapi apa yang dimasykikan ialah kalau Lembaga Pengarah ini boleh ditambah, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan kakitangan penguatkuasaan yang telah menjadi persoalan dalam Dewan ini semenjak semalam lagi di mana pegawai-pegawai penguatkuasaan yang ada dalam beberapa jabatan, beberapa kementerian sekarang ini tidak mencukupi untuk mengatasi atau membanteras penggunaan racun berleluasa.

Kalau kita lihat sekarang ini ada beberapa tahap racun yang digunakan ini. Kalau kita tengok racun rumpai umpamanya, racun jangka pendek ialah seperti

Gramaxon, Amor, Spark, Dasatok dan sebagainya. Tetapi racun yang jangka hayat panjang sedikit ialah Round Up yang menjadi pilihan utama kepada rakyat di kampung sekarang ini kerana sekali kita gunakan racun ini sampai peringkat enam bulan barulah rumput itu naik kembali. Racun Round Up ini bahayanya lebih daripada kalau kita gunakan racun yang saya sebutkan tadi seperti Gramaxon, Dasatok, Amor, Spark dan sebagainya. Ini digunakan untuk rumput, biasanya digunakan di dalam estet dan di ladang-ladang getah dan kelapa sawit.

Ada pun racun lain ialah racun-racun yang lebih ringan sedikit ialah racun-racun digunakan bagi tanaman sayur seperti digunakan Taidan, Puradan dan sebagainya. Racun inilah yang menjadi persoalan sekarang ini kerana sebahagian besar sahabat kita semalam telah berhempas pulas untuk memastikan supaya pihak kerajaan mengambil berat terhadap penanam-penanam sayur terutama sekali di Tanah Tinggi Cameron Highlands dan juga di negeri Kelantan Tanah Tinggi Lojing bersempadan dengan Cameron Highlands yang baru sahaja diterokai yang masih subur tanah tersebut dan penanam sayurnya masih lagi tidak perlu menggunakan baja-baja kimia (*chemical*) kerana tanah masih subur. Tetapi penggunaan racun juga nampaknya telah mulai terasa oleh rakyat Kelantan di Tanah Tinggi Lojing yang dipelajari daripada penanam-penanam sayur di Cameron Highlands. Saya minta supaya kerajaan kawal perkara ini kerana barangkali penanam-penanam sayur di Cameron Highlands ini lebih educated dan juga berpengalaman kerana telah lama menanam sayur berpuluh tahun di Cameron Highlands. Tetapi bagi penanam-penanam sayur yang berada di Tanah Tinggi Lojing, tanah tinggi yang amat subur dikatakan itu, penanam-penanam sayurnya masih lagi tidak mempunyai pengalaman dalam penggunaan racun-racun dan teknologi-teknologi tinggi yang lain.

Saya harap pihak kerajaan mengawal lebih awal kepada penanam-penanam sayur ini supaya tidak berjangkit fiil perangai ataupun tingkah laku yang digunakan oleh penanam-penanam sayur yang lebih veteran, lebih pengalaman, yang lebih kaya yang berada di Cameron Highlands ini berjangkit di Kelantan ini.

Kalau kita tengok sekarang ini satu penggunaan racun yang amat bahaya sekali, ini digunakan oleh rakyat di kampung ialah Puradan 3G. Racun Puradan 3G ini ia tidak gunakan dengan secara semburan, tidak menggunakan dengan secara cocok, tetapi dimasukkan di dalam tanah dan jangka hayatnya terlalu panjang, sampai peringkat tiga bulan, enam bulan barulah habis kuasa yang ada pada racun tersebut.

Sedangkan tanaman-tanaman jangka pendek boleh di*harvest*kan dalam masa dua bulan, tiga bulan. Ini bermakna kesan penggunaan racun Puradan 3G yang saya sebutkan tadi masih ada lagi sama ada di dalam daun, sama ada di dalam buah yang dipetik selepas daripada tiga bulan ataupun selepas empat bulan, lima bulan, kerana racun Puradan 3G ia memakan masa sampai enam bulan barulah ia tidak aktif lagi.

Jadi, saya minta pihak penguat kuasa mengambil perhatian ini kerana kalau dilihat dari segi mata kasar kita tidak akan nampak penggunaan racun Puradan 3G kerana ia terletak di dalam tanah. Ada pun penggunaan racun-racun semburan ini boleh dilihat di daun-daun ataupun di buah-buah tersebut. Ini keadaan yang perlu kita ambil perhatian. Racun Puradan 3G ini masih lagi tidak diharamkan oleh pihak kerajaan, tidak seperti mana racun yang lain yang telah diharamkan oleh kerajaan seperti Lenex, Venlet dan sebagainya. Racun Puradan 3G ini bukan sahaja digunakan oleh penanam-penanam sayur, tetapi kalau dilihat di Kelantan sebahagian lagi khususnya penduduk-penduduk di tanah *sandy soil* di Bachok, di Tumpat, di Pasir Puteh yang sesuai digunakan untuk tanaman tembakau, mereka ini menggunakan Puradan 3G. Mereka tidak menggunakan racun-racun yang lain yang direkomen oleh pihak Lembaga Tembakau Negara ataupun oleh pihak kementerian ataupun oleh pihak pengawet, tetapi mereka tetap menggunakan racun Puradan 3G, juga masih lagi menggunakan Linex yang telah diharamkan oleh pihak kerajaan.

Kalau kita lihat racun yang direkomenkan oleh pihak Lembaga Tembakau Negara atau pihak pengawet tembakau ialah racun-racun jenis *nitrate* yang tidak berbahaya ataupun jangka hayat tidak panjang seperti mana saya sebutkan tadi. Tetapi Puradan 3G ini kita lihat kalau di waktu menanam tembakau, waktu anaknya kecil, waktu hendak ditanam itu dilapikkan, diletakkan satu sudu racun Puradan 3G di bawah anak benih ini. Segala serangga tidak akan serang pucuk-pucuk ataupun daun-daun tembakau sehingga habis kita *harvest* daun tersebut. Ini menunjukkan kekuatan racun Puradan 3G. Maknanya, kesan sampingannya ialah kepada penghisap-penghisap rokok.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Puradan 3G, apabila dimasukkan di dalam tanah, di bawah tanaman tembakau, segala serangga termasuklah serangga anai-anai, serangga-serangga yang lain, api-api umpamanya, apabila ia makan sahaja daun itu ia mati, jatuh di tempat yang sama, tidak sempat hendak terbang ke lain. Ini menunjukkan kekuatan Puradan 3G. Apatah

lagi kalau Puradan 7G. Tetapi perkara ini tidak disedari oleh pihak kerajaan dan tidak disedari oleh pihak-pihak terutama sekali pihak perokok, kerana daun tembakau Virginia ini juga yang digunakan untuk membuat tembakau selain daripada daun Virginia Tobacco yang diimport daripada luar negara.

Jadi, saya harapkan supaya pihak kerajaan memantau penggunaan racun Puradan 3G walaupun masih lagi tidak diharamkan oleh pihak kerajaan, saya dimaklumkan, tetapi ianya cukup-cukup merbahaya kepada penanam-penanam sayur dan juga kepada penanam-penanam tembakau khususnya kepada penghisap-penghisap rokok yang menjadi kesan sampingan.

Yang keempat, kita tengok racun yang digunakan dalam kelapa sawit yang disebutkan oleh sahabat saya semalam Yang Berhormat bagi Mambong sebut yang digunakan jenis 'Methamidopaus'. Saya rasa ini telah pun boleh dikatakan sudah dikawal oleh pihak kerajaan seperti mana kerajaan mengawal Paraquat yang diharamkan mulai 27 Ogos 2003 dan sehingga 2005. Saya tidak nampak kenapakah pihak kerajaan masih lagi memanjangkan tempoh pengharaman penggunaan bahan Paraquat ini. Dahulu Menteri menjawab, saya baca dalam surat khabar mengatakan bahawasanya terpaksa dipanjangkan tempoh ini kerana stoknya terlalu banyak, bahan-bahan Paraquat ini. Sebab itu kita tengok masih ada lagi racun-racun yang digunakan nama 'Kuat', 'Terkuat', kita tengok tulisan di botol-botol racun tersebut yang isi kandungannya ialah Paraquat. Kenapakah kerajaan tidak boleh memansuhkan terus, tidak perlu kita panjangkan, tidak perlu menghabiskan stok yang ada supaya perkara ini boleh diberhentikan serta-merta.

Kita tengok pula racun-racun digunakan untuk buah-buahan.

Tuan Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah banyak membicarakan tentang pencemaran dari segi *ecosystem* terutamanya di kawasan-kawasan tanaman tembakau cukup menarik sekali tadi – pencemaran airnya, pencemaran dari segi air perigi, telaganya itu, apakah cadangan Yang Berhormat dalam usaha untuk kita memelihara dan juga untuk kita memastikan kesihatan *ecosystem* kita supaya terutamanya dalam konteks di Kelantan itu dapat

terjamin dari segi kesihatan manusia, kesihatan persekitaran kita barangkali ada pemikiran-pemikiran yang bernas daripada pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Memang dari segi penjagaan *ecosystem* bagi rakyat Kelantan ini sentiasa dipantau oleh pihak-pihak tertentu, saya ingat agensi-agensi kerajaan yang berkenaan kerana kita mengetahui sebahagian besar *sandy soil* yang berada di kawasan penanaman tembakau, di Bachok, Pasir Puteh dan Tumpat ini mudah diserapi oleh air-air yang mengandungi bahan-bahan baja, khususnya baja-baja dan juga bahan-bahan racun seperti mana saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sekarang ini cuba mengatasi dengan penggunaan saluran-saluran air yang diusahakan oleh pihak Lembaga Tembakau Negara sekarang ini dengan peruntukan begitu banyak yang diberikan kepada pihak penanam-penanam tembakau, kepada pengawet seterusnya kepada Lembaga Tembakau Negara di Kelantan supaya pengaliran air daripada kawasan tanaman tembakau ini disalurkan kepada tempat yang munasabah dan sesuai supaya ianya tidak menjejaskan kepada manusia khususnya kepada penduduk-penduduk yang berada di sekitar tanaman tembakau ini.

Saya berterima kasih kepada pihak Lembaga Tembakau Negara yang telah memperuntukkan begitu banyak, juga terima kasih kepada menteri berkenaan kerana memperuntukkan yang begitu banyak kepada saluran air yang digunakan oleh penanam-penanam tembakau di dua jajahan yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin juga sentuh kepada masalah racun buah-buahan. Racun buah-buahan ini sebenarnya tidak banyak digunakan oleh penduduk kampung kerana kita lihat penduduk kampung tidak begitu banyak menanam buah-buahan yang menjadi buah-buahan untuk dikomersialkan, untuk dieksport dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, buah-buahan ini banyak diimport daripada luar negara, khususnya bagi negeri Kelantan, Kedah, Perlis ia terasa sangat kerana sebahagian besar buah-buahan ini diimport daripada negara tersebut terutama sekali buah durian, dokong, longan, rambutan.

Boleh dikatakan negara jiran kita ini tidak bermusim, sentiasa mengeksport barang daripada negara mereka itu dan sebahagian besar daripada peniaga-peniaga kita pula mengimport barang-barang tersebut sehingga tidak dapat dikawal oleh pihak kerajaan kita dari segi penggunaan racun ini.

Beberapa kali saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan penggunaan racun-racun oleh petani-petani daripada Thailand ini yang membawa masuk hasil tanaman mereka ke negara kita ini tidak dapat dikesan dan tidak dapat dikawal. Pihak menteri waktu itu, Timbalan Menteri Kesihatan kalau tidak silap saya lima kali telah menjawab soalan saya dengan mengatakan perkara ini dalam siasatan, dalam siasatan. Bukan Menteri Pertanian tetapi Menteri Kesihatan kerana Kementerian Kesihatan yang berhak untuk mengkaji tentang penggunaan sama ada penggunaan *formalyn* iaitu sejenis alkohol yang digunakan untuk menyegarkan buah-buahan dan juga untuk menyegarkan ikan yang diimport dari Thailand.

Tetapi setelah satu penggal saya berada di sini, empat tahun lebih saya berada di sini, masih lagi tidak terjawab kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan terhadap penggunaan racun-racun untuk mengawet buah-buahan, untuk mengawet ikan dari negara jiran itu.

Yang saya musykilnya ialah semalam, sahabat saya menyebutkan tentang buah-buahan yang dieksport dari Thailand ke negara Arab, tidak menggunakan lebihan dos racun untuk menyegar buah-buahan ini, barangkali ke negara kita ditambahkan dos itu kemudian saya sebutkan yang digunakan ke negara kita ialah 2.4 dos menggunakan sejenis racun "biabendozel" yang saya sebutkan semalam.

Ini perkara yang perlu diambil perhatian, kalau kita menguatkuasakan, kalau kita ada kerjasama di antara kedua kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan betul-betul menjaga dan meneliti terhadap buah-buahan yang diimport ke negara kita ini, saya yakin dan percaya bahaya yang dirasakan oleh pengguna-penggunanya tidak begitu tinggi.

Umpamanya salah guna, barangkali kita tidak sedar pihak yang mengimport bahan tersebut telah pun sedar bahawasanya cara untuk menggunakan bahan-bahan yang diimport itu ada ditentukan. Umpamanya buah longan, pihak pengimport telah pun memberi tahu kepada kita sebelum kita hendak makan buah longan ini ataupun buah mata kucing di namakan oleh rakyat Kelantan, kita tidak boleh mengambil dan memakan terus buah tersebut kerana racun yang digunakan bukanlah racun yang disuntik di dalam buah tetapi racun yang disemburkan di kulit sahaja.

Kalau kita ambil buah itu, kita koyakkan, kita buang kulit maka racun sudah melekat di tangan kita. Kalau kita tidak sedar, kalau kita makan isinya maka racun yang ada di tangan kita itulah yang akan menjadikan kita penyakit batuk dan

sebagainya. Tetapi kalau kita menggunakan kaedah yang betul sebelum kita makan, kita ambil buah itu dahulu, kita rendam dahulu terutama sekali rendam dengan air garam, lebih kurang satu jam, kita akan lihat keluarnya racun-racun berwarna putih di dalam air tersebut, kemudian kita basuh lagi sekali barulah kita boleh makan. Walaupun jari kita ini menggunakannya untuk kita koyak buah tersebut tetapi kita tidak ada kesan sampingan. Oleh kerana kita terlalu gopoh, kita tidak berhati-hati, kita tidak cuba bertanya kepada pengimport menyebabkan kita yang terkena perkara tersebut.

Manakala orang di Arab Saudi, oleh kerana semua buah-buahan terpaksa dibasuh dahulu sebelum dimakan kerana kita mengetahui di Arab Saudi ini negara yang berdebu maka sama ada buah-buahan itu mengandungi racun atau tidak, sebelum dimakan dibasuh dahulu semua buah-buahan. Tetapi tabiat orang kita, makan buah-buahan dengan tidak membasuhnya dahulu sama ada buah rambutan, buah longan dan sebagainya. Kecuali buah durian itu tidak payah basuhlah kerana dia tidak menggunakan racun di luar walaupun durian ini juga menggunakan satu bahan untuk mempercepatkan buah itu masak digunakan juga satu bahan ataupun satu jenis racun yang mempercepatkan supaya buah itu masak.

Mereka ini mengimport buah-buahan daripada Thailand ini dalam keadaan buah yang belum masak, bila berada di negara kita lebih kurang dua atau tiga hari, buah itu masak dengan begitu cepat. Kalau tidak menggunakan bahan awet, sudah tentu buah-buahan itu akan buruk dan dia tidak akan masak buah-buahan itu. Tetapi teknologi Thailand ini tinggi, dia memetik buah-buahan yang belum masak yang sudah tua, tetapi dia boleh tahan beberapa hari sehinggalah sampai *target* ke negara mana yang dia hendak eksport, kalau ke negara Arab Saudi biasanya satu minggu. Satu minggu satu kali dia hantar buah-buahan ini ke negara Arab Saudi melalui kapal terbang kargo dan dia buat jangka dalam masa satu minggu buah-buahan tersebut akan masak dan boleh dimakan oleh rakyat Arab Saudi.

Tetapi perkara-perkara seperti ini perlulah kita ambil perhatian, perlu kita mempelajari dan perlu kita membuat *research* supaya kerajaan kita juga boleh menggunakan sejenis racun yang tidak berbahaya dan buah-buahan ini hayatnya panjang. Umpamanya kita katakan buah dokong, buah dokong kita tidak boleh eksport kerana masanya terlalu pendek, tidak boleh lama kerana ia akhirnya akan menjadi lembik. Oleh yang demikian, kita mesti cari satu formula racun yang dibenarkan yang

boleh kita guna, kita awetkan sehingga kita boleh eksport ke luar negara dan rakyat di luar negara makan tidak akan terjejas. Ini perkara-perkara yang perlu kita lihat.

Kemudian satu teknologi baru mengenai racun, racun di ladang nanas, saya tidak tahu kerana Johor ini sebuah negeri yang telah lama menanam nanas ini dan kita tengok nanas di Johor ini ditinkan dan dieksport. Tetapi nanas yang baru muncul di Kelantan, khususnya di kawasan saya di kawasan Parlimen Rantau Panjang di daerah Gua Puyuh dan saudara-saudara pergi ke Rantau Panjang, pergi *shopping* atau pergi ke Thailand melalui Lebuh raya Pasir Mas – Rantau Panjang kita lihat di tepi-tepi jalan nanas yang besar, yang manis tetapi teknologi yang digunakan yang dikatakan 100% adalah teknologi daripada Thailand.

Mereka boleh menjangkakan buah nanas kalau kita tengok sekarang ini setiap tahun berbuah, setiap tahun boleh dipetik kalau kita tengok di Kelantan sekarang ini. Kalau dahulu ia bermusim di antara bulan Jun sampai bulan Ogos, kita tengok penuh dengan nanas boleh dipetik. Tetapi sekarang tidak bermusim lagi oleh kerana mereka ada satu bahan yang digunakan untuk menjangkakan buah tersebut, bila dia akan keluar bunga, bila dia akan berbuah, bila pula dia akan masak.

Ini penggunaan teknologi Thailand yang saya tidak tahu sama ada benda itu mengandungi racun yang berbahaya atau tidak. Demikian juga rumput rumput.

Tuan Yang di-Pertua: Dua guna hormon Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dia guna hormon.. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua kata menggunakan hormon, buah nanas tidak payah guna hormon Tuan Yang di-Pertua sebab dia besar dah. Saya sebut semalam ialah buah timun menggunakan hormon.

Kemudian, racun rumput. Kita tengok racun rumput yang digunakan di Thailand, satu jenis racun rumput yang kita sembur dalam ladang nanas, nanas tidak ada kesan apa-apa, tidak mati nanas, rumput sahaja yang mati. Ini satu teknologi yang cukup baik. Saya harap pihak kementerian ini sama ada Kementerian Pertanian atau Kementerian Kesihatan mencari satu formula, kita jangan malulah kita pergi belajar dengan Thailand ini, jangan malu.

Kita makan buah dia, kita bersyukur kerana kita dapat makan setiap tahun, setiap masa buah dia, kita bangga dengan Thailand tetapi kita tidak mahu merendahkan diri kita untuk kita mempelajari cara mana teknologi yang digunakan oleh

pihak Thailand yang sehingga hari ini kita masih lagi tidak boleh mengatasi kaedah dan cara yang digunakan oleh pihak Thailand dari segi pertanian.

Kita daripada adanya Universiti Pertanian kita tukar kepada Universiti Putra barangkali sampai masanya kita hendak mengembalikan balik Universiti Pertanian ini supaya adalah pemikiran rakyat bahawa universiti ini ialah yang akan mengeluarkan graduan-graduan yang mahir dalam bidang pertanian dan mahir dari segi penggunaan racun dan baja kepada kita semua.

Kalau kita lihat sekarang ini, kita jangan marah kepada orang kampung. Orang kampung memang dia sudah mulai cerdik dalam penggunaan racun ini. Kalau kita jual racun yang kita tandakan di botol itu, dia ada kelas satu, kelas dua, kelas tiga sampai kelas empat ditulis di situ. Rakyat di kampung, dia tidak akan beli racun kelas empat. Dia tahu bahawa kelas empat ini tidak berkesan. Dia akan cari juga racun kelas dua seperti *Roundup* untuk racun rumput. Dia tak akan beli *Gramoxone* kerana racun *Gramoxone* itu ditulis kelas empat yang kesannya cepat mati tetapi cepat tumbuh kembali. Jadi, kita tidak boleh marah kepada mereka ini kerana mereka ini telah sedar cara penggunaannya.

Demikian juga mengenai penggunaan racun tembakau tadi, kini mereka telah mengetahui walaupun kita kata *Linex* kita sudah haramkan tetapi di Thailand masih ada, *Bendex* kita sudah haramkan tetapi di Thailand masih ada digunakan dan kita menggunakan racun-racun tersebut kerana benda itu boleh diseludup masuk ke negara kita dan sentiasa bolos dari segi pertahanan kita, dari segi penguatkuasaan kita di sempadan, kecuali beras, yang sekarang ini nampak bertahan sedikit tetapi dari segi pengimportan racun dan sebagainya masih lagi berterusan.

Dan saya harap kedua-dua kementerian - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kesihatan, supaya berhati-hati dan berwaspada terhadap penggunaan racun ini dan menambahkan bilangan penguatkuasaan. Penguatkuasaan mesti ditambah kerana kalau kita lihat dari segi alam sekitar, penguat kuasa alam sekitar saya rasa kalau tidak ramai pun tidak mengapa kerana dia akan nampak.

Misalannya jika pembakaran berlaku di ladang-ladang, dari jarak satu batu lagi dia sudah boleh tengok, boleh lihat asap naik ke udara yang menunjukkan mesti ada berlaku pembakaran secara terbuka, maka dia boleh pergi. Tetapi penggunaan racun pada pokok-pokok sudah tentu payah, pertama sekali kita terpaksa sampai ke tempat itu, kita memerhati di situ. Kalau kita berjalan begini kita tidak akan dapat mengetahui

apakah racun yang digunakan itu adalah dari jenis yang dibenarkan oleh pihak kerajaan ataupun tidak.

Ini satu perkara yang cukup susah dan oleh yang demikian bilangan penguat kuasa mesti ditambah berlipat kali ganda barulah berkesan untuk kita bertindak kepada sesiapa sahaja sama ada ladang-ladang yang besar, sama ada orang-orang kampung yang menggunakan baja ataupun menggunakan racun-racun yang tidak disahkan oleh pihak kerajaan kita. Dan saya berterima kasih kepada pihak MARDI semalam sahabat saya dari Subang mengatakan pihak-pihak yang membuat R&D di Malaysia ini sebahagian besarnya tidak berjaya, tetapi saya ada membaca satu rencana di mana seorang Penyelidik Kanan dari MARDI, Dr. Cheah Uan Boh mengatakan bahawa hasil daripada kajian, terutamanya dari segi sumber air, kajian yang dijalankan di beberapa kawasan mendapati air bawah tanah yang menjadi sumber para penduduk di kawasan berkenaan telah tercemar dengan racun pertanian yang digunakan.

Beliau mengatakan tahap racun-racun ini melebihi tahap piawaian yang ditetapkan oleh WHO dan sebahagian besarnya berlaku di Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang dan Kedah. Jadi fenomena ini patut kita ambil perhatian dan saya harap pihak MARDI khususnya meningkatkan lagi dari segi penyelidikan mereka kerana saya yakin, saya percaya hasil daripada penyelidikan ini akan dapat membantu kerajaan kita untuk mencegah penggunaan racun terutama sekali racun-racun yang menjejaskan penggunaan air di Cameron Highlands dan beberapa tempat yang lain di Malaysia. Saya rasa itulah sahaja yang saya hendak sebutkan di sini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, soalan? Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan Yang Berhormat. Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey, tentang perkara yang mungkin tidak disebut ataupun tidak saya ikuti sepenuhnya tentang apa yang dipanggil sayuran organik yang dianggap oleh orang-orang yang menasihati kita tentang kesihatan sebagai makanan sayuran atau buahan yang lebih selamat berbanding dengan sayuran-sayuran biasa. Saya hendak bertanya dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sama ada konsep sayuran organik ini benar-benar baik dan jika ia baik dan dari sudut ekonominya *viable*, adakah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang berhasrat untuk mencadangkan kepada kementerian untuk menentukan sasaran matlamat tertentu bahawa negara kita dalam jangka masa lima

tahun akan datang misalnya, inginkan supaya sayuran organik ini mengandungi ataupun dijadikan 50 peratus ataupun 20 peratus daripada tanaman-tanaman kita ataupun konsep-konsep dan matlamat-matlamat seperti itu, adakah kita melihat bahawa makanan, sayuran organik ini benar-benar baik dan adakah kita hendak mencadangkan kepada kerajaan untuk menggalakkan dengan insentif-insentif tertentu supaya makanan sayuran organik ini benar-benar menjadi amalan kepada masyarakat kita. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Yang Berhormat bagi Tumpat ada menyebut berkenaan dengan tanaman sayur-sayuran dengan cara teknologi menggunakan organik, dan bukan sahaja organik, hidroponik juga pernah dicuba oleh pihak kerajaan kita. Memang kalau kita lihat penggunaan organik ini memang sayurnya lebih meyakinkan, hasilnya lebih meyakinkan kepada pengguna-pengguna tetapi barangkali oleh kerana perkara ini perkara baru, perkara ini perkara yang kosnya agak tinggi sedikit yang mana boleh membebankan kepada penanam-penanam sayur dan juga kepada petani-petani kita yang menyebabkan usaha penggunaan organik ini terbantut, tetapi kalau kerajaan kita merasa perkara ini patut diperluaskan dan saya cukup-cukup yakin kalau kerajaan kita mampu khususnya Jabatan Pertanian mampu ...

Tuan Samsu Baharun Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: menggalakkan rakyat supaya nanti sekejap, menggalakkan rakyat supaya

Tuan Samsu Baharun Abdul Rahman: [*Bangun menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap, sekejap.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: menggunakan organik ini. Demikian juga dengan kaedah hidroponik, hidroponik adalah lebih baik lagi kalau kerajaan kita berkesempatan untuk membantu petani-petani di tanah air kita. Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Tuan Samsu Baharun Abdul Rahman: Kuorum cukupkah tidak sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta supaya mengikut kuorum. Yang Berhormat, yang bertanya minta penjelasan, itu bukan penjelasanlah. Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya. Jadi kesimpulannya, apa yang saya sebutkan di sini ialah penggunaan racun ini perlu diawasi dan penambahan bilangan penguat kuasa ini perlu ditambah dengan lebih ramai dan gabungan di antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ini mestilah digunakan sepenuhnya oleh pihak tertentu yang mempunyai kuasa supaya apa yang kita pinda pada hari ini berkesan. Kalau tidak kita pinda enakmen ini tidak akan berkesan, kita menghabiskan masa perbincangan tetapi pihak kerajaan tidak boleh melaksanakan tugas dengan baik. Yang demikian saya sekali lagi menyeru kepada pihak kerajaan supaya ancaman penggunaan racun yang berbahaya kepada rakyat ini mesti diperhatikan, mesti diambil perhatian dengan serius oleh pihak kementerian ini dan kementerian-kementerian yang lain yang perlu kerjasama supaya rakyat kita terjamin daripada kesan penggunaan racun berlebih-lebihan di negara kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

11.48 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma setakat menerangkan sesuatu mengenai satu dua perkara sahaja. Saya hendak bangkit satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, kalau beliau '*filibuster*' menggunakan masa yang begitu panjang, janganlah pergi ke luar untuk membidas kita pula. Itu tidak manis, tidak manis.

Saya hendak membincangkan mengenai Fasal 23. Memang bertujuan untuk meminda Seksyen 50 Akta 149 untuk memberi Mahkamah Majistret Kelas Pertama bidang kuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan terhadap akta itu atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini dan untuk mengenakan hukuman penuh bagi kesalahan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengadakan satu pindaan, bukan satu pindaan sahajalah, pindaan yang seterusnya perlu dibuat untuk mengawal penggunaan racun makhluk perosak ini dengan lebih berkesan, dan saya berharap Fasal 23 ini dapat dikuatkuasakan kelak dengan berkesan (*effective*).

Di sini yang saya khawatirkan tidak mencukupi ialah peruntukkan untuk kawalan, kawal seliaan mengenai import. Import racun-racun ini kerana kimia yang digunakan ini di seluruh di dunia, walaupun untuk melindungi tanaman, mengurus makhluk perosak dan mencegah daripada jangkitan penyakit, kita nampaknya ada penyalahgunaan dan importnyalah yang penting dan walaupun itu ia boleh memanfaatkan kita semua kalau digunakan dengan tepat dengan bersih dengan jitu tetapi amalannya bukan begitu. Kita nampak sayur-sayuran kalau sayuran itu kita nampak tidak ada lubang, tidak ada kekuningan kita mesti anggap ini penggunaan racun yang tidak betul [Ketawa] kerana itu pasaran sayur-sayuran dan buah-buahan kita begitu sempurna sehingga kita dapat terima racun. Kalau kita hendak makan sayur-sayuran yang kurang racun kita pilih yang ada lubang di situ yang ada kuning-kuningan sedikit itu mungkin sayuran-sayuran sesuai untuk dimakan.

Walau bagaimanapun di dunia ini di dalam pengetahuan kita ada hampir 2000 jenis kimia yang digunakan dan nama sinonim itu hampir 30,000, macam-macam nama digunakan daripada Thailand, ini masalah peruntukkan di dalam rang undang-undang tidak cukup kerana tidak mengambil kira bagaimana kita boleh mencegah daripada berlakunya penyeludupan, penyeludupan dari negara jiran kita terutama Thailand pelbagai tanaman.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggunaan cara-cara tradisional yang dinamakan organik, organik bukan organik, organik untuk bisnes, untuk perniagaan dinamakan itu organik kerana dia hendak caj dengan lebih tinggi, harga lebih tinggi dan dia kata organik. Sebenarnya cara-cara tanamannya tradisional berkurun-kurun bergenerasi, waktu yang lampau kita tidak panggil organik, sekarang kerana kita hendak untung banyak, ini organik dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil pusing mengenai hal ini menjadikan satu bisnes cara-cara tradisional. Di Kedah pun banyak cara-cara tradisional terutamanya penanaman padi, sekarang tidak ada tradisional, hendak buang, hendak guna organik, walhal cara yang sama sahaja. Jadi itulah sepatutnya ada serupa ada peruntukkan lagi untuk mendefinisikan mentakrifkan apa yang disebutkan organik.

Seterusnya mengenai hidroponik, saya berharaplah tidak payah kita gunakan racun juga dalam hidroponik. Saya ingat ada kimia juga dalam hidroponik kerana kapital yang digunakan, modal yang diperlukan untuk hidroponik lebih tinggi dan di setengah-setengah tempat mungkin tidak ekonomiklah untuk mengadakan hidroponik.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji dengan teliti bagaimana bukan sahaja penggunaan racun makhluk perosak bahkan dari segi pemeliharaan alam sekitar, *the green*, kehijauan untuk bukan sahaja sektor pertanian bahkan seluruh sektor-sektor yang lain juga.

Dua hari yang lepas saya sebutkan mengenai GDP, KDNK kita itu. *Green* GDP kita, ini mengambil kira semua inilah termasuk rang undang-undang ini, penggunaan racun makhluk perosak dan sebagainya bagaimana kita dapat selaraskan nanti, GDP biasa kita ini, *green* GDP, GDP hijau kita. Yang Berhormat Mambong perlu kaji dengan seluruhnya, bukan ' *filibuster* ' sahaja, tidak cukup, tidak cukup kerana hendak menghalang daripada timbulnya usul yang berikutnya, *filibuster* tidak guna untuk pihak Kementerian Pertanian juga, tidak guna kerana dia berulang-ulang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan salah Mambong Yang Berhormat .

Dr. Tan Seng Giew: Bukan, bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada orang-orang yang lain-lain yang minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giew: Ya, ya, saya faham jugalah, saya faham jugalah itu satu jenis *filibuster* itulah. Walau bagaimanapun, saya berharaplah Yang Berhormat Mambong dan juga orang-orang yang mencelah dapat mempertimbangkan bagaimana kita menyelaraskan GDP sekarang dengan yang saya sebutkan *green* GDP, GDP hijau kita, sama-samalah dalam jangka panjang bagaimana kita serapkan unsur-unsur sifat-sifat kehijauan kita untuk negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

11.58 pagi

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya ambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa soalan. Tuan Yang di-Pertua, masalah anai-anai, di rata-rata tapak pembangunan perumahan diancam oleh anai-anai dan selepas rumah dibina tidak sampai dua, tiga tahun maka terjumpalah anai-anai di rata-rata tempat khasnya di rangka-rangka bumbung di mana ia memakan kayu-kayuan untuk jadi *structure*nya dan selepas membeli sesebuah rumah, pemilik-pemilik rumah

perlu membelanjakan satu jumlah yang besar untuk mengaji pakar-pakar anai-anai untuk memerangi anai-anai ini.

Jadi di pasaran ada banyak syarikat menghapuskan anai-anai ini memakai cara-cara, berbagai-bagai cara, ada yang memakai ubat-ubatan untuk disembur di atas siling di dinding atau di lantai dan juga ada syarikat yang memakai cara dengan mengorek lubang-lubang di atas lantai dan lepas itu disembur dengan ubat-ubatan.

Tetapi juga ada cara-cara di mana mereka memakai sejenis ubatan di mana selepas anai-anai ini membawa masuk ke sarang maka mereka akan berlawan antara satu sama yang lain dan hapuslah semua anai-anai. Jadi demi untuk menjimatkan perbelanjaan rakyat jelata, bolehkah kementerian mengkaji satu cara atau menciptakan satu ubat-ubatan supaya sebelum rumah-rumah ini dibina maka ubat-ubatan ini boleh dipakai dan selamat dipakai supaya selepas rumah ini dibina tidak payahlah orang merisaukan memerangi anai-anai ini.

Tuan Yang di-Pertua, di rumah kita selalu diancam dengan nyamuk-nyamuk khususnya di kampung-kampung. Saya nampak di mana-mana *supermarket*, apabila mereka pergi membeli-belah, mereka beli satu dozen atau setengah dozen Shelltox, Mortein atau ubat-ubatan lain untuk menyembur nyamuk. Racun-racun nyamuk ini, saya pasti ia juga mengandungi racun yang boleh memudaratkan kesihatan sekeluarga. Ada juga yang memakai sejenis ubat yang dinamakan 'Abate' untuk dibuang dalam takungan air sama ada di tangki-tangki atau di mana-mana tempat supaya boleh mencegah pembiakan jentik-jentik.

Saya rasa kerajaan perlu memberitahu rakyat jelata semua sama ada ubat-ubatan seperti penyembur nyamuk atau 'Abate' ini boleh membawa kesan yang buruk kepada kesihatan rakyat. Di dalam membersihkan dan merawat air paip yang dibekalkan ke rumah kita ini, pihak berkuasa air memakai klorin dan juga saya meminta supaya kerajaan boleh mengklasifikasikan sama ada cara merawat air paip untuk dibekalkan ke rumah kita ini sama ada ia juga menepati piawaian yang boleh diterima supaya ia juga tidak memudaratkan kesihatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita juga ada mendengar dua, tiga orang ahli yang membangkitkan berkenaan dengan buah-buahan. Setahu saya apabila seorang petani hendak menanam tembikai, apabila mereka bercucuk tanam mereka meletakkan sebiji benih tembikai dengan sejenis ubat, saya tidak tahu nama jenis ubat itu tetapi di kalangan orang Cina, mereka panggilnya "Hau Lien Tong". Jadi selepas menanam

sebiju benih tembikai dengan sebiju pil ubat itu, maka pokok tembikai itu tumbuh dan tidak perlu menyembur ubat-ubatan lagi sehingga buah masak. Ada di kalangan petani mengatakan bahawa ubat ini tidak baik kepada kesihatan dan sesiapa yang memakan tembikai secara berlebihan, boleh menjadi cirit birit, boleh batuk dan lain-lain. Jadi ini semua adalah racun-racun atau ubat-ubatan yang dipakai demi untuk menghasilkan produk-produk pertanian supaya mendapat hasil yang lebih lumayan tetapi sebaliknya ia akan memudaratkan kesihatan warganegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga petani dan peladang yang kurang pelajaran, apabila mereka menyembur racun rumput rumpai, mereka tidak pakai cermin mata, tidak menutup mulut atau hidung mereka, bahkan mereka tidak memakai kasut dan tidak memakai sarung tangan pun. Selepas itu mereka mungkin akan menggunakan tangan mereka untuk makan nasi. Pegawai dari kementerian ini perlu memberi penerangan kepada petani dan peladang itu supaya mengambil langkah-langkah untuk menjaga kebersihan dan kesihatan mereka ini. Ini adalah tanggungjawab berat pegawai-pegawai kementerian supaya petani-petani atau peladang kita ini tidak mudah mengalami kesihatan yang buruk pada akhir nanti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin bertanya kepada kementerian, mengapa selalunya apabila pihak negara jiran kita menyekat produk pertanian kita dengan alasan mengandungi racun yang berlebihan, barulah pihak kita sedar dan melancarkan pemeriksaan produk-produk pertanian ini di pasaran dan dengan sikap-sikap yang lebih kurang hangat-hangat tahi ayam tetapi selepas itu buat diam sahaja pada satu masa. Apabila berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, barulah melancarkan sekali lagi pemeriksaan. Bolehkah Yang Berhormat mengaturkan supaya sayur-sayuran dan tanaman pertanian di pasaran kita ini selalu diperiksa oleh pegawai-pegawai untuk *random checking*, dengan izin, supaya memberi kepastian dan keyakinan orang ramai terhadap produk pertanian kita ini?

Saya mengambil kesempatan ini untuk meminta maaf kepada pegawai-pegawai kementerian Yang Berhormat kerana telah hadir dalam Dewan yang mulia selama tiga hari termasuklah hari ini kerana rang undang-undang ini telah terlajak lebih dari masanya. Akibatnya usul-usul persendirian yang disenaraikan yang disenaraikan dalam *Order Paper* terpaksa digugurkan kerana selepas Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak ini, lagi satu undang-undang masih menunggu kita untuk dibincangkan. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

12.07 tgh

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri terhadap kesabaran beliau menunggu perbahasan dan juga ...Oh! Setiausaha Parlimen sudah balik ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, termasuk juga menunggu ucapan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Ketawa] Terima kasih. Ya pertamanya saya tidak mahu bercakap panjang kerana kebanyakannya telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Mambong semalam dan kelmarin dahulu. Cuma ada beberapa perkara yang perlu kita teliti di dalam membahaskan rang undang-undang ini.

Yang pertama kalau kita lihat dalam laporan akhbar dua, tiga minggu lepas tentang bekas-bekas racun perosak yang dibuang ke sungai-sungai. Ini saya rasa merupakan satu masalah yang perlu kementerian mengambil sikap prihatin yang lebih kerana botol-botol atau bekas-bekas racun makhluk perosak ini kita tahu, biasanya dibuang oleh petani dalam bendang ataupun tali air dan ini sudah tentu akan meracuni air dalam tali air tersebut dan juga tumbuhan serta haiwan yang hidup dalam tali air.

Jadi maknanya kalau boleh kita adakan satu fasal atau dalam mana-mana seksyen dalam undang-undang ini untuk menjelaskan bahawasanya cara hendak buang botol atau bekas ini, itu yang pertama. Yang keduanya kita pastikan bahawa bekas ini dibuat daripada bahan-bahan yang *bio-degradable*. Yang ketiganya, kalau ia dibuat daripada kaca, pastikan bahawa kaca-kaca ini tidak *direcycle* kerana kita takut bila *direcycle* besok digunakan untuk meletakkan benda-benda yang lain dan ini sudah pasti mengganggu kesihatan kita.

Yang keduanya berhubung dengan pengawalan harga. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang bahan racun makhluk perosak yang diseludup daripada Thailand disebabkan oleh harga racun makhluk perosak kita tinggi. Jadi saya rasa kalaulah kementerian boleh membuat sesuatu untuk mengawal harga walaupun kita tahu menteri telah menyebut bahawasanya ia atau kementerian tidak akan mengawal harga racun dan juga baja tetapi ini perlu kita beri perhatian semula disebabkan oleh banyaknya bahan-bahan racun yang telah diseludup dari Thailand ke negara kita, ini sudah tentu kita rasa cukup membahayakan kesihatan rakyat kita.

Yang ketiganya dalam Seksyen 45 tentang simpan guna sendiri dan juga di simpan untuk jualan. Jadi saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian kerana ada petani-petani yang menyimpan banyak racun makhluk perosak di gudang mereka ataupun di tempat mereka kerana mereka membuat ladang yang luas, jadi dia hendak gunakan banyak racun makhluk perosak untuk ladang-ladangnya. Kalau sekiranya undang-undang ini dikenakan juga kepada mereka, ini saya rasa sesuatu yang tidak adil.

Kemudian dari segi label yang digunakan di dalam *container* ataupun botol racun makhluk perosak ini perlu dimasukkan label tentang cara bancuhan dia, cara kita nak menyembur racun tersebut dan juga antidot yang disebutkan oleh ahli Yang Berhormat saya rasa dari Cameron Highlands semalam. Kemudian satu lagi masalah yang saya rasa kementerian perlu juga beri perhatian ialah tentang kami di Pendang sekarang inilah, mungkin ini bersesuaian dengan Timbalan Menteri kita yang datang daripada Pulau Pinang, kami menghadapi masalah banyaknya jumlah monyet-monyet yang wujud di Pendang sekarang ini kita tidak tahu khabaran yang saya dapat dari penduduk di Pendang mereka kata monyet ini jinak-jinak.

Kadang-kadang masuk dalam rumah sebelum kita buka periuk dia dah buka dulu dah. Masalah monyet yang jinak ini mereka kata datang daripada Pulau Pinang dieksport oleh Pulau Pinang melalui lori-lori kontena letak tepi lebuhraya dekat Bukit Jambul lalu dilepaskan ke kawasan Pendang, ini saya tidak tahulah sama ada pihak menteri ataupun kementerian mengetahui benda ini ataupun benda ini betul ataupun tidak wallahualam itu saya tidak tahu. Jadi saya rasa sekadar itulah komen saya terhadap akta kita pada hari ini. Sekian, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong, lepas Tanjong Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Lepas Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit pandangan mengenai rang undang-undang untuk meminda akta racun makhluk perosak ini dan sebagai pernyataan awal saya rasa sungguhpun bidang ini, di peringkat ini diuruskan oleh Kementerian Pertanian, namun memerlukan pembabitkan dan kerjasama lain-lain kementerian dan jabatan lain untuk memastikan bahawa dalam isu ini kepentingan negara dan kepentingan rakyat dapat dijaga.

Misalnya, pada tahun 2003, National Institute Of Occupational Safety And Health (NIOS) telah mendapati bahawa hampir 70% daripada penyakit pekerjaan adalah disebabkan oleh pendedahan kepada kimia dan penggunaan racun makhluk perosak. Sektor pertanian merupakan tempat kerja yang paling bahaya dan mencatat kadar kemalangan yang kedua tinggi dalam semua sektor perindustrian negara ini.

Penggunaan racun-racun makhluk perosak ini telah mendedahkan para pekerja pertanian khususnya kepada risiko yang tinggi kerana kebanyakan pekerja ini tidak dilindungi oleh pakaian ataupun peralatan yang sesuai. Sektor kelapa sawit dan getah adalah eksport pertanian Malaysia tetapi nampaknya kebanyakan pekerja bekerja dalam sektor ini khususnya *pesticide sprayers* di ladang-ladang adalah kaum wanita kerana upah mereka lebih rendah berbanding kaum lelaki dan pada masa ini terdapat 30 ribu pekerja *pesticide sprayer* wanita dan kebanyakan mereka bekerja dalam keadaan yang tidak terlindung khususnya dalam penggunaan kimia dan racun-racun makhluk perosak.

Tuan Yang di-Pertua, menurut *Pesticide Actions Network*, pekerja-pekerja pertanian ini diarah oleh majikan untuk mengguna racun-racun yang diklasifikasikan oleh WHO sebagai *pesticide* kelas pertama yang merupakan bahan yang sangat toksik. Masalahnya pekerja-pekerja dalam sektor ini tidak mengetahui betapa bahayanya racun-racun makhluk perosak yang digunakan. Apa yang menakutkan ialah mengikut statistik yang dikeluarkan oleh WHO pada satu tahun terdapat 37 ribu kes kanser dilaporkan akibat pendedahan kepada racun-racun makhluk perosak ini. Saya ingin tahu dari kementerian sama ada kementerian akan bercadang untuk mengharamkan penggunaan racun-racun makhluk perosak kelas pertama WHO ini memandangkan racun-racun ini sudah pun mencemar alam sekitar dan juga rangkaian makanan dan boleh menjejaskan kesihatan manusia yang mengambil makanan yang dicemari oleh bahan-bahan toksik ini.

Ini menjadi satu isu yang mendesak kerana Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia pun mendapati sebenarnya racun-racun makhluk perosak ini yang biasa digunakan menjadi bahan mencemar alam sekitar kita dan masalah *Pesticide Condemnation* didapati wujud dalam sistem penanaman padi, tembakau dan sayur-sayuran. Tahap racun-racun ini dalam sistem sungai-sungai dan pengairan di negara kita ini juga adalah tinggi dan menjadi satu isu kesihatan awam dan juga alam sekitar.

Walaupun kita mengakui hakikat bahawa penggunaan racun-racun diperlukan untuk tujuan menambah hasil pertanian, ini tidak bermakna ia perlu digunakan secara berlebihan dan tanpa kawalan. Kajian-kajian yang mengesahkan wujudnya *pesticide residue* ini dalam sumber air dan tanah kita di kawasan Muda Kedah, Kelantan, Johor dan Cameron Highlands. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa akta racun-racun makhluk perosak ini tidak mengenakan kawalan tentang wujudnya *pesticide residue* dalam sumber air dan makanan.

Saya juga ingin dapat maklum balas dari kementerian berhubung dengan pemantauan tahap racun-racun makhluk perosak ini di sungai-sungai di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 seperti diumumkan suatu ketika bahawa tindakan akan diambil untuk memantau tahap racun-racun di sungai-sungai kita.

Saya juga ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan teknologi dan alat-alat aplikasi yang efisien dan lebih selamat untuk mencegah berlakunya kronik *poisoning*. Saya ingin tahu dari kementerian apakah langkah-langkah baru yang akan diambil untuk mengawal kegunaan racun makhluk perosak serta mengurus sisa-sisa pembuangan dan juga pembuangan sisa-sisa racun perosak ini.

Kerajaan juga perlu memastikan bahawa adanya langkah-langkah keselamatan bagi pekerja-pekerja dalam sektor pembuatan racun-racun iaitu kilang-kilang yang membuat racun-racun makhluk perosak di negara ini serta menjaga keselamatan pekerja kilang ini yang mendedahkan diri kepada racun-racun yang dibuat dalam kilang itu dan juga tentang sistem pengangkutan racun-racun yang selamat daripada kilang-kilang ke kedai dan seterusnya kepada pengguna terakhir dan juga mengenai pembuangan bekas-bekas racun dengan selamat seperti mana dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Pendang dan mengawal juga kadar *pesticide residue* dalam makanan kita serta juga menjadi satu isu adalah pembuangan secara selamat sisa-sisa toksik oleh syarikat-syarikat pembuangan racun-racun makhluk perosak ini.

Nampaknya mungkin perkara ini tidak dalam bidang kuasa kementerian yang lain tetapi seperti saya kata tadi perkara ini memerlukan kerjasama antara kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menjaga kepentingan rakyat ini. Saya juga menyeru agar sistem penguatkuasaan undang-undang ini dapat diperketatkan. Saya mendapat maklum balas bahawa racun-racun makhluk perosak

yang sudah diharamkan di Amerika Syarikat misalnya 10 tahun ataupun 15 tahun dahulu masih digunakan di Malaysia ini.

Saya juga ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh kementerian dan pihak berkenaan untuk mengawal 'code failing' racun-racun makhluk perosak oleh orang-orang yang mengguna pakai racun ini. Saya ingin dapat maklum balas juga dari kementerian tentang apakah tindakan untuk mematuhi *Montreal Convention* berhubung dengan penggunaan kimia yang mesra alam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru pihak kementerian menimbang semula Fasal 7 dalam rang undang-undang ini yang bercadang untuk memanjangkan tempoh pendaftaran bagi satu racun makhluk perosak kepada lima tahun daripada tiga tahun sekarang. Saya rasa ini tidak wajar kerana ia akan menyusahkan lagi kerja-kerja memantau dan kawal selia racun-racun yang didapati ada kesan-kesan negatif.

Pihak kementerian menyatakan pindaan ini akan membantu dalam mencegah dalam penyeludupan racun-racun, akan tetapi kementerian juga perlu bekerjasama dengan kementerian lain mengkaji mengapa harga racun-racun makhluk perosak ini di negara jiran seperti Thailand, tiga kali lebih murah daripada negara kita. Ini nampaknya menyebabkan timbulnya masalah penyeludupan racun-racun ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang Fasal 28 di mana bertujuan untuk meminda Jadual Pertama untuk menjelaskan bahawa bahan yang disenaraikan dalam jadual itu iaitu *perawis active ingredient*, dengan izin, tetapi apakah kementerian juga bercadang untuk mengawal penggunaan *inured ingredient* yang didapati mempunyai bahan *toxic* dan juga tidak mesra alam. Selain daripada *active ingredient* ini, apakah kawalan terhadap *inured ingredient* yang diguna dalam racun-racun ini.

Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh lembaga untuk menganjurkan latihan dan juga mengendalikan peperiksaan untuk *technicians* yang bekerja dalam syarikat-syarikat *pest control*. Adakah ini dikendalikan dengan baik? Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan sesuatu.

Akhirnya saya juga ingin mendapat tahu mengapa pengusaha-pengusaha yang menjalankan kerja-kerja *fumigation* di Sabah dan Sarawak tidak perlu mendapat lesen manakala di Semenanjung ini lesen diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja *fumigation*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

12.22 tgh.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Racun MakhluK Perosak (Pindaan) 2004 yang dimulakan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan di akhir perbahasan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong yang telah membahaskan dengan begitu panjang lebar dan dalam masa perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat banyak mencelah dan Yang Berhormat bagi Mambong telah banyak memberi penjelasan dan membantu memberi jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, setengahnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah jawablah kerana telah dengan tersendirinya terjawab.

Semua Ahli Yang Berhormat ambil bahagian, pembangkang ambil bahagian, PAS ambil bahagian, DAP ambil bahagian dan KeADILan ambil bahagian. Yang ambil bahagian banyak, Barisan Nasionallah.

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang racun makhluK perosak yang kita memang tahu sifatnya *toxic*. Jadi, kalau kita tidak mengendalikannya dengan betul, tidak ikut peraturan-peraturan keselamatan, kesan *toxic* ini akan memudaratkan kepada manusia, kepada alam sekitar, kepada haiwan dan kepada tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan akta ini ialah untuk kita memperkemaskan lagi akta ini dengan memberi kuasa yang lebih kepada lembaga dari segi kita mengemaskinikan, dari segi penguatkuasaan dan kemudian dari segi kesedaran kepada para petani, pekerja di ladang dan kepada kita manusia sebagai pengguna. Dalam masa yang sama, kita juga menekankan kepada penalti yang lebih berat dengan tujuan ia akan dapat membantu kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab perkara-perkara yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Beluran iaitu berkaitan dengan penolakan sayur-sayuran yang dieksport ke Singapura dan Brunei.

Tuan Yang di-Pertua di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa ataupun *World Trade Organization* dan AFTA, keselamatan makanan merupakan salah satu isu kesihatan awam atau dengan izin, *indicator* yang mendapat perhatian meluas, bukan sahaja di kalangan para pengguna, tetapi juga pihak berkuasa kesihatan di kebanyakan negara.

Usaha untuk memastikan keselamatan merupakan salah satu tanggungjawab penting pihak berkuasa kawalan makanan yang kompeten, terutamanya dalam menepati keperluan perjanjian *Sanitary and Phyto-Sanitary* di bawah WTO. Pelanggaran had sisa baki maksimum atau dengan izin, *non-compliance of MRLS* di dalam komoditi pertanian terutamanya sayur-sayuran yang dieksport ke Singapura telah dikenal pasti beberapa tahun dan masih berterusan hingga ke hari ini.

Pihak berkuasa Singapura mengambil sampel sayuran di pusat penerimaan Pasir Panjang untuk dianalisis sebelum memasuki pasaran di Singapura. Pihak Singapura dan Brunei mempunyai had sisa baki maksimum yang berlainan daripada Malaysia. Usaha-usaha sedang dijalankan di peringkat negara-negara ASEAN melalui kumpulan kerja pakar, dengan izin, *Expert Working Group On Communitisation of MRLS Among ASEAN Countries* agar tahap piawaian ini diseragamkan.

Memandangkan penetapan piawaian sisa baki racun makhluk perosak merupakan hak mutlak sebuah negara, pihak Jabatan Pertanian sentiasa memberi nasihat dan membuat *road show* bersama-sama dengan FAMA dan Kementerian Kesihatan agar para petani yang ingin mengeksport sayur-sayuran mematuhi kehendak negara pengimport. Penolakan sayur-sayuran kerana melebihi tahap piawaian sisa baki racun makhluk perosak oleh Singapura sejak kebelakangan ini telah menurun. Perkara ini dimaklumkan oleh pihak Singapura kepada kita setiap minggu. Jadi, kalau sayur-sayuran yang tidak boleh masuk ke Singapura, bukan bererti

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Sekejap, selepas ayat ini sahaja. Kalau sayur-sayuran yang tidak boleh dieksport ke Singapura, bukan bererti sayur-sayuran itu dibawa balik untuk dimakan oleh rakyat Malaysia. Mungkin ada di kalangan kita berpendapat sayur-sayuran ini tidak dapat memasuki pasaran Singapura, maka sayur-sayuran ini dibawa balik dan dimakan oleh kita, rakyat Malaysia. Sebenarnya sayur-sayuran ini dilupuskan oleh pihak berkuasa Singapura. Kita lupuskan di tempat itu

juga, tidak dibawa balik untuk kita makan, tidak dibawa balik untuk orang Rantau Panjang makankah, orang Tumpat makankah, tidak.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyebut mengenai dengan pihak penguat kuasa Singapura membuat analisis berkenaan dengan kemasukan sayur kita dan sayur-sayur yang dikenal pasti mengandungi bahan-bahan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Singapura, Kerajaan Malaysia cuba memusnahkan. Apakah sebabnya durian satu masa dahulu tidak dibenarkan masuk ke Singapura, tetapi kerajaan tidak memusnahkan buah durian tersebut. Saya masih ingat suatu masa dahulu sehingga durian itu dijual dengan harga yang murah dan dimakan oleh rakyat Malaysia.

Ini adalah satu perkara yang berbeza, sayur dimusnahkan tetapi durian tidak dimusnahkan. Yang kedua saya hendak bertanya ialah, adakah Kerajaan Malaysia membuat analisis juga seperti mana Kerajaan Singapura terhadap sayur-sayur yang dibawa masuk daripada Thailand, setiap hari, setiap pagi pukul empat pagi Yang Berhormat boleh lihat di sempadan Thailand, bila buka sahaja gate terus sayur-sayur daripada Thailand masuk ke Malaysia khususnya di negeri Kelantan. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua isu, yang pertama tentang buah durian yang tidak dapat masuk ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura membenarkan buah durian masuk tetapi bukan masuk dengan kulit. Masalah di Singapura iaitu masalah pelupusan kulit durian. Jadi, kalau hendak membawa masuk buah durian ke Singapura hendaklah yang telah dibuang kulitnya.

Yang keduanya berhubung dengan analisis kemasukan sayur-sayuran dan buah-buahan import dari Thailand. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat yang ini tidak termasuk dalam kita punya perbincangan Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004.

Ini berhubung dengan kemasukan buah-buahan dan sayur-sayuran ke negara kita, itu dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan. Di bawah akta ini dilaksanakan di bawah Akta Makanan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kita mempunyai satu sistem yang kita panggil, *Food Safety Information System of Malaysia*, dengan izin. Ini dia punya carta-carta macam mana semua. Ini bukan ditentukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tetapi di bawah

bidang kuasa Kementerian Kesihatan, mungkin Yang Berhormat dapat membangkitkan perkara ini semasa kita membahaskan belanjawan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Okey.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu bagaimana penyelidikan diadakan di Semenanjung, tetapi satu ketika dahulu apabila Brunei menolak sayur-sayuran daripada Sabah disebabkan oleh MRL yang melebihi daripada MRL yang ditetapkan oleh negara berkenaan. Kita tidak melihat penahanan ataupun *blockage* ini, sayur-sayuran yang dijual di pasaran tempatan sama ada pihak kuarantin Sabah itu juga di bawah pengawasan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Semenanjung (Federal) ini, itu soalan pertama.

Yang kedua, saya ingin penjelasan daripada Datuk Timbalan Menteri berhubung dengan MRL, jika Singapura dan juga Brunei menetapkan MRL yang lebih tinggi daripada keperluan MRL yang lebih rendah daripada negara kita. Dalam konteks itu mengapa negara kita Malaysia tidak sama mengadakan level RML yang serupa yang diadakan oleh negara Singapura dan juga Brunei. Katakan jika sayur yang dikatakan melebihi MRL di Singapura dan juga Brunei seharusnya ianya memberi label yang bahaya kepada pengguna-pengguna negara kita. Soal standard MRL ini saya rasakan bahawa ada baiknya kita ada *safety level* yang lebih rendah daripada yang ditetapkan di negara mereka pada ketika ini.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran. Yang pertama tadi, mengenai dengan kuarantin di Sabah. Ini Tuan Yang di-Pertua di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Sabah tidak termasuk di bawah kita.

Berhubung dengan tahap sisa toksik Yang Berhormat bangkitkan tadi. Seperti mana saya jawab di awal tadi, bahawa kita telah menasihatkan penanam sayur terutama sekali di Cameron Highlands khususnya di lain-lain tempat supaya mereka sentiasa mengamalkan *good agriculture practices*, supaya mereka patuh dan mereka mengikut nasihat yang diberikan oleh pegawai-pegawai pertanian kita tentang cara penggunaan racun, kekerapan menyembur racun, bila sayur-sayuran itu patut

diharvest dan kita tekankan lagi kepada persijilan, di mana kita telah menggalakkan para penanam sayur kita supaya menyertai sijil akreditasi ladang Malaysia. Kalau mereka ini patuh ataupun mengikut nasihat pegawai-pegawai penerangan kita. Sayur-sayuran yang dikeluarkan oleh petani-petani dalam negara kita bukan sahaja dari segi hasilnya, *yield*nya dapat kita tingkatkan, mutunya pun baik dan selamat dimakan. Hasil-hasil ini bukan sahaja dapat dipasarkan di Malaysia tetapi dapat dipasarkan secara global. Jadi, ini yang kita sedang buat *road show* kita, dialog kita, kursus, perjumpaan, lawatan ke ladang, turun ke lapangan, semuanya kita bagi penekanan. Kerana kalau dia tidak patuh, tidak mengikut, yang rugi - petani.

Pertama dia rugi kerana tidak boleh mengeksport, yang keduanya dia tidak boleh berbuat demikian nanti dari segi *food safety* kita makan, ia akan menjadi kesan. Kita tahu semua, kalau ada kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang, kesan yang *acute* yang kita boleh nampak dengan serta-merta, dari segi pening kepala muntah tetapi kesan yang kronik jangka panjang baru kita dapat tahu, umpamanya barah. Jadi, itulah sedikit sebanyak penerangannya Yang Berhormat bagi kawasan Beluran. Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Sehari suntuk semalam kita bincang, kita bahas mengenai akta ini dan semua orang saya rasa bersetuju tidak ada perselisihan pendapat di kalangan kita akan betapa bahaya tentang akibat salah guna racun-racun yang kita bahaskan semalam, cuma satu yang saya hendak minta penjelasan dan penegasan kepada pihak kementerian tentang penguatkuasaan, tentang *enforcement*, adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mewujudkan satu pasukan penguatkuasaan sendiri, sebab nanti kita tidak hendak ada *point finger*, tuduh menuduh, yang ini tolak Kementerian Kesihatan, nanti akan di tolak kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Memandangkan isu ini terlalu serius mungkin tidak seinci pun ruang manusia yang hidup hari ini, yang tidak boleh terlepas daripada kesan racun makhluk perosak ini. Jadi, saya meminta penegasan ini, adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menguatkuasakan akta ini untuk menjamin keselamatan rakyat ini akan menubuhkan satu pasukan penguatkuasaan sendiri atau masih lagi menggunakan kaedah yang lama, iaitu penguatkuasaan yang melibatkan

kementerian-kementerian yang saya lihat menimbulkan kerenah birokrasi, dan mengurangkan kesan penguatkuasaan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Memang betul, kita mempunyai pasukan kita sendiri untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap orang-orang yang menyalahi peraturan, yang melanggar apa yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Suka saya maklumkan juga kepada Yang Berhormat, kita bukan sahaja mempertingkatkan dari segi penguatkuasaan, tetapi kita menekankan kepada hukuman. Sebagai contoh, penalti, dahulu kalau mengilang racun makhluk perosak tidak berdaftar, sebelum kita pinda. Dari segi penjaranya tiga tahun atau denda RM10,000. Dengan pindaan ini kita cadangkan penjara dinaikkan menjadi lima tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali.

Mengimport racun, di bawah seksyen 14 - "Mengimport racun makhluk perosak bagi maksud-maksud pelajaran atau penyelidikan tanpa permit". Ini kita masuk seksyen baru, penjara tiga tahun atau denda RM10,000 hingga sekarang, jadi, kita pinda menjadi penjara tiga tahun, denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali. Ini semua menunjukkan kesungguhan kita untuk memastikan bahawa penggunaan racun makhluk perosak ini dibuat seperti mana yang dilabelkan, seperti mana yang direstui oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, ya. Sila.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi kawasan Beluran membangkitkan penyeludupan racun makhluk perosak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Racun Makhluk Perosak telah menubuhkan satu pasukan petugas untuk menangani masalah penyeludupan racun makhluk perosak serta racun tiruan. Pasukan petugas ini mempunyai ahli-ahli daripada Jabatan Pertanian, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur-sayuran Kebangsaan, pihak berkuasa tempatan dan Malaysian Crop Life and Public Health Association.

Menerusi pasukan petugas ini, Lembaga Racun Makhluk Perosak akan mempertingkatkan kerjasama antara semua agensi di pintu-pintu masuk ke negara ini. Unit Penguatkuasaan Lembaga Racun Makhluk Perosak juga sedang

memperhebatkan risikan serta serbuan-serbuan ke atas premis-premis yang disyaki menjual racun makhluk perosak seludup dan tiruan.

Di bawah Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004, dimasukkan seksyen baru bagi melarang pemilikan dan penggunaan racun makhluk perosak tidak berdaftar. Di samping itu pindaan akta juga mempunyai peruntukan, jika sesuatu racun makhluk perosak yang tidak berdaftar dijumpai di dalam premis berlesen, maka ia boleh dianggap untuk tujuan penjualan atau penyimpanan untuk jualan. Anggapan sedemikian akan memudahkan tindakan-tindakan penguatkuasaan.

Rang undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 memperuntukkan penambahan penalti untuk semua kesalahan sebagai langkah pencegahan selaras dengan seriusnya kesalahan itu. Bagi mana-mana orang yang melakukan kesalahan, menjual racun makhluk perosak yang tidak berdaftar dan jika disabit kali pertama, boleh dipenjarakan selama tiga tahun atau didenda RM10,000. Apabila disabit kali kedua atau kemudiannya, dipenjarakan selama enam tahun atau didenda RM20,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Beluran dan Labuan telah membangkitkan masalah sisa baki racun makhluk perosak. Masalah sisa baki racun makhluk perosak dalam makanan boleh berlaku akibat daripada penyalahgunaan racun makhluk perosak seperti berikut:-

- (i) menggunakan kadar yang berlebihan;
- (ii) menggunakan racun makhluk perosak ke atas tanaman yang tidak disyorkan;
- (iii) tidak mematuhi tempoh dilarang mengutip hasil;
- (iv) melebihi semburan maksimum yang dibenarkan.

Untuk mengelakkan dari masalah sisa baki racun makhluk perosak, Jabatan Pertanian sentiasa memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada petani supaya membaca label sebelum mengguna racun makhluk perosak. Jabatan Pertanian juga menggalakkan petani supaya mengamalkan pengurusan racun makhluk perosak bersepadu untuk mengurangkan pergantungan kepada racun makhluk perosak. Jabatan Pertanian juga memantau sisa baki racun makhluk perosak dalam hasil pertanian seperti sayur-sayuran dengan menganalisis 2,000 sampel setahun, bertujuan untuk membantu petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri contoh. Kita ada panduan yang ditulis dalam semua bahasa. Dalam bahasa orang Putih ada, Bahasa Kebangsaan ada, bahasa Tamil ada, bahasa Mandarin pun ada. *[Menunjukkan risalah]* Dalam risalah yang kita keluarkan ini telah ditunjukkan dengan jelas cara-cara penggunaan. Saya ingat Jabatan kita sudah menyediakan maklumat yang cukup supaya petani-petani ini ikut. Gambar – ini cukup mudah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok ini, Yang Berhormat – sebab nampak.

Jadi, banyak yang kita edarkan dalam semua bahasa. Di Sabah dan di Sarawak, kita gunakan bahasa Iban, bahasa Dayak bagi tujuan para petani kita atau pengguna racun ini memahami kesan kalau kita tidak mematuhi garis panduan. Kemudian, dari segi orang kata panduan untuk membancuh racun juga disebut. Panduan membancuh ada, panduan menyembur pun ada, lepas itu, dia beritahu pula kalau tanda-tanda kena racun macam mana, rawatan kecemasan macam mana, rawatan perubatan macam mana, semuanya lengkap.

Jadi, mungkin Yang Berhormat bagi Bagan tidak baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beri satu pada dialah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Sat, sat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat tunjuk pamflet dan risalah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian kepada pengguna-pengguna racun. Adakah Yang Berhormat setuju kalau saya minta kepada Yang Berhormat supaya pihak TV dan radio bekerjasama dengan Jabatan Pertanian ini, setiap pagi ataupun setiap malam, adakan satu slot memberi tunjuk ajar kepada rakyat supaya menggunakan racun ini mengikut peraturan.

Daripada tunjuk menyanyi dan sebagainya setiap malam, setiap pagi, itu yang paling baik kepada rakyat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih. Nyanyi pun ada, Yang Berhormat pun suka tengok nyanyi *[Ketawa]* Yang Berhormat seolah-olah Yang Berhormat tidak suka dengar hiburan. Terima kasih ini satu cadangan yang baik, saya terima. Memang pun sudah dijalankan tetapi kita boleh tambah lagi dengan tujuan supaya tahap kesedaran *public awareness* ini dapat kita tingkatkan. Ini satu cadangan yang cukup baik saya ucap terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Jerai, Beluran dan Parit Sulung, telah membangkitkan tentang pendaftaran racun, berhubung dengan pendaftaran racun makhluk perosak.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran racun makhluk perosak adalah proses untuk menilai sesuatu racun makhluk perosak dari pelbagai aspek seperti perumusan, sisa baki, kemujaraban, ketoksikan dan sifat-sifat kimia dan fizikal. Proses ini perlu untuk memastikan racun makhluk perosak yang diimport di kilang dan digunakan di Malaysia adalah bermutu, berkesan dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia, tanaman, haiwan dan alam sekitar. Keperluan pendaftaran racun makhluk perosak di Malaysia diasaskan pada garis panduan FAO. Lembaga Racun Makhluk Perosak mendaftar lebih kurang 650 jenama setiap tahun dan tempoh sah pendaftaran ialah untuk tiga tahun.

Walaupun lembaga mendaftar banyak jenama namun bahan aktif yang didaftar adalah dalam lingkungan 200 sahaja. Ada di antara jenama racun makhluk perosak tersebut yang tidak pernah dipasarkan oleh syarikat dan disimpan sebagai satu strategi pasaran. Sungguhpun terdapat pelbagai jenama kesemua racun makhluk perosak ini dijamin oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak sebagai bermutu, berkesan dan tidak akan mendatangkan kemudaratan kepada manusia dan alam sekitar jika digunakan mengikut *level*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada kawasan Permatang Pauh menyentuh tentang pengharaman racun makhluk perosak *paraquat*, begitu juga Yang Berhormat daripada kawasan Rantau Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, racun makhluk perosak *paraquat* telah diharamkan kerana ia berisiko tinggi kepada kesihatan pengguna sangat toksik atau *highly poisoners* dan pada masa ini telah terdapat banyak racun makhluk perosak, alternatif yang kurang bahaya kepada kesihatan manusia. Keputusan untuk mengharamkan *paraquat* adalah selari dengan polisi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di dalam mengurangkan risiko kepada kesihatan awam dan alam sekitar yang disebabkan oleh racun makhluk perosak. Selain *paraquat*, 10 racun makhluk perosak lain telah diharamkan atau dihadkan penggunaannya di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Tujuan racun makhluk perosak *paraquat* ini diharamkan secara berperingkat adalah bagi membolehkan stok racun makhluk perosak *paraquat* yang ada di pasaran dihabiskan bagi mengelak masalah pelupusan dan membolehkan

petani menyesuaikan diri untuk bertukar secara beransur-ansur kepada racun makhluk perosak alternatif yang kurang bahaya. Jadi kalau kita suruh haramkan terus sekali gus, jadi nampak kita begitu agak kejam sedikit Tuan Yang di-Pertua, jadi kita biarkan, dan tarikh terakhirnya adalah pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong telah menyentuh mengenai dengan jenis-jenis racun makhluk perosak dengan izin, *dirty dozen* yang telah diharamkan di Malaysia. Semua racun makhluk perosak yang dikatakan *dirty dozen* telah diharamkan atau tidak pernah didaftarkan di negara ini. Racun makhluk perosak *paraquat* adalah juga salah satu daripada *dirty dozen* yang dimaksudkan dan akan diharamkan sepenuhnya pada bulan Julai 2005.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada *paraquat*, *dirty dozen* ini, yang kita maksudkan adalah seperti DDT, DBCP, *paldrain*, *endrain* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada kawasan Parit Sulung telah membangkitkan mengapa harga racun makhluk perosak tidak dikawal. Suka saya maklumkan bahawa Akta Racun Makhluk Perosak tidak mengawal harga racun makhluk perosak kerana harga racun makhluk perosak adalah ditentukan oleh kuasa pasaran. Di antara faktor yang menentukan harga racun makhluk perosak adalah kadar tukaran ringgit dengan *Dollar US*. Kebanyakan racun makhluk perosak yang digunakan di negara ini adalah diimport dan dipengaruhi oleh kadar tukaran *Dollar US* kepada ringgit Malaysia. Bagi tujuan mengurangkan beban yang dialami oleh petani khususnya yang berkaitan dengan penggunaan racun makhluk perosak, kementerian sedang mengambil langkah-langkah yang bersesuaian termasuk :

- (i) melatih para petani untuk menggunakan racun makhluk perosak secara berkesan dan selamat melalui teknologi aplikasi racun makhluk perosak;
- (ii) menggalakkan para petani mengamalkan pengurusan kawalan perosak bersepadu bagi mengurangkan pergantungan kepada racun makhluk perosak;
- (iii) menggalakkan para petani mengamalkan amalan pertanian yang baik bagi memastikan racun makhluk perosak digunakan dengan bijaksana; dan
- (iv) menggalakkan sistem penanaman secara organik.

Langkah-langkah yang disebutkan tadi sudah tentu dapat mengurangkan pergantungan kepada racun makhluk perosak dan dapat mengurangkan kos pengeluaran kepada petani secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Beluran telah membangkitkan masalah kekurangan pegawai dan kemudahan di Sabah untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan kuarantin yang saya telah sebutkan tadi perkara yang dibangkitkan adalah di bawah Akta Kuarantin dan tidak ada kaitan dengan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Mambong telah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan kenapakah pengharaman *paraquat* ini dilanjutkan sehingga bulan Julai 2005, bermula daripada Ogos 2003. Alasan yang diberinya ialah kerana supaya pengguna-pengguna racun boleh menyesuaikan racun alternatif kepada beliau. Tetapi sebahagian besar berpendapat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan bahawasanya sengaja pihak kementerian ini hendak menjaga kepentingan pengeluar racun-racun *paraquat* ini supaya mereka ini tidak mengalami kerugian yang teruk kalau diharamkan 100% dengan serta-merta?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan pandangan Yang Berhormat itu. Kabinet telah membuat keputusan untuk menolak penggunaan *paraquat*. Kemudian pihak yang berkenaan tidak berpuas hati dan membuat rayuan semula, jadi kementerian angkat untuk pertimbangan Kabinet dan Kabinet sekali lagi dengan tegas menolak dan keputusan adalah muktamad, tidak dibenarkan menggunakan *paraquat*. Jadi tidak ada kaitan dan tidak ada kepentingan, tidakkanlah ada kepentingan, racun ini bagi orang mati.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Untung banyak!

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya? Apa dia?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Untung banyak!

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Mungkin kot! Bukit Mertajam pun tahu juga ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia kata dia tidak dapat ucap, dia tidak ada tadi.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya? Fasal dia duduk di luar. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Mambong telah membangkitkan mengenai dengan penglibatan Lembaga Racun Makhluk Perosak di dalam Konvensyen Rotterdam dan Konvensyen Stockholm.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Racun Makhluk Perosak adalah merupakan *National Authority* (DNA) untuk racun makhluk perosak bagi Malaysia. Malaysia sudah pun menandatangani dan membuat pengesahan Konvensyen Rotterdam ini. Kementerian memang sedar tentang obligasi negara bagi mematuhi kehendak konvensyen ini dan pihak lembaga telah pun memaklumkan kepada Urusetia konvensyen di Geneva mengenai status beberapa racun makhluk perosak di negara ini yang dikawal di bawah konvensyen tersebut. Selain daripada itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kita semua perlu berehat sekejap, sambung nanti.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Bolehkah saya habiskan ayat ini Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sambung nanti, 2.30 petang boleh balik sambunglah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ayat ini tergantung!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayat boleh, okey, sila.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Selain daripada itu Jabatan Pertanian juga telah menandatangani Konvensyen Stockholm yang bertujuan bagi menghapuskan penggunaan beberapa racun makhluk perosak dalam kumpulan, ini hendak sebut pun susah Tuan Yang di-Pertua, *Organorange* yang sangat berbahaya kepada alam sekitar, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan bersidang semula. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menyambung semula. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong dan Sri Aman telah menyentuh mengenai dengan kesan atau tanda-tanda terkena racun makhluk perosak dan maklumat mengenai penawar dengan izin, '*antidote*' pada label racun makhluk perosak.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai tanda-tanda terkena racun makhluk perosak, rawatan perubatan, rawatan kecemasan dan tanda terkena racun makhluk perosak sememangnya telah pun dimasukkan di dalam semua label racun perosak yang didaftarkan di negara ini sebagai memenuhi Peraturan-peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan 1988). Selain daripada itu, maklumat mengenai langkah-langkah keselamatan semasa mengguna dan mengendalikan racun makhluk perosak juga dimasukkan dalam label untuk panduan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan nama dagangan racun makhluk perosak yang bersifat *superlative* atau mengelirukan pada pengguna seperti '*special*', '*kuat*', '*super*' dan sebagainya. Sememangnya Lembaga Racun Makhluk Perosak mewujudkan garis panduan bagi tujuan nama dagangan pada tahun 1999. Garis panduan ini telah dipinda pada tahun 2003 bagi mengawal dengan lebih ketat lagi penggunaan nama dagangan yang bersifat *superlative* dan mengelirukan. Antaranya termasuklah tidak membenarkan sebarang nama dagangan, sama ada sebahagian atau keseluruhannya yang boleh dikaitkan dengan nilai keunikan keselamatan racun makhluk perosak, keselamatan kepada alam sekitar atau bertentangan dengan nilai sosiobudaya masyarakat tempatan.

Ini termasuk perkataan-perkataan *superlative* ataupun yang boleh membawa erti kepada keunggulan sesuatu produk sama ada dalam bentuk bunyi ataupun

sebaliknya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong mencadangkan supaya racun-racun perosak dalam kumpulan berikut diharamkan sama sekali.

Yang pertama, *Organophosphates*, *Organochlorines*, *Acetate Acids*, *Carbamates*, *Synthetic Pyrethroids*.

Saya mengucapkan terima kasih terhadap cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya, pihak kerajaan khususnya Lembaga Racun Makhluk Perosak memang menyedari bahawa terdapat beberapa racun makhluk perosak yang tergolong di dalam beberapa kumpulan di atas adalah sangat toksik sama ada kepada manusia ataupun kepada alam sekitar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa daripada racun makhluk perosak tersebut telah pun diharamkan ataupun tidak pernah didaftarkan untuk digunakan di negara ini kerana sifatnya yang toksik. Sebagai contoh, racun perosak *Parathion* dari kumpulan *Organophosphates* tidak pernah didaftarkan kerana sangat toksik.

Yang kedua, racun perosak *Methomyle* dari kumpulan *Carbamates* tidak pernah didaftarkan dan sangat toksik.

Yang ketiga, racun perosak 245 T dari kumpulan '*Phenoxyactetic Acids* telah diharamkan didaftarkan kerana sangat toksik. Semua racun perosak kecuali 'Endosulfan' di dalam kumpulan *Organochlorines* tidak pernah didaftarkan atau telah pun diharamkan kerana sangat bahaya kepada manusia dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus menjalankan kajian semula dan memantau pendaftaran racun perosak di negara ini dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai seperti menghadkan penggunaan atau membatalkan pendaftarannya jika ia didapati mendatangkan kesan buruk kepada manusia, binatang atau alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan berkaitan bahan pencuci sayur-sayuran untuk menghilangkan racun makhluk perosak. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti saintifik bahawa bahan-bahan pencuci yang dijual secara jualan langsung boleh membersihkan sisa baki racun makhluk perosak pada sayuran-sayuran seperti yang didakwa. Apa yang perlu dilakukan oleh suri rumah adalah dengan membasuh sayur-sayuran dengan air bersih bagi menghilangkan racun makhluk perosak yang melekat kepada sayur-sayuran. Selain daripada itu, sisa baki racun makhluk perosak akan menjadi tidak aktif atau tidak berbahaya apabila sayur-sayuran tersebut dimasak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong dan Sri Gading ada membangkitkan, bertanyakan langkah-langkah untuk mewajibkan para petani menggunakan pakaian pelindung yang sesuai semasa menggunakan racun makhluk perosak. Kerajaan sedar bahawa pakaian pelindung amat penting bagi mengelakkan pendedahan kepada racun makhluk perosak. Pada masa ini, terdapat satu peraturan di bawah akta ini yang mengawal penggunaan racun makhluk perosak amat berbisa iaitu ' *Methamidophos* dan *Monocrotophos*, bukan *menopaus*. [Ketawa] Di bawah peraturan-peraturan ini, terdapat peruntukan mewajibkan majikan menyediakan pakaian perlindungan dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja mereka.

Para pekerja pula diwajibkan menggunakan pakaian pelindung yang dibekalkan oleh majikan. Selain daripada itu, di bawah Kaedah-kaedah Racun Makhluk Perosak (Mengendali Kawalan Makhluk Perosak 2004) juga mempunyai peruntukan bagi mewajibkan pengendali kawalan perosak menyediakan dan memastikan bahawa pakaian perlindungan peribadi dan kelengkapan yang sesuai dipakai dan digunakan dalam semua pengendalian kawalan makhluk perosak yang dijalankan oleh pemakai racun makhluk perosak berlesen.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak undur sedikit kepada proses pencucian makanan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dua tiga hari yang lepas, seorang penjual barang-barang yang datang ke rumah membawa ke rumah saya satu jenis produk di mana produk ini dikatakan boleh mencuci bahan-bahan toksik yang ada dalam makanan. Lalu dia ambil contoh seekor ayam yang kita beli dan kemudian dilakukan satu proses, diletakkan dalam bekas air, katanya *oxidation process* – disedut lebih kurang 20 minit dan kemudian segala toksik yang ada di dalam ayam ini akan keluar dan menyebabkan bau air tersebut sangat busuk. Katanya, yang keluar itu adalah bahan-bahan toksik makanan yang dimakan oleh ayam tersebut.

Penjelasan yang saya pohon, adakah kementerian mengetahui ada produk yang sedemikian dan apakah ini merupakan satu perkara yang boleh dipakai oleh pengguna? Saya rasa ini sudah banyak tersebar di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya suka memaklumkan bahawa ini tidak betul sama sekali. Kadang-kadang kita terpengaruh dengan orang yang menjual barang-barang ini, mungkin dengan cara dia menjual kepada kita, kita

terpengaruh. Sebenarnya ini adalah di luar pengetahuan kita tetapi kita tidak usah percayalah. Ini suatu perkara yang dari segi saintifiknya seperti saya sebutkan di awal tadi, kita tidak boleh membuktikan. Jadi, tidak perlu percayalah kepada orang-orang yang seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Bercakap fasal toksik ini, Yang Berhormat, tadi toksik ditarik daripada ayam tetapi sekarang ini saya difahamkan ada dibuat *direct selling* tarik toksik daripada manusia. *[Ketawa]* Malam-malam sebelum tidur bubuh plaster di bawah tapak kaki, esok pagi sedar-sedar, Tuan Yang di-Pertua, plaster itu menjadi warna hitam. Dia kata, plaster itu tarik toksik keluar! Jadi apakah toksik yang kita dok makan ini keluar daripada tapak kaki? Toksik yang keluar cara angin itu apa dia? *[Ketawa]*

Jadi, mungkin ayam tadi yang dikatakan berbau busuk itu barangkali toksik yang keluar daripada angin ayam itulah – daripada '*punggok*' ayam itu. *...[Ketawa]* Jadi dia berbaulah macam itu. Jadi, yang ini Yang Berhormat, ini pun satu lagi yang kita hendak kena tahu, adakah benar? Kemudian Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikit mungkin ia ada terlibatlah dengan toksik atau tidak toksik ini – ayam kampung dengan ayam...

Seorang Ahli: Ayam bandar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha? Ayam daging inilah, ayam yang orang kata tidak pijak bumi ini. Ayam ini diberi makan dia bertelur, diberi makan dia bertelur, diberi makan dia bertelur - itu ayam daging. Tetapi ayam kampung ini, Yang Berhormat, kita tengok dia makan apa pun ikut 'dan' sahaja – apa ikut 'dan' dia makan dan apabila kita makan isinya bagus. Walaupun dia keras tetapi elok. Orang lelaki atau orang perempuan – kalau orang perempuan beranak, dalam masa pantang itu dia ambil ayam kampung bubuh halia sedikit, tanak dia bagi elok – makan. Jadi, orang perempuan itu bila dia sudah bersalin itu badan dia jadi sihat dan sedap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana boleh kaitkan ayam dengan racun?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini ayam makan barang – itu barang ada toksik, toksik masuk dalam ayam, ayam apabila dimakan masuk dalam badan kita. *[Ketawa]*

Ini *circle*. Jadi, ayam kampung dengan ayam daging kadang-kadang besar macam badan Arau saja, ayam daging. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Jadi apakah kerajaan buat kajian tentang pemakanan yang kita bagi kepada ayam daging ini sesuaikah untuk orang kita? Fasal yang saya dapat lihat Tuan Yang di-Pertua, orang *dok* makan ayam *Kentucky Fried Chicken, fast food* ini semua – budak-budak kalau dia makan semuanya badan “besar-besar”, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak percaya Tuan Yang di-Pertua cuba pergi makan. Arau tidak berani bagi anak dia makan sebab dia dah “besar” *[Ketawa]*

Jadi badan anak-anak kita menjadi “besar” kerana makan ayam yang dipelihara secara demikian. Tetapi hak yang kita makan ayam kampung ini, okay, sihat dan elok. Kalau kita makan sup ayam kampung pun dia kemas elok. Kalau hari Khamis malam Jumaat makan sup ayam kampung, bubuh lada sedikit dia terus lega.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan dia...*[Ketawa]* Toksik-toksik yang masuk melalui ayam-ayam ini kemudian dimakan oleh manusia, adakah toksik-toksik itu juga memudaratkan manusia? Jadi, saya hendak minta penjelasan kerana banyak yang dapat kita lihat ayam yang dibela dipelihara secara moden ini – anak-anak kita makan dia jadi satu macam. Kemudian saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, kalau anak-anak kita yang perempuan itu kena jaga takut dia menjadi mandul, depa kata. Fasal depa cucuk ayam itu. Jadi apabila kita makan hormon-hormon itu dia boleh menjadi mandul, maknanya dia tidak boleh mendapat anak. Ini saya tidak tahulah, Kementerian Pertanian tolong buat kajian. Saya pantang saja anak hendak keluar. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Dia pun hendak bertanding Timbalan Pengerusi Tetap juga. Ada dua perkara di sini, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya tentang kawalan terhadap penggunaan racun makhluk perosak. Itu di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian di mana kita mengawasi dan menasihatkan para penternak supaya menggunakan dari segi racun dan sebagainya pada tahap yang dibenarkan.

Yang kedua ini berhubung dengan pemakanan sama ada ayam itu toksik atau tidak, ayam kampung ataupun ayam yang kita pelihara sekarang ini secara *close system* yang moden ataupun yang kita gelar ‘ayam daging’ – dari segi sama ada pemakanan yang mempunyai tahap kandungan sisa baki (*residue*) itu terletak di

bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan sebab Kementerian Kesihatan bertanggungjawab tentang makanan sama ada makanan yang dikeluarkan dalam negara ataupun makanan yang diimport. Ini termasuk dalam bidang tugas Kementerian Pertanian.

Walau bagaimanapun kita sentiasa mengadakan perhubungan yang rapat dengan Kementerian Kesihatan kerana Lembaga ini mengadakan mesyuarat bulanan. Kalau kita mendapati ada kandungan toksik yang melebihi daripada MRLS kita akan memaklumkan kepada kementerian yang berkenaan untuk diambil tindakan sewajarnya. Ini ada kaitan di antara Lembaga Racun Makhluk Perosak ini dengan Kementerian Kesihatan kerana Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan adalah salah seorang Ahli Lembaga kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak ini. Jadi, ayam itu saya tidak tahulah ia ada toksik.

Datuk Bung Moktar bin Raden: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan dan Mambong bangun. Yang mana satu?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Persoalan yang kita hadapi di mana kita lihat tidak ada penyelarasan daripada kerajaan dan juga di antara kementerian dengan kementerian di mana pengawalan jenis-jenis keselamatan ini di bawah pemantauan Kementerian Kesihatan. Jadi adakah kerajaan akan melaksanakan satu perancangan secara menyeluruh antara kementerian-kementerian ini, bergabung untuk memastikan – sebab kita lihat tidak ada penyelarasan jenis baja yang mana dibenarkan, mana yang lebih, mana yang kurangnya, yang ada toksik dan sebagainya.

Jadi ini rasa saya perlu Yang Berhormat bawalah ke kementerian untuk dibincang sebab kalau tidak, itu sebab kita melihat, saya setuju dengan Jerai, ramai anak-anak ini umurnya tujuh tahun, lapan tahun tetapi saiz badannya macam 20 tahun, sebab pemakanan itu. Kita terdedah dengan pemakanan yang tidak seimbang yang boleh memudaratkan. Sedangkan kita tidak boleh salahkan juga pengusaha sebab kerajaan tidak ada garis panduan yang menyeluruh bagaimana bentuk bajanya. Saya

tahu Arau ini memang pembekal baja tetapi tidak tahu bajanya banyak toksik atau tidak, kita tidak tahulah. Dia ini pun tauke jual baja.

Jadi ini masalah, jenis baja-baja yang dijual untuk sama ada ternakan ayamkah, ikankah dan sebagainya harus ada piawaian yang tertentu. Garis panduan yang dilaksanakan dibenarkan oleh kerajaan tetapi ini tidak ada, suka-suka sahaja. Jadi soal ini memang payah kalau kita lihat. Jadi apakah Yang Berhormat dan kementerian ini berhasrat untuk menyelaraskan termasuk Sabah dan Sarawak sebab Sabah ini seolah-olah dia tertinggal dari segi ini sebab dia ada agensinya yang tersendiri. Jadi kita lihat kerugian dia ada daripada manfaatnya dengan kerajaan-kerajaan negeri melaksanakan pengurusan mereka sendiri di peringkat negeri tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pertamanya, saya hendak terangkan tidak betullah kalau Yang Berhormat membuat kesimpulan bahawa para pengusaha yang terlibat dalam sektor pertanian boleh menggunakan tahap racun sesuka hati. Sebenarnya, kita telah memberi satu garis panduan yang jelas tentang tahap penggunaan racun yang dibenarkan. Kita telah memaklumkan tentang kesannya, kesan kepada manusia, kesan kepada alam sekitar, kesan kepada haiwan dan kesan kepada tanaman.

Kita selalu menekankan kepada para pengusaha supaya dalam kita mengejar keuntungan, dalam usaha kita untuk meningkatkan hasil-hasil pertanian, kita juga jangan lupa tentang keselamatan *consumer*, tentang pengguna. Jadi bukan sahaja dari segi hasilnya hendak banyak, tetapi kita hendak hasil yang berkualiti dan hasil yang selamat dimakan, serta hasil yang boleh dipasarkan secara global. Ini yang kita selalu tekankan kepada pengusaha-pengusaha.

Jadi berbalik kepada kandungan toksik ini yang berlebihan, saya telah memaklumkan tadi bahawa dari segi pemakanannya, itu di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Akta Makanan. Walau bagaimanapun, kita di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan juga dengan rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak. Cadangan Yang Berhormat untuk kita selaraskan itu, satu cadangan yang baik dan kita akan buat kajian dengan lebih lanjut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesyorkan agar suri-suri rumah ataupun sesiapa yang membeli sayur-sayuran di mana sisa-sisa *residue* atau baki *residue* racun masih ada di dalam sayuran tersebut dan harus dicuci dengan larutan garam. Tetapi menurut satu kajian oleh Profesor Samuel Abstein, Medical Doctor of Occupational and Environmental Medicines of The School Public Health University Illinois, Medical Center Chicago, dia mengatakan bahawa kadangkala racun-racun ini, kompaun yang ada di racun ini akan bertindak balas dengan garam. Garam ini adalah *sodium chloride* bertindak balas dengan garam dan menghasilkan satu lagi bahan bertoksik ataupun yang tinggi toksinnya dan inilah dia mengatakan bahawa menjadi satu bahan yang *casino genic* yang menyebabkan penyakit barah ini.

Bolehkan Yang Berhormat Menteri dan kementerian membuat satu kajian tentang garam ini ataupun *common table salt sodium chloride* untuk diguna mencuci baki *residue* racun di sayur-sayuran atau di makanan yang lain supaya kita dapat satu keputusan yang memang benar dan konkrit. Kalau tidak, kita hanya mengesyorkan demikian dan ini adalah satu amalan sahaja, mungkin amalan ini selalu digunakan. Ini kemungkinan tidak akan dapat menghapuskan baki racun di sayuran itu. Oleh yang demikian, kajian terperinci saya mengesyorkan harus dijalankan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi kawasan Mambong atas cadangan yang dikemukakan oleh beliau. Kita akan buat kajian, mungkin kita akan dapat sumbangan daripada Yang Berhormat sendiri kerana kita ketahui Yang Berhormat salah seorang yang diakui pakar dalam bidang ini.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera bangun.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti yang kita tahu dan kebanyakan Ahli-ahli Dewan yang mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang racun makhluk perosak ini

semua mengatakan bahawa banyak sayur-sayuran yang dijual di pasaran sama ada di pasar dan sebagainya mengandungi keracunan toksik yang tinggi. Dan daripada jawapan yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat menyatakan bahawa sayur-sayur tersebut perlu dicuci dengan air garam dan sebagainya. Baru lepas tadi Yang Berhormat bagi Mambong memaklumkan mengenai tindak balas jika dicuci dengan air garam dan sebagainya.

Jadi untuk menyelesaikan masalah ini, adakah pihak kementerian membuat kajian sama ada, ada atau tidak tanda-tanda ataupun petunjuk-petunjuk yang membezakan di antara sayur-sayur yang mempunyai keracunan yang tinggi ataupun sayur-sayur yang tidak mempunyai keracunan yang tinggi. Sebab jika ada perbezaan tersebut, mungkin pihak kementerian boleh memberi amaran awal kepada pengguna, sayur jenis macam mana yang perlu dibeli dan sayur jenis yang macam mana yang tidak boleh dibeli. Misalnya dari segi daun, warna dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya tadi sudah sebut tidak ada satu kajian saintifik mengenai dengan hal ini. Walau bagaimanapun, kita nasihatkan supaya suri-suri rumah mencuci sayur-sayuran ini, dan saya sebutkan tadi kesan toksik ini apabila dimasak akan hilang. Walau bagaimanapun, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong itu akan kita buat analisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sambung. Ahli Yang Berhormat bagi Lipis ada membangkitkan mengenai dengan penjualan racun makhluk perosak di kedai. Menjual dan menyimpan untuk jualan racun makhluk perosak adalah dikawal di bawah Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan Bagi Penjualan Dan Penyimpan Untuk Jualan) 1988. Siapa yang hendak menjual atau menyimpan racun makhluk perosak boleh memohon untuk mendapat lesen tersebut. Lesen akan hanya dikeluarkan setelah memenuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Adalah dianggarkan terdapat 4,000 premis racun makhluk perosak di Malaysia. Premis ini diperiksa setiap tahun oleh pegawai pelesenan bagi memastikan syarat-syarat pelesenan dipatuhi. Lesen boleh dibatalkan jika pemegang lesen tidak mematuhi apa-apa syarat atau melanggar mana-mana peruntukan akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

Ahli Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Pendang ada membangkitkan penjualan racun makhluk perosak di kedai-kedai di kawasan luar bandar, di mana katanya terdapat racun makhluk perosak yang diletakkan berhampiran dengan barang-barang makanan. Suka saya maklumkan bahawa tahap keracunan yang terdapat pada racun-racun makhluk perosak yang dijual di kedai-kedai di kawasan pedalaman, tahapnya adalah tahap yang keempat yang tidaklah berbahaya. Kalau di kawasan-kawasan pedalaman kita mengenakan syarat perlu mengadakan premis yang lain sudah tentu ini akan menyulitkan, menyusahkan kedai kecil di kampung. Tetapi dari segi khidmat nasihat pegawai-pegawai kita, kita sentiasa menasihatkan bahawa barang-barang racun ini tidak boleh dicampur, tetapi yang dibenarkan itu bukanlah pada tahap yang *highly poisonous*, dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Speaker, saya bersetuju di kedai-kedai pedalaman, tetapi Yang Berhormat kita takut kadang-kadang hak yang dok berniaga jadi tauke kedai itu pun sudah ranum, dia pun berumur tua tunggu dalam kedai itu. Kemudian mai sebelah malam sedikit orang mai minta 'toyu', tahu-tahu dia sambar botol racun makhluk perosak ini bagi kawan ini, orang tua ingat 'toyu', dia balik pi makan ha dia jadi macam mana? Jadi, benda yang ini mungkin berlaku fasal ia duduk dalam satu kedai. Sekurang-kurangnya dia jangan campur, dia buat *partition*, satu kedai tetapi ia ada sekatan. Sebelah ini hang jual racun tak racun, sebelah ini makanan. Ini kadang-kadang dia bubuh sekali macam itu, kadang-kadang sambil dok bersembang dia sambar botol itu, dia ingat 'toyu'. Kicap orang Kedah kata 'toyu'. Dia sambar kicap ini dia bagi.

Seorang Ahli: Toyu' apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Toyu' itu bahasa baku, 'kicap' itu bahasa buku. Bahasa 'kita' 'saya' tetapi kalau sebelah Kedah 'saya' itu 'kita'. Bahasa Sabah toyu?

Seorang Ahli: Kicap *is in English*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan kedai kopi. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tidak layan Yang Berhormat, saya hendak tanya Timbalan Speaker.

Seorang Ahli: Menteri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia orang tidak peduli saya. Kasihan sedikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Jadi, yang ini yang saya takut. Jika boleh kementerian, tidak mengapalah, satu kedai saya faham mana hendak cari modal besar-besar, tetapi dia bubuh sekatan, hak sebelah ini jual segala racun apa pun, sebelah ini segala rempah, cabai. Terima kasih Yang Berhormat. Macam Kalabakan kata macam dalam masjid, perempuan duduk satu penjuru, lelaki duduk satu penjuru. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua pada sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Racun ini semua ada label. Kicap betullah di tempat kicap. Yang racun ini ia ada label di botol itu. Jadi, saya berpendapat kita sudah boleh membaca. Kita wajibkan diletak label kepada semua racun yang dijual sama ada dalam bandar ataupun di kawasan pedalaman. Tentu kita dapat beza antara kicap dengan racun. Botolnya tidak sama Yang Berhormat bagi Jerai. Jadi, saya rasa benda ini dapat dielakkan kerana berbeza dari segi pembungkusannya, pelabelannya berbeza sekali. Jadi, kalau orang itu dia hendak pergi minum juga yang itu soal lainlah kalau dia ingat dia buat macam kicap. Tetapi saya yakin dengan label yang diwajibkan, diletak pada botol atau kontena itu akan dapat kita hindarkan daripada kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya dahulu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa Yang Berhormat bagi Jerai katakan mungkin di luar bandar ini, Sabah, Sarawak, di Kedah, kadang-kadang lampu tidak ada 24 jam, *[Ketawa]* jadi kalau hanya label sahaja dia belum boleh baca lagi. Jadi, mesti mahu ada *partition* untuk kicap dan juga bahan-bahan racun ini. Jadi, inilah cadangan yang dibuat cuma dia belum berapa faham. Tadi saya hanya penjelasan sahaja. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kalabakan. Memang kita tidak benarkan dia letak sebelah menyebelah. Saya

ingat takkanlah racun itu pergi campur sekali dengan kicap. Ia tentu ada sekatan. Yang Berhormat bagi Jerai sengaja sahaja itu.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:tadi – bagi saya dahulu.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ketereh pula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apalah, undi punya pasal.

[Ketawa]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada satu istilah cuka, cuka ada dua jenis – cuka makan dan di kawasan saya ada banyak cuka getah. Cuka makan dan cuka getah ini banyak orang telah terkena, dia makan cuka getah sebab bertukar dengan cuka makan. Sebab itu sekarang ini kalau dahulu minyak gas warnanya *colourless*. Sekarang sudah ada warna sebab takut ada bertukar antara botol air dengan botol minyak gas itu. Jadi, cuka juga sekarang ini ada juga cuka makan dijernihkan, cuka getah ini dikeruhkan, tetapi keruh itu hampir dengan kicap. Saya bekas penoreh getah jadi saya tahu.

Jadi, saya rasa cadangan daripada Jerai dan Kalabakan tadi ialah perkara-perkara yang kecil begitu ianya bukanlah racun sangat tetapi racun, macam cuka getah, itu maksudnya saya rasa. Saya gembira sekiranya ini kementerian telah mengambil kira. Cuma penekanan harus seperti mana dan pelaksanaannya dibawa. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya sudah sebutkan tadi kita selalu buat pemantauan. Walaupun lokasi kedai yang menjual racun ini terletak di kawasan pedalaman kita menasihatkan kepada tuan punya kedai supaya asingkan tetapi dalam satu premis. Tidak perlu ada premis yang khas untuk jual racun sahaja. Dalam satu premis tetapi dia kena asingkan. Saya faham cuka ada dua jenis –satu cuka kita makan, lagi satu cuka kita bubuh pasal kita hendak bagi beku getah. Kita orang kampung kita tahulah kegunaan, tetapi kalau minum cuka itu...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Yang Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, saya cuma ingin menyokong sedikit. Yang Berhormat, soal pemantauan ini tidak wujud. Di kawasan kampung-kampung, tidak ada satu pegawai pun turun hendak meninjau ini. Ini betul punya. Bukan main-main punya. Berapa kerat sangatlah pegawai yang hendak meninjau dari kampung ke kampung. Ini tidak betul. Kalau boleh kita buat promosi mengikut daerah-daerah. Mintalah pegawai-pegawai kita turun di kawasan-kawasan, turun padang. Wakil Rakyat pun turun padang.

Saya boleh kira, berapa Pegawai-pegawai Pertanian turun di kawasan-kawasan. Satu tahun kalau ada satu kali cukup bagus. Ini, kementerian kena buat revolusi sedikitlah. Kalau pendalaman kita diubahsuai ada revolusi, kenapa di kementerian-kampung dan agensi tidak boleh?

Bagi mereka turun, buat *road show*. Baja jenis ini tidak boleh digunakan dan *partition* untuk barang-barang jualan di kedai-kedai runcit hendaklah diasingkan yang cuka getahnya, cuka makannya dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya ingat tidak betul kalau kata pegawai-pegawai tidak turun. Tidak betul, saya berpendapat pegawai-pegawai kita cuba menjalankan atau menunaikan tanggungjawab sebaik mungkin. Mungkin kadang-kadang kita kekurangan pegawai. Ini soal akan kita tangani.

Kalau kita membuat kesimpulan pegawai-pegawai kita tidak turun di kawasan mungkin saya rasa tidak betul. Pegawai-pegawai kita akan cuba sedaya upaya. Mungkin ada kekangan yang menyebabkan sesetengah tempat itu tidak sampai.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kelmarin kita sudah bangkitkan tentang akta yang dibentangkan dalam Parlimen. Maksud kita dari Sabah dari Kinabatangan ini, saya mahu tahu akta ini, penguatkuasaannya sampai ke Sabah atau tidak? Sebab di Sabah kita ada Kementerian Pertanian sendiri. Kelemahan yang ada di sana mungkin tidak terasa di Semenanjung. Sampai mana akta ini boleh melibatkan Sabah? Ini sebab kita ragu. Sebab akta ini tidak sampai ke Sabah.

Kita mahu kalau boleh pemantauan ini apa juga kerja-kerja yang patut dibuat pemantauan, sampai ke Sabah. Manakala tidak mungkin kita tahu Wakil Rakyat dari Kinabatangan kata memang setahun sekali belum ada sekali pun pekerja pemantauan pergi ke pedalaman. Tidak ada. Tidak ada kakitangan. Mungkin di Semenanjung, okeylah. Saya tidak tahu di Sarawak. Sarawak pun dia ada Kementerian Pertanian sendiri.

Kita minta kalau boleh semua akta yang menjaga kepentingan hak ramai ini, disampaikan ke kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih banyak Yang Berhormat bagi Kalabakan yang amat prihatin tentang sama ada akta ini meliputi Sabah dan juga Sarawak. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa akta ini meliputi termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap. Satu sahaja.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Panjangkah tidak ini?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *Response* Yang Berhormat sebut tadi mengatakan Pegawai Pertanian atau penguat kuasa ini turun padang, tak ada tempat tak turun. Saya akui sebahagian besarnya Pegawai Pertanian turun. Tetapi turunnya kalau tempat buah itu buah hendak masak baru dia pergi. Bila masak, hari-hari dia pergi. Kalau sayur pun, sayur hendak petik baru dia pergi. Waktu mula-mula itu tak pergi. Betulkah tak betul? Saya rasa ini betul.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ini tak boleh buat tuduhan macam itu. Seolah-olah pegawai kita pergi buat lawatan oleh kerana buah-buahan sudah masak mereka akan dapat buah-buahan. Saya ingat ini satu tuduhan yang tidak berapa betullah. Pada waktu tak ada buah pun pegawai pergi. Kita tak pernah sebut waktu itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya Yang Berhormat ini tadi, dia silap sangka. Memanglah Pegawai Pertanian, bila depa tanam pokok, bila musim buah dia hendak tengoklah pokok itu keluar buah macam mana daripada kajian yang depa buat?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat salah sangka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak bagi, tak bagi, itu terpulang kepada kita. Tak kan mai-mai kata "Bang Man, bak mai buah sikit". Tak boleh, dia tak mintak. Tetapi kalau kita hendak bagi dengan ikhlas, tak kan dia kata tak usah. Hang bawak mailah hang nak bagi. Jadi yang ini Yang Berhormat silap ini, Yang Berhormat Menteri. Depa tak faham. Dia masa mai ajak kita tanam pokok mempelam, bila pokok mempelam itu besar dah, dia mai tengok pulak. Lepas bila musim berbuah, nak kena tengoklah buah keluar tak keluar. Pokok itu mandul ke tak? Jadi, yang ini Yang Berhormat kena faham. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat. Saya rasa silap faham berlaku di sini ialah semasa pegawai turun semasa hendak tanam, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tak ada. Jadi dia tak bertemu pegawai. Tetapi masa buah itu masak, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ada bersama dengan pegawai, sama-sama makan. Sebab dia bertemu dan dia tahu. *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat banyak lagi?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Kita bagi pendek, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita boleh beralih kepada perkara yang lainlah, ini buah-buahan, sayur cukuplah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Kita pendekkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Pendang dan Cameron Highlands.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya, dua ini sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Cameron Highlands.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Okey bagi Cameron Highlands. Lepas itu kita bagi kepada Yang Berhormat bagi Pendang.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa walaupun kita ada akta-akta ini dan juga pemantauannya, tetapi mentaliti dan moraliti petani itu begitu penting sekali dalam menentukan amalan tani yang *responsible*, dengan izin, dan saya hendak bertanya perlukah kementerian ini mengadakan satu proses pengislahan pembudayaan amalan pertanian yang beretika ke arah satu proses jangka panjang?

Dalam konteks ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Kementerian Pertanian membawa satu kod etika tani di mana semua petani-petani walaupun petani dari segi sektor perladangan yang diusahakan oleh syarikat ataupun pekebun-pekebun kecil ataupun petani-petani yang membuat kebun di kampung diwajibkan mengambil satu kursus yang kemudiannya akan dibekalkan satu sijil. Di dalam kursus ini diadakan sukatananya yang berkaitan dengan cabaran sektor pertanian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini untuk menghadapi masalah racun?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, masalah racun kerana ramai daripada mereka tidak tahu, dia pakai hentam sahaja macam di Cameron Highlands. Bagi dia, dia hendak keluarkan sahaja. So, dia pakai racun makhluk perosak ini. Maka kalau ada macam ini, kita boleh beritahu dia apa penyakit-penyakit yang bakal akan wujud sekiranya racun ini dipakai, bawa kes-kes kanser ini dan tunjukkan kepada ramai daripada petani di Cameron Highlands mempunyai penyakit kudis. Tangannya teruk, kakinya teruk. Tetapi dia tidak tahu, dia pakai lagi. Untuk diri sendiri, untuk anak-anak dia, untuk keluarga dia sekali. Untuk pengguna, *cultural shock* kita bagi kepada dia supaya dia tahu, kalau dia pakai seterusnya macam ini, inilah kesannya.

Maka kita kena wajibkannya, kita paksa, macam mana kita hendak paksakan perundangan itu. Itu cara dia. Kita kena bawa dia datang ke tempat kita. Maka mungkin kursus itu dan persijilan itu satu yang mungkin boleh dilihat oleh kementerian. Pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Pertanian adalah jabatan yang bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak ini. Kita telah mengadakan pelbagai program, siri-siri ceramah, kursus, *road show*, kita bagi risalah-risalah yang semuanya ada dalam semua bahasa, bahasa Tamil pun ada. Ya, ini bahasa Tamil yang depa tulis kat saya suruh baca dalam bahasa Tamil.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat.....

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: banyak petani di Cameron Highlands ialah orang Cina.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tak apalah, dalam bahasa Tamil ada, bahasa Cina ada. Yang Tamil pun ada, bahasa Cina pun ada, bahasa Melayu ada. Dari segi orang kata bahan maklumat, informasi yang kita sediakan sudah cukup. Ada di merata-rata, di botol itu pun ada. Di label itu sudah pun disebut cara penggunaannya, kekerapan kita menggunakan racun itu, bila sayur-sayuran itu boleh *diharvest*, kalau kena racun, dia kena buat macam mana. Semuanya ada.

Itu peraturan pelabelan yang diwajibkan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Jadi kalau semua ini ada, dia tidak ikut, dia salahkan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya sudah beritahu ada dua kesan kalau kita tidak kawal secara penggunaan racun makhluk perosak ini kepada manusia secara yang saya kata *acute* tadi, yang boleh kita tengok dengan cepat, dia pening, dia mabuk, dia muntah. Lagi satu yang saya kata secara yang kronik, yang memakan masa yang panjang baru boleh kita dapat tengok kesannya seperti barah dan sebagainya.

Jadi, kita dok buat, selalu dok buat dari segi itu kita akan teruskan dari masa ke semasa dengan harapan penanam sayur, semua orang yang terlibat di dalam pengeluaran bahan makanan dapat ikut panduan yang kita berikan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohd Shariff bin Omar: Yang Berhormat bagi Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Kalau kita lihat pergi ke wad-wad hospital misalnya, di sana ada satu *locker* khas yang diletakkan, kita panggil DDA, maknanya ubat-ubat yang berbahaya dia mesti letak dalam tempat itu dan dipantau

oleh jururawat pada setiap hari. Jadi, apakah salahnya kalau kita kata kepada pekedai-pekedai yang menjual racun dan juga bahan-bahan makanan harian ini, mereka mesti menyediakan *locker* khas bagi meletakkan racun-racun yang berbahaya ini dan mungkin ia terpaksa dikunci ataupun dibuat macam mana, diasingkan dalam *locker* khas, *locker* yang ditentukan untuk racun makhluk perosak sahaja. Saya rasa ini mungkin boleh kita implemen dalam akta kita ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pendang. Jadi, sebelum kita beri lesen, Tuan Yang di-Pertua, kita syaratkan supaya diadakan sekatan kekal di kedai, walaupun di kampung-kampung, kita adakan sekatan kekal di antara racun dan makanan sebelum kita beri lesen. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat kita akan kaji sama ada kita boleh laksanakan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang yang membangkitkan tentang pembuangan bekas-bekas racun perosak. Pihak kementerian prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak jabatan bersama-sama dengan agensi yang terlibat termasuklah pihak industri pengeluaran racun. Kita telah menjalankan program perintis kitar semula bekas racun perosak di Cameron Highlands baru-baru ini. Hasil daripada projek perintis ini yang bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang sesuai sebelum ianya dilaksanakan di peringkat kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita pun ada risalah mengenainya, kaedah bilas tiga kali bekas racun perosak dan kita pun beri nasihat supaya jangan dibuang bekas-bekas racun yang kosong di merata-rata tempat. Jadi ini satu cara yang kita buat, kaedah bilas tiga kali bekas racun perosak, ini untuk makluman Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga membangkitkan masalah mengapa kawalan anai-anai di rumah tidak memberi keberkesanan yang panjang. Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan racun makhluk perosak untuk kawalan anai-anai bergantung kepada banyak faktor dan salah satu daripadanya ialah penggunaan yang kurang berkesan yang dilakukan oleh *pest control operator*, dengan izin, beberapa kaedah racun makhluk perosak, operasi kawalan anai-anai adalah dikawal dengan ketat bagi memastikan keberkesanan rawatan dan keselamatan kepada penghuni rumah dan

orang yang membuat rawatan. Selain daripada itu, kini telah terdapat di pasaran racun perosak anai-anai yang berkesan dan lebih mesra alam.

Yang Berhormat bagi Pendang juga telah membangkitkan masalah kawalan ke atas penyimpan racun makhluk perosak. Jadi kawalan melalui undang-undang adalah, saya sudah bercakap tadi. Yang Berhormat bagi Bagan juga telah membangkitkan masalah lingkaran nyamuk dan aerosol adalah selamat kepada kesihatan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya produk-produk seperti lingkaran nyamuk dan aerosol, semburan nyamuk dan lipas adalah selamat digunakan jika ia mematuhi peraturan pada label. Paras racun perosak di dalam keluaran-keluaran di atas adalah sangat rendah dan semuanya dikategorikan di dalam Kelas IV iaitu kelas kebisaan yang paling rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah menyentuh banyak bidang yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin ada sebahagiannya saya tidak menjawab. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menunggu daripada hari Isnin, kelmarin satu hari, Tuan Yang di-Pertua, hari ini, semuanya mereka telah mencatat perkara yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kami sangat hargai dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan dan peruntukan baru yang dicadangkan, adalah diharapkan pelaksanaan undang-undang bagi mengawal racun makhluk perosak akan dapat dibuat dengan lebih cekap dan berkesan. Aktiviti-aktiviti seperti penyeludupan racun makhluk perosak dari luar negara, penjualan dan penggunaan racun makhluk perosak yang tidak berdaftar, penggunaan racun makhluk perosak yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan, akan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Di samping itu proses penguatkuasaan akan dapat dibuat dengan baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 28 –

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

3.27 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, Fasal 7, sebenarnya saya sudah timbulkan di dalam ucapan tadi tetapi tidak diberi jawapan. Saya ingin tahu apakah rasional tempoh pendaftaran ini dipanjangkan dari tiga hingga lima tahun, sekiranya ingin kawal selia dan memantau racun-racun ini, bukankah ini lebih munasabah kalau tempoh pendaftaran ini dipendekkan supaya menyenangkan kawal selia kementerian terhadap pengimport-pengimport ataupun pengilang-pengilang racun-racun ini dari melonggarkan tempoh pendaftaran ini kepada lima tahun di mana dalam tempoh ini mereka diberi kuasa untuk mengendalikan racun-racun, sama ada simpan, jual atau buat. Bukankah ini lebih munasabah kalau tempoh ini dikekalkan ataupun dipendekkan dan bukan dipanjangkan? Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat.

3.28 ptg.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Omar: Tuan Pengerusi, tempoh kita lanjutkan oleh kerana ia melibatkan masa yang diambil oleh lembaga. Jadi, ini tempoh lesen itu sah, kemudian dia ada lagi tempoh jualan, itu lain, tempoh jualan itu tiga tahun. Tempoh ini kita lanjutkan oleh kerana ia melibatkan banyak proses, Tuan Pengerusi, yang perlu dibuat oleh lembaga memandangkan banyak perkara yang kita perlu buat dari segi analisa dan sebagainya, maka kita mencadangkan supaya tempoh itu dilanjutkan dari tiga tahun kepada lima tahun.

Dari segi tempoh menjual, itu dari segi lesen. Untuk menjual kita benarkan tiga tahun tetapi sebelum habis tiga tahun, dalam tempoh enam bulan sebelum tamat itu, pihak Pendaftar perlu menghantar semula untuk kita memperbaharui, ini bagi menghadapi masalah dalam kita memproses permohonan ini. Oleh sebab itulah kita cadangkan ia dilanjutkan daripada tiga tahun kepada lima tahun.

Fasal-fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah jawab. Tadi Yang Berhormat tidak bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Awak nampak tetapi saya tidak nampak. Cukup.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

3.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42] dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk melaksanakan pengsekuritian pinjaman perumahan bertujuan untuk memesatkan lagi pembangunan pasaran bond tempatan terutamanya di dalam sekuriti bersandarkan *asset* ataupun *Asset Based Security*. Ini adalah sealiran dengan teras utama agenda pembangunan pasaran bond tempatan untuk memperluaskan kepelbagaian dan kecanggihan atau *range* dan *sophistication* bagi memenuhi keperluan pelbagai pelabur dan pengeluar bond.

Bagi kerajaan pengsekuritian pinjaman perumahan akan memberikan *option* untuk menukar pinjaman perumahan tersebut yang merupakan *asset* tidak mudah tunai kepada terimaan mudah tunai secara *upfront* dengan izin, pada masa yang

sama ia juga membolehkan kerajaan memperoleh kos pembiayaan yang lebih rendah dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, proses pengsekuritan yang melibatkan penjualan pinjaman perumahan oleh kerajaan kepada penerbit bond ataupun *issuer*. Seterusnya penerbit bond akan menerbitkan bond melalui satu sektor penerbitan yang dikenali sebagai *Mortgage Backed Security* ataupun MBS, dengan izin, penerbit bond akan menggunakan perolehan daripada penerbitan MBS tersebut untuk membuat bayaran kepada kerajaan bagi pinjaman perumahan yang dibelinya. Seterusnya kerajaan akan membayar semula pengsekuritan tersebut kepada penerbit bond melalui potongan gaji bulanan kakitangannya yang membuat pinjaman perumahan.

Penerbit bond akan menggunakan perolehan tersebut untuk membayar pulangan kepada pembeli-pembeli MBS ataupun *Mortgage Backed Security* study. Pada masa kini adalah dianggarkan terdapat hampir RM25 bilion nilai pinjaman perumahan kakitangan kerajaan dengan tempoh matang sehingga 25 tahun yang boleh digunakan bagi maksud pengsekuritan tersebut dengan mengambil kira saiz terbitan yang besar, pelaksanaan MBS atau *Mortgage Backed Security* ini akan menyumbang dan mantapkan lagi pembangunan pasaran bond tempatan terutamanya bagi sekuriti bersandarkan *Asset Based Management* ataupun ABS melalui:

- (i) pewujudan kelok hasil ataupun *yield curve* yang akan menjadi tanda aras *benchmark* bagi terbitan-terbitan ABS lain, terutamanya terbitan dari sektor swasta yang mempunyai tempoh matang yang panjang sehingga 20 tahun;
- (ii) terbitan yang bersaiz besar ini akan menggalakkan urus niaga dan dengan itu menyokong pasaran sekunder yang lebih aktif;
- (iii) memulihkan mekanisme penentuan harga bagi ABS ataupun *Asset Based Security* lain ditentukan dengan tepat dan berkesan kerana MBS atau *Mortgage Backed Security* mempunyai risiko yang paling rendah di mana aliran tunai disokong oleh pembayaran ansuran pinjaman perumahan kakitangan kerajaan melalui potongan gaji; dan
- (iv) memandangkan sebahagian daripada pinjaman perumahan kakitangan kerajaan pada masa ini merupakan pembiayaan secara Islam, terbitan MBS juga akan merangkumi terbitan

secara Islam yang boleh menarik para pelabur Islam termasuk pelabur antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan bahawa langkah ini bukan sahaja dapat membangunkan khususnya pengsekuritian berasaskan *asset*, tetapi juga akan meningkat dan memantapkan lagi perkembangan pemasaran bond terima tempatan. Walau bagaimanapun pelaksanaan pengsekuritian ini memerlukan sedikit pindaan kepada Akta Pinjaman Perumahan 1971, ini adalah kerana di bawah Seksyen 4 akta sekarang segala wang pembayaran balik pinjaman yang diberikan daripada wang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan segala wang yang diterima daripada penjualan apa-apa asset yang dibayar daripada wang Kumpulan Wang tersebut telah dimasukkan ke dalam wang Kumpulan Wang tersebut.

Menurut Seksyen 5 Akta sekarang wang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan hanya boleh digunakan untuk memberikan pinjaman perumahan kepada pegawai dan orang yang layak di bawah seksyen tersebut. Manakala di bawah pengsekuritian yang dicadangkan, kerajaan bercadang memasukkan hasil daripada pengsekuritian ke dalam akaun hasil yang disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan sebagai hasil kerajaan dan membayar balik kepada penerbit-penerbit bond secara terus daripada pembayaran balik yang dibuat oleh peminjam atau dengan menggunakan wang Kumpulan Wang.

Pindaan yang dicadangkan ialah melalui pindaan kepada Seksyen 4 (c) dan 4(e) dan dengan mengadakan suatu Seksyen 4A yang baru dalam Akta Pinjaman Perumahan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 mengandungi 3 fasal. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 akta tersebut untuk menjadikan seksyen itu tertakluk kepada seksyen baru 4A dan untuk meminda Seksyen 4(c) untuk membolehkan Menteri Kewangan membenarkan pembayaran balik atau pembayaran yang kena dibayar dengan pinjaman yang telah diberikan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dibayar secara terus pada mana-mana orang yang telah membeli apa-apa pinjaman daripada kumpulan wang tersebut atau apa-apa hak atau kepentingan yang diperoleh atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa

pinjaman daripada kumpulan wang tersebut di bawah apa-apa perkiraan yang memberinya hak ke atas pembayaran terus itu.

Fasal 2 juga bertujuan untuk meminda Seksyen 4(e) untuk mengadakan peruntukkan bagi pembayaran ke dalam Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, apa-apa wang yang diterima daripada atau menurut apa-apa perkiraan yang dibuat dengan mana-mana orang di bawahnya apa-apa asset yang dibayar kepada kumpulan wang tersebut atau apa-apa hak atau kepentingan yang diperolehi atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada kumpulan wang tersebut telah dijual dilupuskan atau dipindahkan kepada orang itu.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A untuk memberi Menteri kuasa untuk membenarkan pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Apa-apa hasil daripada apa-apa jualan, pelupusan atau pindah milik apa-apa aset yang perlu dibayar daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

Seksyen 4A (b) itu pula bertujuan untuk mengadakan perkiraan pembayaran alternatif jika Menteri tidak menggunakan kuasanya di bawah perenggan baru 4C. Seksyen itu membenarkan pembayaran dibuat daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kepada mana-mana pembeli apa-apa aset yang telah dibayar daripada kumpulan wang tersebut atau apa-apa hak atau kepentingan yang diperolehi atau yang berbangkit daripada pemberian apa-apa pinjaman daripada kumpulan wang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak melibatkan apa-apa pertambahan perbelanjaan kepada kerajaan. Pindaan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 adalah diperlukan bagi membolehkan kerajaan melaksanakan pengsekuritian pinjaman perumahan kakitangan kerajaan.

Pengsekuritian ini juga akan dapat memantapkan lagi pembangunan pasaran bon tempatan terutamanya terbitan yang mempunyai tempoh matang yang panjang. Di samping itu ia juga akan meningkatkan terbitan bon secara Islam yang boleh menarik para pelabur Islam termasuk juga pelabur antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang

Pinjaman Perumahan 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tumpat.

3.42 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya apabila diedarkan teks rang undang-undang ini semalam, agak susah untuk menjangkakan apakah kandungan sebenar dan matlamat sebenar pindaan-pindaan yang nampaknya kecil kepada beberapa fasal kepada Rang Undang-Undang Ibu ini dilakukan sehinggalah sebentar tadi mendengar pembentangannya oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir suatu *point* yang kita telah sebutkan beberapa kali bahawa sebelum rang undang-undang seperti ini dibentangkan, eloknya taklimat diberikan bukan kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional sahaja tetapi kepada semua pihak. Yang kita baca nampaknya pindaan kecil, apabila kita dengar dibentangkan tadi, istilah bon, kita baru dengar. Apabila istilah bon kita dengar, kita dengar RM25 bilion, 25 tahun dan apabila bon dikaitkan dengan pengsekuritian maka implikasi-implikasinya jauh lebih besar daripada dua, tiga helai rang undang-undang dalam naskhah ini.

Pada ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, pada kasarnya mendengar pembentangan tadi, maksudnya amat jelas, kerajaan hendakkan RM25 bilion dengan menjual bon-bon daripada pinjaman yang telah diberikan. Bukan suatu jenayah sudah tentunya tetapi eloknya kalau maklumat-maklumat seperti ini dikongsi dengan baik bukan sahaja dalam bentuk pembentangan pada petang ini tetapi dengan memberikan taklimat-taklimat yang agak awal kepada kami untuk kita fikir dengan cara mendalam apakah baik dan buruknya implikasi-implikasinya kerajaan sekarang ini mahu menjual bon untuk mengutip sekurang-kurangnya RM25 bilion. Jadi saya ingin menyatakan kekesalan kami bahawa rang undang-undang seperti ini tidak diberikan taklimat awal-awal lagi terutama sekali memandangkan implikasi-implikasi yang begitu besar kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dari segi aspek pinjaman perumahan sebagai satu perkara yang amat penting. rumah sebagaimana yang kita tahu adalah aset utama dan aset asas mana-mana warganegara Malaysia, malah puluhan tahun yang lalu selepas peristiwa 13 Mei 1969 kerajaan ketika itu Perikatan, dengan terbuka menyatakan bahawa kita berhasrat untuk mewujudkan di negara Malaysia ini dengan

izin, *A House Owning Democracy* iaitu suatu sistem demokrasi yang mana suatu punca kestabilan negara ini adalah daripada hakikat bahawa sebahagian besar rakyat kita menjadi tuan punya-tuan punya rumah kerana Perdana Menteri Singapura ketika itu pernah menyatakan bahawa rakyat akan kurang memberontak, akan kurang membakar harta-harta jika rakyat sedar bahawa harta-harta tersebut sebahagiannya adalah harta, rumah dan sebagainya yang mereka sendiri punyai.

Maka demokrasi dan perumahan adalah suatu perkara yang amat berkait rapat dan oleh itu kita sentiasa menyokong hasrat kerajaan untuk menambahkan kepunyaan rumah di kalangan rakyat-rakyat kita. Oleh itu saya mengharapkan bahawa dalam penggulungan atau jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nanti akan memberi penjelasan kepada kita tentang keadaan perumahan dalam negara kita, tentang rakyat yang mempunyai *house ownership*, dengan izin, di Malaysia ini, tentang peratusan rakyat yang menjadi tuan punya jenis rumah yang bagaimana dan sebagainya sebab ini adalah fakta-fakta yang penting untuk kita meninjau atau memonitor, dengan izin, keadaan demokrasi kita yang mana sebahagian besarnya berkaitan dengan kepunyaan harta asas iaitu rumah sendiri.

Kita juga ingin bertanya kepada pihak kementerian ada desas-desus sudah beberapa tahun, ada ura-ura untuk menswastakan bahagian pinjaman perumahan di Kementerian Kewangan ini. Apakah dengan cadangan untuk mengsekuritkan RM25 bilion bahagian pinjaman ini bermakna bahawa kerajaan membuat keputusan bahawa kerajaan lebih memerlukan wang dengan kadar yang segera melalui pengeluaran penjualan bon ini dan oleh itu cadangan asalnya untuk menswastakan bahagian pinjaman perumahan ini sudah pun dibatalkan.

Kalau itu keputusannya kenapakah sikap ini diambil dan adakah muktamad cadangan kementerian untuk tidak lagi meneruskan cadangan awal untuk menswastakan bahagian pinjaman perumahan dan sekarang ini berubah kepada cadangan yang baru iaitu untuk menjadikan pinjaman perumahan ini boleh disekuritkan melalui pengeluaran dan penjualan bon-bon yang bernilai sekitar RM25 bilion ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin mengetahui bahawa RM25 bilion bon ini mempunyai implikasi dalam pasaran bon sama ada ia akan menjadi pasaran bon dalam negara atau mungkin bon ini akan dijual kepada pelabur-pelabur, pembeli-pembeli bon antarabangsa. Apakah kesannya kepada *bond market*, dengan

izin, dalam negara kita ini? Adakah ini akan menjadikan bahawa terlalu banyak dalam pasaran kita bon-bon dalam pasaran dan oleh itu adakah ia mungkin menjejaskan pasaran bon dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Kalau itu berlaku adakah ia nanti akan menjatuhkan *rating* imej negara kita dari segi pasaran bon dan sebagainya. Ini saya fikir soalan-soalan yang perlu kita tahu daripada kerajaan.

Seterusnya, kita ingin mengetahui jika kerajaan mengsekuritkan pinjaman perumahan ini dan menjualnya melalui bon-bon yang terpaksa memberikan kos-kos tertentu kepada kerajaan, adakah ini akhirnya akan bermakna bahawa peminjam-peminjam perumahan, pegawai-pegawai kerajaan kita yang terpaksa membuat pinjaman-pinjaman perumahan dan itu adalah satu dasar yang baik, adakah ini bermakna bahawa peminjam-peminjam kita sekarang ini meminjam atas kadar pinjaman yang tertentu yang disebut 'bunga' dalam rang undang-undang ini, adakah 'bunga' ini akan naik? Ataupun ia akan turun dan kalau naik, apakah ini akan membawa kerumitan yang meninggi kepada pegawai-pegawai kerajaan kita yang sudah tentu mempunyai hak untuk membuat pinjaman perumahan?

Kalau kos pinjaman ini lebih tinggi kepada pegawai-pegawai kerajaan kita, adakah ini merupakan satu lagi bebanan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang jumlah mereka kalau di campur dengan isteri, keluarga dan sebagainya, berjuta-juta rakyatnya yang terlibat dan jika kos pinjaman ini bertambah tinggi kepada mereka adakah ini sekali lagi menambah satu lagi komponen kepada inflasi yang sudah pun berlaku kepada minyak, kepada bahan-bahan makanan, kepada pelbagai perkara dalam *basket index* inflasi kita dengan penambahan pinjaman perumahan ini adakah ini akan bererti bahawa inflasi yang sebenar, *real inflation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang dihadapi pengguna kita, rakyat kita, pegawai-pegawai kerajaan kita akan menjadi lebih tinggi hasil daripada cadangan kerajaan untuk menjadikan pinjaman perumahan kita ini, rakyat ini disekuritkan melalui penjualan bon.

Jadi inilah saya fikir perkara-perkara yang saya merasakan amat penting untuk dibangkitkan dalam perbahasan ini dan saya sekali lagi menyeru Tuan Yang di-Pertua supaya rang undang-undang yang sebesar ini implikasinya perlu ditaklimatkan dengan sebaik-baiknya kepada kami sebelum dibentangkan petang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

3.52 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya tidaklah boleh mengatakan bahawa perundangan ini pindaan yang kecil tapi pindaannya betul kecil implikasinya amat besar Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh mengata juga bahawa saya tidak bersetuju dengan apa Yang Berhormat bagi Tumpat sebutkan.

Saya juga tidak melihat di belakang rang undang-undang ini penjelasan yang menunjukkan ada implikasi bon yang mungkin dicari ataupun dibuat oleh pihak kerajaan berlandaskan sekuriti yang didapati daripada pinjaman perumahan. Jadi dua perkara, satu, yang Tumpat sebut berhubung dengan penjelasan daripada pihak kerajaan.

Yang kedua, sepatutnya sebagaimana saya lihat selalu rang undang-undang meminda suatu undang-undang yang wujud dan mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu mempunyai penjelasan di belakang *explanatory statement*, dengan izin sepatutnya juga memberi penjelasan sedikit-sebanyak berhubung dengan tujuan pindaan itu dibuat, dan ini tidak langsung menunjukkan adanya perkara ini dibuat.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tindakan kerajaan kerana tujuan yang pertama untuk mempertingkatkan kemampuan bon tempatan. Yang kedua, kalau perlu kerajaan meminjam sumber kewangan daripada mana, jadi kita ada *source* ataupun sumber yang boleh kita gunakan di negara kita sendiri daripada pergi ke luar negara untuk meminjam ataupun buat *roadshow* ke luar negara membuatkan satu-satu penjualan bon.

Di sini kita mempunyai sumber dan sekuriti yang tertentu, yang boleh diguna pakai di negara kita sendiri. Jadi dengan sendirinya memanglah ada pulangan khusus kepada pihak kerajaan. Apa yang kita pinta ia tidak akan mendatangkan satu kesan negatif kepada pihak-pihak yang berkenaan iaitu pihak-pihak yang meminjam daripada pihak kerajaan berhubung dengan pinjaman perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dikata tadi Setiausaha Parlimen mengatakan yang mempunyai nilai RM25 bilion saya cukup yakin bahawa kerajaan tidak akan menggunakan maksimum ini sebagai satu landasan untuk meminjam keseluruhannya. Ini adalah satu maksimum dan kerajaan mungkin meminjam sedikit untuk keperluan yang tertentu. Kalau dinilai bahawa pengeluar sumber kewangan daripada bon ini

lebih besar nilai dan pulangnya kepada kerajaan dan keselamatan daripada kerajaan daripada implikasi faedah dan sebagainya daripada meminjam di luar negara ataupun *raise bond* di luar negara, saya ingat kerajaan akan menggunakan kebijaksanaan kerajaan sendiri sama ada menggunakan sekuriti perumahan ini untuk meminjam *raise fund* untuk kerajaan ataupun di luar negara.

Persoalannya apakah *role* ataupun tanggungjawab kerajaan dalam soal pengendalian bon ini nanti kerana bon ini Tuan Yang di-Pertua, ada hubung kaitnya dengan pinjaman perumahan, faedah, soalan sekuriti harta benda yang akan digunakan oleh pihak pembeli perumahan di mana letaknya tugas dan tanggungjawab kerajaan. Adakah ini ada sebab-sebab yang tertentu walaupun kita tidak melihat bahawa kerajaan tidak berkemampuan untuk membayar kepada orang yang terlibat dengan pembelian bon ini nanti, tetapi dalam masa yang sama kita hendak melihat bahawa pembeli rumah, masyarakat Malaysia, pegawai kerajaan ini tidak terjejas dengan apa sahaja tindakan oleh kerana pengurusan yang mungkin boleh menjejaskan mereka, di mana letaknya *role* kerajaan dalam soalan bon tempatan yang diwujudkan oleh kerana persekutuan perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan adalah memang satu perkara yang amat penting kepada mana-mana masyarakat sama ada masyarakat itu daripada golongan pegawai-pegawai kerajaan atau masyarakat itu daripada rakyat tempatan. Memang setiap seorang hamba Allah yang duduk di negara mana memang di negara kita Malaysia yang bahawa setiap seorang ini mesti mempunyai rumah, tempat diam, cukup makanan dan sebagainya. Jadi perumahan adalah satu perkara yang amat penting kepada semua orang, kepada semua ahli masyarakat mesti mempunyai rumah untuk kediaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pegawai kerajaan umpamanya, semasa berkhidmat mereka diberi kuarters kerajaan, perumahan kerajaan, diam di rumah yang telah disediakan oleh pihak kerajaan tetapi kalau mereka lalai selepas 35 tahun, 30 tahun setelah tamat perkhidmatan dengan kerajaan mereka berpencen, apabila berpencen dengan sendirinya rumah tidak ada. Baik pun kalau masih ada kampung, kampung masih wujud, keluarga masih ada di kampung, tanah masih ada di kampung mereka ini bolehlah pulang ke kampung, akhirnya pulang ke kampung dan mendirikan rumah di kampung macam rakyat biasa.

Jadi dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, amat penting sekali oleh pihak kerajaan mewujudkan satu skim yang tertentu untuk melihat keseluruhan pegawai-pegawai kerajaan supaya mereka ini apabila berpencen atau apabila mereka berhenti daripada perkhidmatan dengan kerajaan mesti mendapat tempat kediaman mereka sendiri, kerana tidak wajarlah pegawai yang telah berkhidmat dengan kerajaan lebih dari 30 tahun, selepas itu duduk dalam kawasan setinggan, terutamanya mereka ataupun sekumpulan pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai gaji yang tidak cukup tinggi untuk membeli rumah selepas berpencen, misalnya pegawai polis, ahli-ahli tentera, pegawai-pegawai kerani yang berpangkat rendah dari jabatan-jabatan kerajaan ini mesti difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, 10 hingga 15 tahun yang lalu, saya pernah berjumpa sendiri dengan pegawai-pegawai polis dan guru-guru ini setelah berkhidmat dalam jabatan kerajaan selama 35 tahun, bila ditanya di mana cikgu diam sekarang, encik diam sekarang, sarjan diam sekarang, koperal diam sekarang, dia kata: "Minta maaf tuan, saya duduk di kawasan setinggan, tidak ada rumah kerana kalau hendak beli rumah di Kuala Lumpur ini berapa harga sebuah rumah untuk didiami?" Jadi, tidak berkemampuan. Gaji dan pencen bukannya begitu besar sangat, hendak beli rumah di mana.

Sepatutnya pihak kerajaan daripada awal lagi telah merancang supaya berhubung dengan pihak kerajaan negeri, meminta tanah-tanah yang tertentu, diwujudkan tiap-tiap negeri satu skim perumahan yang boleh dijual dan diberi pinjaman kepada pegawai-pegawai kerajaan ini untuk membeli rumah-rumah yang tertentu. Jangan diserahkan bulat-bulat perkara ini kepada pihak-pihak pemaju yang hanya melihat keuntungan.

Kadang-kadang pihak pemaju ini, walaupun kerajaan telah meluluskan satu skim perumahan umpamanya, mengatakan bahawa pihak pemaju itu mesti membina rumah kos rendah dahulu, lepas itu baru buat rumah kos sederhana dan lepas itu baru buat rumah komersial, tetapi oleh kerana mengaut keuntungan adalah objektif pertama tiap-tiap syarikat ini, mereka akan membina rumah mana yang mereka boleh jual dahulu dan mendatangkan keuntungan yang lebih, selepas itu baru mereka memajukan yang lain untuk dijual kepada orang yang mungkin tidak berkemampuan tinggi.

Dalam keadaan sedemikian, semua projek yang memberi faedah kepada pegawai-pegawai dan masyarakat yang berpendapatan rendah ini tidak diberi satu keutamaan yang penting untuk masyarakat yang betul-betul perlu kepada sumber kewangan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, amat penting pihak kerajaan melihat dan mengawal dengan rapi. Jangan terdorong dengan soal keuntungan pihak-pihak pemaju perumahan supaya memastikan pegawai-pegawai kerajaan dan orang ramai mendapat tempat kediaman. Di negara kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak mempunyai skim sebagaimana yang dibuat di negara luar terutamanya di England, *Council Houses* yang mana kerajaan tempatan mempunyai rumah-rumah yang tertentu, boleh disewa oleh pihak-pihak yang berpendapatan rendah dengan syarat yang begitu baik dan mempunyai satu nilai sewa yang begitu rendah yang boleh disewa oleh pihak-pihak yang tidak berkemampuan membeli rumah.

Walaupun ada di satu atau dua tempat sahaja di bandar besar di Malaysia, tetapi bukanlah satu skim yang diwujudkan secara sistematik dan menyeluruh di semua negeri, kerana kadang-kadang di peringkat Kerajaan Pusat boleh memberi satu garis panduan, tetapi kerajaan negeri mempunyai agenda-agenda mereka sendiri. Agenda ini mungkin tidak selaras dengan *social requirement* ataupun keperluan sosial yang boleh mengisi kehendak-kehendak yang tertentu. Soal tanah, kelulusan pelan dan sebagainya itu masih di bawah pengendalian pihak kerajaan negeri.

Pihak Kerajaan Pusat sebagai penggerak utama menghala ke arah sedemikian mestilah membuka satu skim yang menyeluruh kepada semua dan kerajaan negeri sepatutnya bersikap besar hati dan tidak melihat perkara ini sebagai satu tindakan yang hanya boleh menguntungkan pihak-pihak yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik, tadi saya membaca satu ulasan yang dibuat oleh A. Kadir Yasin, "*Other Thought: Continuing The Spirit of New Economic Policy (NEP)*" ada menyentuh persoalan rumah-rumah orang miskin dan sebagainya. Saya baca ini semasa saya dalam kapal terbang dan saya minta pihak *library* meng"order" *magazine* ini pada hari kelmarin untuk dibaca dan hari ini, alhamdulillah *photostat copy* dihantar kepada saya di sini.

Di sini mengulas dengan cukupdan mengkritik seorang Menteri Besar yang mengatakan supaya rumah kos rendah yang tidak dapat dijual ini dibeli oleh pihak tertentu, selepas itu disewa kepada orang. Ini menunjukkan bahawa kita lebih

mementingkan keuntungan ahli korporat yang menjual rumah-rumah murah yang tidak terjual dan kita hendak beli rumah itu dan disewa kepada pihak tertentu. Kalau penyewaan ini dijamin bahawa dalam lingkungan yang boleh dibayar oleh pihak yang memang tidak berkemampuan hendak membeli rumah, alhamdulillahlah.

Tetapi kalau tujuan ini hanya untuk membantu ahli korporat atau *developer* rumah ini untuk menjual rumah yang mereka buat, tujuannya akan *defeat the purpose* perumahan kos rendah ini. Inilah yang dikatakan oleh A. Kadir Yasin ini berhubung dengan cadangan yang telah dibuat, dia kata *very naïve the suggested*. Jadi, saya pun melihat bahawa cadangan itu juga tidak patut dibuat dan tidak patut diambil tindakan, melainkan tujuannya ialah untuk memberi peluang dan ruang kepada pihak yang belum berkemampuan dan diberi kemampuan selepas itu apabila kerajaan mengambil alih pembelian rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat skim perumahan dibuat oleh pihak kerajaan yang mungkin direncanakan atau diolah oleh pihak Kerajaan Pusat dan kerjasama dengan pihak kerajaan negeri kerana tanah masih di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini amat penting untuk memastikan pegawai-pegawai kita yang telah berkhidmat selama 30 tahun, tetapi dalam masa yang sama tidak berkemampuan untuk membeli rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang senang menyebut belilah rumah di mana sahaja tempatnya tetapi kalau tempat itu 40 batu atau 30 batu dari pusat bandar di mana mereka berkhidmat, nescaya... fikirkanlah. Bangun pada pukul 5.00 pagi sebelum subuh kerana hendak pergi kerja, sampai ke pejabat pukul 8.00 pagi. Hari itu pula hendak berkhidmat sepenuh masa, datang dan duduk di Dewan sepenuh hari, mungkin tertidur kerana berjalan begitu jauh dan bangun terlalu awal. Ber"subuh" pun di tempat lain, bukan di rumah sendiri sebab rumah 40 batu atau 30 batu jauh dari pusat bandar di mana mereka berkhidmat.

Ini perlu dilihat oleh pihak kerajaan. Kerajaan terpaksa berbelanja untuk memastikan soal perumahan ini diwujudkan. Kerajaan negeri janganlah melihat, oleh kerana harga nilai tanah ini begitu tinggi dan meningkat, melihat hanya tidak ada lain iaitu sumber kewangan sahaja, *money sign*. Sepatutnya kita melihat, bagi pihak kerajaan, kalau tidak pihak korporat perlulah melihat soal keperluan sosial rakyat di negara ini secara menyeluruh, khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman lagi. Saya selalu menyentuh soal pinjaman ini. Kadang-kadang pegawai kerajaan rasa *trapped* atau terkilang dalam satu-satu situasi. Apabila membeli rumah daripada pihak pemaju rumah, dalam surat perjanjian jual beli dengan pemaju rumah diwujudkan terma-terma yang tertentu, mesti dikeluarkan CF apabila pembayaran telah dibuat dan potongan gaji telah dibuat. Selepas potongan gaji dibuat, tetapi CF kata orang di Semenanjung atau OP kata orang di Sarawak, belum lagi dikeluarkan.

Kadang-kadang berlaku, potongan gaji telah dibuat, rumah tidak dapat didiami. Dalam keadaan sedemikian, mereka ini tidak berkemampuan sama ada pinjaman ini daripada kerajaan ataupun daripada pihak bank. Tidak berkemampuan kerana sudah bayar bayaran bulanan kepada pihak bank atau pihak kerajaan, dalam masa yang sama macam mana hendak cari sumber kewangan untuk menyewa di tempat lain. Kerana keadaan itu sudah jadi *double jeopardy*, kata mereka ini. Jadi, kita mesti melihat soal-soal penjualan dan kelulusan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian, saya menyarankan kepada pihak Kementerian Kewangan dan Jabatan Kewangan supaya apabila sahaja melihat permohonan daripada pihak pegawai kerajaan untuk mendapat pinjaman kewangan yang mana syarat-syarat telah tetap diketahui bahawa prasyarat sudah mencukupi dan pinjaman boleh diberi kepada pegawai ini. Sepatutnya janganlah menunggu lama-lama sangat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat dari mana ini? Ketereh! Sila, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Putera Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik hati apabila Yang Berhormat membincangkan di dalam sesi ini mengenai rumah bagi anggota pegawai kerajaan dan sebagainya. Sebab mengikut pandangan Islam ada tiga kemuliaan bagi seseorang lelaki Islam. Kemuliaan yang pertama ialah mempunyai isteri yang baik, kemuliaan yang kedua ialah mempunyai rumah yang elok dan kemuliaan yang ketiga ialah mempunyai kenderaan yang elok. Kenderaan yang elok tidak bermakna kenderaan yang besar, kalau zaman dahulu maksudnya kalau naik kuda atau unta, unta itu tidaklah unta yang tempang atau unta yang buta.

Rumah yang elok tidak bermakna rumah yang besar tetapi elok. Ini kemuliaan bagi lelaki. Kehinaan bagi lelaki juga ada tiga. Kehinaan yang pertama ialah mempunyai isteri yang buruk perangai atau isteri yang jahat. Yang kedua tidak mempunyai rumah, itu kehinaan dan yang ketiga ada kenderaan yang memalukan, misalnya menjadi wakil rakyat tetapi keretanya '*Ford Rallye*' buruk, mati sahaja kena tolak, itu kehinaan.

Bagi penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat ialah pegawai kerajaan menghadapi satu dilema dalam menyediakan rumah. Pinjaman yang diberikan adalah terhad, ada limit RM130,000. Tak meminjam, hendak mencari kemuliaan lelaki kena meminjam, kena ada rumah. Bila pinjam rumahnya mahal, maka terpaksa meminjam RM135,000 umur sudah 35 tahun kena bayar dalam masa 20 tahun, umur 55 habis bayar, potong gaji - RM1,400.000, potong RM1,200.000 tinggal lagi RM200.00, tidak pinjam kena ada rumah, hendak mencari kemuliaan, hendak pinjam baki tinggal RM200.00. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kerajaan harus memikirkan perkara ini.

Kita tengok rumahnya besar, kereta pun kena ambil pinjaman tetapi akhirnya pendapatannya jadi sedikit, dilema ini terpaksa dihadapi oleh semua orang. Malah saya sendiri semasa saya menjadi pegawai kerajaan dahulu pun terpaksa berbuat demikian. Tidak ada rumah, hendak rumah, sebab hendak mencari kemuliaan lelaki, sebab itu sabda Rasulullah s.a.w mesti dipenuhi. Bila sudah pinjam, hujung bulan 15 hari bulan sudah tidak boleh berjalan, hendaknya kalau kena yang bertugas di Parlimen ini pula makanan pula mahal di Parlimen, makan nasi lemak sudah RM10.00, petang pula makan RM15.00, kena malam pula RM35.00 macam mana hendak buat. Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, saya memang bersetuju kerana bukan persoalan kemuliaan seorang lelaki bahkan juga kemuliaan insan itu keseluruhannya sama ada lelaki ataupun perempuan bahawa rumah adalah hak yang patut diberikan kepada setiap insan sama ada ianya wanita ataupun lelaki. Jadi, saya amat bersetuju bahawa persoalan pinjaman perumahan ini sepatutnya kita fleksibel sedikit, fleksibel dalam beberapa segi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak memberi satu contoh sedikit sebagaimana Yang Berhormat bagi Ketereh sebutkan tadi, saya berikan contoh umpamanya kalau si suami bekerja

dengan kerajaan mempunyai kemampuan untuk meminjam daripada kerajaan RM100,000 dan rumah hendak dibeli mungkin RM180,000 di satu-satu tempat perumahan di Sri Hartamas umpamanya *terrace house* RM250,000 tetapi si isteri pula bekerja di satu syarikat yang boleh meminjam dengan bank sampai ke tahap RM100,000. Ini bermakna dia mencukupi RM200,000. Dalam keadaan dilema ini, Tuan Yang di-Pertua, si isteri hendak meminjam di bank, hendak mencagarkan rumah ini untuk meminjam hanya RM100,000 dia tidak mampu lebih daripada itu kerana bank sudah membuat syarat-syarat yang tertentu.

Dalam masa yang sama pihak kerajaan juga tidak boleh memberi kerana gaji si suami had pinjaman dia hanya RM100,000 tetapi pihak kerajaan dalam masa yang sama tidak mahu harta benda ini dicagarkan sebagai cagaran yang kedua, bank pun tidak mahu menerima sebagai cagaran yang kedua. Kedua-dua bank dan pihak kerajaan mahu memegang cagaran yang pertama, *first charge*. Jadi, dalam keadaan dilema ini suami isteri walaupun mempunyai pekerjaan yang tetap, mempunyai kemampuan meminjam tidak berhak dan tidak boleh meminjam untuk membeli rumah yang hanya bernilai RM200,000 tadi, bahkan kalau dikumpulkan sumber kewangan mereka berkemampuan untuk membeli dengan syarat kalau kerajaan mahu dan bank kata saya mesti *hold the first charge*, dengan izin, dan pihak kerajaan mahu menerima *second charge* itu sebagai *security* kepada tanah itu nanti, bolehlah RM200,000 itu disalurkan, RM100,000 daripada pihak kerajaan dan RM100,000 daripada pihak bank.

Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan pun tidak mahu menerima yang mereka memegang cagaran yang kedua untuk memberi *security* kepada pinjaman pegawai yang sepatutnya boleh menerima pinjaman, melainkan kedua-dua suami isteri ini bekerja dengan jabatan kerajaan, itu pun kalau seorang bekerja dengan kerajaan negeri dan seorang bekerja dengan Kerajaan Pusat juga ceritanya sama.

Jadi, ini memang satu dilema yang amat besar sekali, jadi macam mana kita hendak memberikan rumah yang di angan-angankan ataupun dalam impian yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Jadi, memang saya bersetuju sepatutnya pihak kerajaan, Kementerian Kewangan fleksibel sedikit untuk memastikan supaya mereka yang berkemampuan untuk membeli rumah diberi laluan dan peluang untuk membeli rumah. Kalau si suami boleh meminjam RM150,000

daripada pihak bank berlandaskan gaji-gaji yang tertentu, Form 'J' yang tertentu - tunggu, saya akan menyentuh tidak ada Form 'J' tahun hadapan, Tuan Yang di-Pertua - Form 'J' tertentu boleh meminjam RM150,000, si isteri berkhidmat dengan kerajaan boleh meminjam dengan nilai RM100,000 bolehlah membeli rumah dengan harga RM250,000.

Kalau bank tidak hendak pegangkan pinjaman ataupun cagaran nombor dua sekurang-kurangnya pihak kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan boleh menerima cagaran yang kedua. Apa lagi yang kita bimbangkan, ini pegawai kerajaan, ini pegawai yang berkhidmat, berapa ramaikah pegawai kerajaan yang digugurkan daripada jawatan tahunan, berapa ramaikah selepas daripada jawatan kerajaan tahunan yang tidak meneruskan perkhidmatan mereka dengan jabatan kerajaan dan kalau adapun, ada mekanisme-mekanisme yang tertentu untuk menuntut pegawai itu membayar pada ketika itu. Tetapi sebelum berlaku kita mesti berbesar hati, bersikap besar hati, kita mesti bersikap memikirkan bahawa masa hadapan itu insya-Allah akan baik semuanya, kalau kita jaga pada masa sekarang ini dengan baik.

Jadi, sepatutnya jabatan kerajaan saya melihat banyak suami isteri ini merasa teraniaya oleh kerana hendak meminjam keadaan yang dua ini tidak dapat. Dengan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat pun tidak boleh *negotiate* di antara dua jabatan kerajaan ini, tidak boleh yang mana memegang yang nombor satu, yang mana memegang yang nombor dua, pun tidak boleh juga. Akhirnya habislah membeli rumah walaupun tidak berpuas hati, beli sahajalah, cukuplah, tetapi dalam hati mereka, Tuan Yang di-Pertua, tidak berpuas hati, memang tidak senang. Yang Berhormat, saya bersetuju dengan cakap Yang Berhormat itu.

Persoalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak membeli rumah nanti Form 'J' itu. Ini sistem *income tax Inland Revenue* yang baru. Dia tidak mengeluarkan Form 'J' lagi tahun hadapan. Jadi, kalau tidak keluar Form 'J' tahun hadapan bermakna dengan sendiri kalau orang yang bekerja di luar yang mempunyai satu pendapatan yang tertentu tidak akan boleh menyokong si suami ataupun si isteri bekerja dengan kerajaan hendak membeli rumah. Jadi, macam mana pihak bank umpamanya boleh menilai kemampuan seseorang itu untuk membeli rumah?

Jadi, banyak kefleksibelan yang perlu kita nilai, yang perlu kita wujud, yang perlu kita fikir supaya pihak yang berhak itu diberi haknya yang sebaik mungkin, di mana kita mempunyai hati besar untuk memberikan kemudahan ini kepada mereka. Pegawai kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, kita kata memang tidak ada cara-cara lain. Pegawai kerajaan tidak boleh terlibat dalam jualan langsung, pegawai kerajaan tidak boleh membuat *business*, pegawai kerajaan tidak boleh berniaga di tempat-tempat lain. Perniagaan mereka adalah kerja seperti ini, menjaga Parlimen, jaga pejabat, ikut Menteri, naik Menteri naiklah dia, turun Menteri turunlah dia. Mengikut wakil rakyat, bermacam-macam kerja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat pergi kiri, dia pergi kiri, kalau dia pergi kanan, wakil rakyat cakap, tidak sokonglah ini, susah juga jadi pegawai kerajaan ini, bukan senang. Dalam masa yang sama kita tidak lihat apakah kemudahan yang telah kita laksanakan. Ini sumber kewangan hendak beli rumah, ini sedikit daripada gaji ini hendak beli kereta lagi. Kalau tidak beli kereta, naik motor, susah juga Tuan Yang di-Pertua, kalau hari hujan terpaksa masuk bawah *fly over*, tunggu hujan berhenti. Datang lambat, *punch in* kata lambat, pegawai atasan kata: "Kenapa lambat?" Dia kata, "Hujan!" Kalau diberitahu hujan, "Aku tidak hujan," kata pegawai. Tetapi betullah dia, ada pemandu di depan. Macam kita, Ahli Parlimen tidak ada pemandu, kena tunggu hujan berhenti, Tuan Yang di-Pertua, baru jalan. Ha, jadi semua perkara ini kita melihat daripada perspektif mereka yang tidak berkemampuan besar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, satu lagi persoalan pelepasan, ini satu lagi keganjilan. Apabila pegawai kerajaan membeli daripada pemaju perumahan, tanah yang dimajukan oleh pemaju perumahan ini tadi telah di cagar kepada pihak bank. Bila dicagar oleh pihak bank, belum dipecah-pecahkan, geran tanah berasingan belum diberi, CF belum dikeluarkan tetapi kerajaan sudah turunkan sumber kewangan untuk dibayar kepada pemaju ini.

Dalam masa itu, kerajaan berkata hendakkan geran tanah berasingan supaya geran tanah, rumah yang berasingan ini boleh dicagarkan kepada pihak Suruhanjaya Tanah Negara. Tetapi bank kata, kena beri surat dahulu kepada kami, semua sumber kewangan, tetapi sumber kewangan tidak boleh turun oleh kerana pemaju perumahan tidak beri surat pelepasan. '*Surat Pelepasan*', Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja. Tetapi bank kata, duit belum sampai mana boleh beri surat pelepasan. Jadi, *take over* lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua. Tadi yang pertama, ini yang kedua.

Take over di antara jabatan kerajaan sebab tidak mahu lepas semua duit oleh kerana tidak ada surat pelepasan. Bank tidak hendak beri surat pelepasan sebab duit belum keluar, jadi di mana letaknya pegawai kerajaan. Letaknya pegawai kerajaan, tunggu satu, tunggu kiri, tunggu kanan. Makin lama, makin tunggu, rumah tidak dapat, CF tidak keluar, geran tanah tidak keluar, selama itulah pegawai kerajaan bayar juga dengan kerajaan, diam juga di rumah sewa, bayar dua kali, tetapi rumah ini sudah tidak didiami.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini bukan berlandaskan benda yang saya fikir, benar berlaku, pembangunan tanah 87 ekar di Kuching, pemaju pinjam wang daripada sebuah bank, RM4 juta sahaja pinjaman, tidak banyak, 87 ekar, seekor tanah itu RM100 ribu pun sudah cukup bayar. Jadi, pembeli rumah ini semua pegawai-pegawai rendah, pegawai polis pangkat koperal, sarjan, konstabel, askar, prebet, sarjan koperal, beli rumah, nilai sumber kewangan, *loan* yang patut diturun daripada Kementerian Kewangan kepada pemaju pada ketika itulah, RM11 juta. RM11 juta, Tuan Yang di-Pertua, hutang RM4 juta sahaja.

Tetapi oleh kerana *take over*, siapa hendak – *letter of release* tidak beri, yang satu tidak hendak turun duit, sumber kewangan, habis dua-dua, syarikat kena gulung. Digulung syarikat ini oleh *Price Water House* atas arahan bank yang meminjam RM4 juta, lihatlanlah. Orang yang mempunyai dana kewangan RM11 juta dalam Kementerian Kewangan boleh digulung syarikatnya sebagai *insolvent*, oleh kerana hutang RM4 juta, bahkan ada untung lagi ini, RM7 juta, hanya sebab satu surat, bank tidak hendak *release*, tidak beri jaminan yang mereka akan *releasekan tittle* selepas sumber kewangan diberi. Itu sahaja sebabnya.

Kerajaan berkeras juga mengatakan, kalau tidak ada surat, kita tidak mahu *releasekan* sumber kewangan, pegawai kerajaan yang meminjam daripada kerajaan ini. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, orang yang membeli itu kena potong juga gaji. Yang anehnya, orang yang membeli itu kena potong gaji juga, rumah tidak dapat didiami, kontraktor kata tidak boleh masuk kerana duit tidak keluar, kami sudah kena gulung. Apabila pihak *Price Water House* ambil alih pentadbiran, kata begitu juga, kami bukan punya harta, kami pentadbir sahaja. Bila semua perkara selesai ini nanti, barulah engkau boleh masuk.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya tiga tahun kemudian [*ikut melodi lagu*] baru pegawai kerajaan ini boleh masuk ke dalam rumah itu. Tiga tahunlah mereka bayar

sewa, tiga tahunlah mereka bayar bulanan kepada kerajaan, tiga tahunlah mereka mengalami kerugian begitu rupa.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwu bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi Dato' Putera Santubong. Saya berminat sangat dengan soal perumahan ini kerana kawasan Parlimen saya, Parlimen Ketereh ada satu bandar namanya Kok Lanas. Di Kok Lanas ini, sekarang ini adalah satu kawasan yang tumbuh, kawasan pertumbuhan yang paling banyak perumahan di Kelantan. Di Kok Lanas ini sahaja ada 25 taman perumahan sebab kawasan itu ada kawasan tentera. Ada 5,000 anggota tentera yang pencen umur 40, hendak rumah, pencen, hendak rumah, pencen hendak rumah.

Tadi saya sebut tentang soal delima pegawai kerajaan, sekarang pula delima anggota tentera, sedikit lagi sebelum Yang Berhormat pergi terus ke Kuching, hendak sebut juga delima rakyat biasa. Biar saya sebut rakyat biasa dahulu. Rakyat biasa tidak boleh hendak buat pinjaman, pegawai kerajaan boleh buat pinjaman, yang tinggi, pinjam tinggi, yang rendah pinjam rendah. Tetapi rakyat biasa tidak ada rumah juga, tidak tahu hendak pinjam di mana.

Rumah tidak ada, tetapi alhamdulillah kerajaan kita prihatin untuk rakyat termiskin diberi bantuan rumah rakyat termiskin di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang sekarang ini dikawal oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Bachok, tetapi itu untuk rakyat termiskin. Untuk rakyat berpendapatan rendah, pinjaman rumah kos rendah, tetapi dicelah di antara rakyat termiskin dengan rakyat berpendapatan rendah, ada satu kumpulan manusia lagi, kumpulan rakyat lagi yang miskinnya tidak termiskin tetapi tidak berpendapatan rendah, ianya rakyat yang tidak ada rumah, kerajaan buat satu lagi program, namanya program Rumah Mesra Rakyat, alhamdulillah. Yang menjadi masalahnya pula ialah program Rumah Mesra Rakyat ini, yang sekarang ini diselenggarakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), dahulu Ahli Parlimen bagi Bagan Datok jadi pengerusi, sekarang kosong. Saya ingat mungkin ini patut Yang Berhormat bagi Santubong ambil alih. *[Ketawa] [Disampuk]* Sudah ada. Oh! Sudah ada, minta maaf, saya ingat ada kosong.

Yang menjadi masalahnya sekarang, saya tanya dalam sesi yang lepas satu soalan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dia pergi ke

Kementerian Kewangan, dinyatakan kepada saya bahawa pembinaan rumah ini hanya 5% sahaja daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun lepas, rakyat menunggu. Saya dapat 20 borang, daripada SPNB, saya pun dengan – masa itu belum jadi wakil rakyat, agihkanlah kepada bukan yang termiskin, bukan yang kos rendah, yang tengah-tengah ini boleh dapat rumah, bayar RM100 sebulan, rumah harga RM40,000, cukup cantik, *design* lawa, cuma kena ada tanah sahaja. Rakyat menunggu 20 orang ini. Siasat, ambil geran tanah. Bila? Bulan April tahun 2001. Sekarang, bulan Julai 2004, rumah itu tidak dibuat lagi Tuan Yang di-Pertua. Tidak dibuat lagi. Bila ditanya, akan dibuat. Rakyat sekali lagi Kita biarkan dahulu Tuan Yang di-Pertua bertukar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusf bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Rakyat sekali lagi menaruh harapan. Jadi, saya hendak meminta penjelasan Yang Berhormat, bagaimana kita mengatasi masalah ini. Saya diberitahu bahawa peruntukan untuk perumahan ini ada RM100 juta. Yang ini kita sudah hendak naikkan, yang ada belum terbuat. Bagaimana ini? Apakah ini yang dikatakan “dikejar tidak dapat yang dikendong berciciran?”

Saya bimbang kadang-kadang kita buat perkara ini, kita memberi harapan yang tinggi kepada rakyat. Saya selalu memberi harapan yang tinggi kepada rakyat sebab sememangnya kita hendak berkhidmat kepada rakyat. Hari ini pun dapat borang... [Menunjukkan satu sampul surat] borang apa ini? Borang Laporan Prestasi. Hari ini semua orang dapat – Barisan Nasionallah, pembangkang tidak tahulah. Dia terpulanglah. Dia tidak ada tanggungjawab,,, ada jugalah, cara dialah. Cara dia pukul kuat-kuat o.klah.

Jadi, bagaimana hendak memenuhi harapan rakyat ini? Hari Jumaat ini baliklah. Pagi-pagi lagi sudah balik - akan datang lagi 20 orang ini, “Macam mana Yang Berhormat, rumah ini?” Hendak dipanggil Yang Berhormat pun sudah jadi malu, Yang Berhormat sebab rumah yang dikatakan tiga tahun dahulu sampai sekarang belum terbuat. Hendak menangis, bukan caranya. Hendak membantu, bukan ada wangnya. Hendak memberi, kita bukan orang yang berada dan akhirnya beri harapan. Apakah kita ini hanya memberi harapan? Atau memberi pengisian? Kita kecewa. Apabila orang kecewa buruk padahnya, tidak ada “199” lagi yang kita miliki.

Yang Berhormat, saya minta dalam ucapan ini, jelaskanlah perkara ini. Dilema ini bukan sahaja dihadapi oleh pegawai kerajaan - bukan pegawai tinggi - yang tinggi benar tidak mengapa. Yang tinggi benar, alhamdulillahlah. Saya lalu Bukit Tunku semalam. Amboi! Saya pun terkejut, kalah istana tetapi tidak mengapalah itu rezeki masing-masing. Itu kemuliaan seorang lelaki tidak mengapa, o.k. Tetapi bagaimana dengan rakyat jelata?

Yang Berhormat, tolong beri penjelasan dan hilangkan kekecewaan ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya merasa pilu, saya merasa sedih dan saya juga ikut berduka mendengar rintihan Yang Berhormat tadi. Ini bukanlah satu drama, Yang Berhormat tetapi ini adalah sebenarnya kenyataan. Saya juga telah berbincang dengan dua tiga orang wakil rakyat yang telah menerima borang daripada pihak SPNB ini, tetapi apabila borang sudah naik ke atas sampai sekarang pun rumah belum dibina....bahkan temu duga pun belum! [*memandang ke arah kanan beliau*] Temu duga pun belum.

Saya adalah Naib Yang Dipertua Persatuan Bekas Polis Malaysia, ada juga menerima - Persatuan Bekas Polis ini, bekas pegawai kerajaan - menerima borang-borang ini tetapi borang-borang ini pun sama jugalah ceritanya, Yang Berhormat. Belum.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat hendak merayu kepada siapa itu? Dengan Keterehkah ataupun dengan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan merayu selepas ini. Kita akan berbincang masalah ini dahulu. Dalam masalah ini saya memang berharap jugalah Yang Berhormat. Kalau tidak dapat jadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi pun patutlah bagi dengan saya, boleh menasihat. Tetapi Yang Berhormat, saya ini orang Santubong, Yang Berhormat, Ahli Parlimen bagi Batang Lupar dahulu, biasalah, "*lihat panggang, panggang tidak datang – lihat buah, buah tidak jatuh*", di sinilah juga saya. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak berapa lama lagi Yang Berhormat dapatlah itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Ketawa*] Jadi, saya melihat....

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Beluran bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit lagi. Saya belum habis yang Ketereh tadi. Saya memang mengetahui dalam SPNB ini ada mempunyai tiga empat skim. Salah satu daripada skimnya ialah seseorang itu mempunyai tanah – tanahnya kalau di Sarawak dikatakan tanah adat pun boleh - tidak ada geran, tanah komunal Melayu di Semenanjung pun boleh, di Sabah pun tanah adat juga saya ingat – yang boleh dipakai, tanah yang ada geran lebih elok lagi daripada tanah yang tidak ada geran sebagai tanah adat orang Melayu, dan tanah adat bumiputera di Sarawak dan di Sabah, boleh digunakan untuk mendirikan rumah di bawah skim yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Yang menjadi masalahnya sekarang, di mana letaknya kelemahan pelaksanaan pihak Syarikat Perumahan Negara ini, mengapa rumah ini tidak dibina. Adakah disebabkan pelan tanah di mana rumah ini hendak dibina dalam satu kawasan majlis-majlis tertentu yang berkehendakkan pelan-pelan tertentu atau pelan ini perlu kelulusan-kelulusan daripada pihak-pihak agensi kerajaan yang tertentu?

Kalau inilah persoalannya Yang Berhormat, sepatutnya pihak SPNB bincanglah dengan semua kerajaan negeri, pegawai-pegawai kerajaan negeri dan setiausaha-setiausaha kerajaan negeri untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah ini. Kalau perlu wujudkan pelan-pelan yang boleh diluluskan oleh pihak majlis daerah, majlis tempatan untuk diguna pakai dan dari pelan-pelan yang mungkin ada dua puluh *architectural drawing* yang kita wujudkan ini, mungkin kita boleh pilih yang mana satu kita pakai untuk seluruh negara.

Jadi, dengan itu mungkin tidak boleh mempercepatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk skim ini dilaksanakan dengan lebih elok, lebih cepat dan lebih sempurna lagi.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong, Beluran bangun. Bagi Kubang Kerian?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak apalah. Saya sudah minta maaf, Yang Berhormat. Saya sudah tunjukkan tangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian, sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong. Kita juga amat prihatin dengan masalah rumah yang dihadapi oleh rakyat. Dalam negara ini, kita tidak mahu contohnya bandar-bandar besar Kuala Lumpur menjadi Buenos Aires atau Rio de Janeiro di Amerika Latin yang rakyatnya menghadapi masalah rumah dan wujudnya setingan-setingan yang tidak berkesudahan.

Dalam membela nasib pegawai-pegawai kerajaan ini, saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat bagi Santubong, adakah bersetuju dengan saya kalau faedah pinjaman perumahan sekarang ini yang 4% itu kalau boleh dihapuskan. Cukuplah dengan kerajaan mengenakan bayaran perkhidmatan. Sebagai contoh, kalau pinjam RM50 ribu apa salahnya untuk bayaran perkhidmatan bil telefon dikenakan sebanyak RM2,500, itu cadangan saya, khususnya kepada pegawai-pegawai rendah kerajaan, anggota tentera dan anggota polis yang berpangkat rendah.

Saya rasa ini sangat membantu kehidupan mereka. Ini adalah satu jalan dan satu cara yang mana kerajaan boleh memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kakitangan kerajaan ini. Saya rasa dengan bantuan itu, pada pandangan saya, negara mampu sebab baru-baru ini Petronas dikatakan syarikat yang terbaik di dunia, yang memperolehi keuntungan yang besar dan *turn over*nya lebih kurang RM90 billion. Ini saya rasa satu faedah hasil negara yang mesti dikongsi dan dimiliki bersama oleh rakyat Malaysia, khususnya pegawai-pegawai kerajaan yang telah memberikan perkhidmatan mereka terutama yang berpangkat rendah. Adakah Yang Berhormat bagi Santubong bersetuju dengan saya?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kerajaan menguruskan sumber kewangan mesti melihat dari semua segi. Sumber kewangan yang diurus oleh pihak kerajaan datangnya daripada rakyat. Dan rakyat kalau kita tidak uruskan sumber kewangan ini dengan sebaik mungkin, akan mencaci dan menegur kita dengan begitu rupa, mungkin kita akan berkurangan dari segi sokongan dan sebagainya apabila pilihan raya sampai nanti. Jadi sebelum kita bersetuju, sebelum kita menerima apa sahaja cadangan, kita mesti menyelidik dan melihat dahulu kenapakah satu-satu skim sama ada dari segi faedah dan nilai faedah, sepatutnya kita nilailah dahulu kerana duit yang kita dapati ini juga daripada masyarakat, daripada rakyat yang membayar cukai dan sebagainya untuk digunakan

oleh pihak kerajaan dan dipinjamkan kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk membeli rumah-rumah mereka.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita mesti mengambil jalan tengah. Kita tidak bolehlah katakan bagilah pinjaman yang tidak ada mempunyai landasan, saya tidak hendak sebut faedah ini sebab saya hendak sentuh soalan faedah, saya tidak hendak faedah ini. Saya hendak sebutkan skim berbentuk Islam. Ini yang saya hendak sentuh sebab itu saya tidak sebut faedah. Jadi kita banyak skim ini. Jadi sepatutnya kita bolehlah turunkan kadar faedahnya.

Saya bersetuju dari segi nilai nisbah itu boleh diturunkan sebagai Kos Pentadbiran kepada kerajaan dan Pulangan Mengurus kepada pihak kerajaan dan pihak yang menyalurkan *income tax* mereka, *corporate tax* mereka kepada pihak kerajaan yang mana duit ini dipinjamkan kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk membeli perumahan juga merasa selesa kerana sumber yang disalurkan kepada pejabat kerajaan itu telah diurus dan ditadbir dengan baik oleh pihak jabatan kerajaan. Yang Berhormat, saya bersetuju perkara ini diturunkan dalam satu peringkat tetapi tidak boleh kita hapuskan begitu sahaja dengan mengatakan kenakan pada apa sahajalah – pada bil telefon dan sebagainya, ini kita macam tidak ada sistem.

Kita mewujudkan satu sistem dan kita tidak boleh mentadbirkan negara secara *ad-hoc* dan sistem yang kita wujudkan selama ini telah menunjukkan kemajuan dan saya, Yang Berhormat, apa sahaja buku yang dikeluarkan oleh pihak *Library* itu baru, saya dah baca semua dah. Jadi daripada itu saya baca semua soal pentadbiran kerajaan pun. Jadi bolehlah saya menyarankan kepada kerajaan supaya menurunkan sumber kewangan ini kerana kalau di bank itu boleh menurun, kenapa pula kerajaan tidak menurun. Apakah *magic* ataupun ilmu di sebalik 4% itu? Kalau boleh diturunkan kepada 3%, 2% itu, boleh kita turun dan fikirkan kalau kerajaan mempunyai kemampuan untuk menurunkannya. Ya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran, sila.

Tuan Ronald Kiandee: Ya, saya berbalik kepada soal SPNB. Kalau kita lihat sebelum ini, isu mengenai perumahan rakyat ini dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara dan apabila SPNB dibentuk tentulah pendekatan untuk menangani isu perumahan negara itu akan dapat ditangani dengan lebih baik oleh kerajaan. Saya rasa itu merupakan matlamat utama apabila SPNB dibuat. Dan kita lihat dari segi kewangannya sendiri, saya mempunyai pengalaman memohon satu perumahan mesra

rakyat di kawasan saya dan kemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara tetapi setelah proses akhir itu, diberitahu bahawa JPN kehabisan peruntukan untuk melaksanakan projek dan diarah, disuruh pula dimaklumkan kepada pihak saya agar perumahan tersebut dimohon melalui SPNB.

Tetapi kalau kita lihat yang berlaku sekarang ini seperti yang dikatakan oleh Ketereh dan Kinabatangan pada sesi Parlimen yang lalu, kita melihat SPNB tidak seaktif yang kita kehendaki dari segi pelaksanaan rumah-rumah rakyat miskin ini. Saya tidak tahu sama ada disebabkan oleh struktur SPNB itu sendiri yang lebih kepada *profit oriented* sebagai syarikat yang berhadnya, yang didaftarkan sebagai syarikat. Mungkin itu yang menghalang daripada SPNB untuk melaksanakan lebih banyak perumahan rakyat ini dalam konteks untuk memberi perumahan kepada rakyat masyarakat umum.

Saya ingin tahu pandangan Santubong mengenai perkara ini sama ada kerajaan, sama ada Kementerian Kewangan harus melihat bahawa perlu ada pendekatan baru di pihak SPNB itu sendiri untuk melaksanakan perumahan rakyat ini. Kalau kes tiga tahun, Ketereh empat tahun, kes Kinabatangan juga sedemikian, saya melihat ini sebagai satu isu yang harus ditangani oleh Kementerian Kewangan. Adakah saudara Santubong melihat perkara ini?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat semua aspirasi dan tujuan kerajaan itu mesti direalisasikan dengan sempurna. Kita mesti balik ke pangkalnya melihat apakah sebenarnya tujuan kerajaan mewujudkan SPNB ini. Adakah tujuan kerajaan mewujudkan SPNB ini untuk mendapatkan keuntungan. Kalau itulah tujuannya jadi jawapannya amat jelas kepada pihak Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau tujuan SPNB ini diwujudkan untuk membantu pihak yang tidak berkemampuan, untuk membantu pihak yang miskin, untuk membantu mereka yang berkehendakkan rumah, soal *profit* – keuntungan menjadi perkara lain. Perkara yang tidak diutamakan.

Kerajaan mesti melihat sumber kewangan dilabur, sumber kewangan yang digunakan oleh pihak SPNB itu bukanlah untuk mendatangkan satu keuntungan tetapi keuntungan yang tidak boleh dilihat iaitu dari segi *social contribution* ataupun pemberian sosial kerajaan kepada masyarakat yang telah membantu dan perlu bantuan daripada pihak kerajaan. Jadi soal *profit* Yang Berhormat, *is out of the question*, dengan izin, tidak boleh dikompromikan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Ketawa]* Ini dia tak angkat tangan kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya dapat melihat di dalam hujah-hujah yang telah diberikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebentar tadi ada beberapa faktor yang mungkin kita perlu berikan penekanan. Antaranya adalah karehna birokrasi di mana saya sendiri pernah mengalami bertugas di sebuah negeri di Semenanjung memohon untuk membeli sebuah rumah kos sederhana rendah dan jawapan yang saya terima ialah, *“Dukacita dimaklumkan kerana tuan memohon bukanlah datangnya dari negeri tersebut, dilahirkan di negeri lain”* Di Melakalah. Jadi masalah yang timbul ini telah pun meletakkan saya di satu kedudukan untuk mengatakan bahawa untuk membeli rumah pun perlu melihat tanah air mana kita dilahirkan. *[Ketawa]*

Yang kedua, kita juga dapat melihat bahawa seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Ketersih sebentar tadi, keperluan kepada perlindungan ini adalah merupakan keperluan paling asas di dalam *Maslo’s Hierarchy of Needs* – peluang kepada perlindungan ataupun rumah ini adalah merupakan keperluan yang paling *fundamental* – paling bawah. Kita juga dapat melihat sebagai contoh di negara yang pernah saya lawati di mana *homeless*. Masalah mereka yang tidak berumah. Ada di antara mereka yang menjadikan kotak-kotak, kalau di sini kotak tin susu dijadikan rumah untuk tinggal di tengah-tengah jalan raya, jalan kereta api dan di tepi-tepi sungai.

Yang Berhormat bagi Santubong, apa yang ingin saya pohon penjelasan ataupun pengalaman melalui pembacaan Yang Berhormat, apakah kemungkinan kerajaan kita untuk menyediakan suatu doket ataupun satu cara bagaimana kita dapat meletakkan satu keadaan setiap anggota kerja kerajaan ini apabila mereka mendaftar kerja, telah dimasukkan di dalam ruang gaji ataupun insentif mereka itu suatu rumah di mana setiap bulan secara automatis gajinya ditolak, insentifnya ditolak kerana telah memiliki rumah di mana-mana tempat pilihan mereka. Jadi mungkin dengan cara ini

ataupun dengan sistem ini, kita dapat melihat kitaran ekonomi itu akan berjalan dengan lancar dan masalah *demand* dan *supply* ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita tangani dan uruskan dengan cara yang lebih berkesan dan lebih cekap. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kawasan apa ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tangga Batu. Dia bukan tangga kayu, Yang Berhormat. Saja-saja saya tanya Tangga Batu ini, rumah batu. Yang Berhormat memang ada mengaji soal pentadbiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada juga Yang Berhormat. Ada juga tangga dia batu, rumah dia kayu. Di Melaka banyak.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya. Oleh sebab menggunakan falsafah dan terminologi pengurusan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ada sedikit-sedikitlah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itu *the theory of need*. Dalam *theory of need* ini, hierarki yang tertinggi itulah keperluan rumah, makan dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat sentuh juga soal birokrasi, Jet Wells kata, CEO General Electric, bila dia mengambil alih GE dan *turn GE into a fantastic giant* pada tahun 1981 mengatakan "*If you see bureaucracy kill it!*" inilah menunjukkan bahawa *bureaucracy is the killer of all efficiency end*.

Tuan Yang di-Pertua, jadi memang kalau kita boleh wujudkan satu skim yang selaras dengan apa Yang Berhormat fikirkan itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi, apabila sebagai seorang pegawai itu memasuki jabatan kerajaan, soalan yang pertama kita lihat dia diberikan gaji, dia berkehendakkan rumah, dia berkehendakkan apa-apa perkara yang dia kehendaki sebagai seorang yang mencari gaji. Dan apabila sudah mendapatkan itu, jangan lihat dia sebagai pegawai kerajaan telah diberi oleh pihak kerajaan satu tempat kediaman semasa berkhidmat. Kita mesti melihat apa akan berlaku 35 tahun yang akan datang. Jangan pandang sangat soalan, oh dia ini belum lagi disahkan daripada perkhidmatan, belum *confirm* lagi, belum disahkan dalam perkhidmatan maka tidak layaklah dia membeli rumah.

Yang kedua, apabila pegawai ini kadang-kadang leka, kita sendiri kadang-kadang leka, berkhidmat dengan kerajaan daripada pukul 5.00 pagi selepas sembahyang Subuh, selepas itu tidak ada benda lain yang kita ingat. Pegawai

kerajaan ini dia ingat sampai pukul 6.00, 7.00 petang itulah dia ingat berkhidmat dengan kerajaan ataupun masuk dalam *traffic jam*, dalam perjalanan balik dan pergi, itu sahaja. Bila sudah sampai ke rumah sudah begitu letih sudah lupa dah. Jadi, soalan perumahan, masa hadapan anak dan isteri dia telah lupa, satu, leka dengan rumah yang diberi oleh kerajaan semasa berkhidmat. Yang kedua, keletihan setelah membuat perkhidmatan dan tidak dapat memikirkan apa perkara yang akan berlaku pada masa 30 dan 30 lebih tahun yang akan datang.

Jadi, amat elok sekali kalau kita wujudkan satu skim secara sistematik oleh pihak kerajaan. Apabila pegawai kerajaan masuk, kita tanya dengan dia dah, bila dia masuk *issuekan circular*, buatlah satu data *tabulate* mengatakan di mana dia hendak berumah kalau dia *retire* nanti, sama ada di kampung isteri dia ataupun di kampung dia sendiri ataupun di bandar-bandar mana dia hendak menetap. Jadi, kita masukkan data-data ini dalam satu *master* data kita menunjukkan di tempat ini kita perlukan banyak ini skim perumahan. Kita berbincang dengan pihak kerajaan negeri, minta tanah, wujudkan satu kawasan yang tertentu, biar kerajaan mengeluarkan data dan kita beritahu dengan pegawai-pegawai kerajaan, beri kemudahan untuk mereka beli dan meminjam sumber kewangan dari kerajaan.

Elok sekali Yang Berhormat cadangan sedemikian kerana ia selaras dengan apa yang saya kata tadi, kita mesti mewujudkan satu skim untuk semua pegawai kerajaan kerana mereka inilah yang gaji dia kalau naik pun RM30.00 setahun, naik pun RM50.00 setahun, bahkan orang bekerja sebagai profesional ataupun berkhidmat dalam syarikat boleh diberi syer, boleh diberi ada macam-macam lagi insentif skim yang diberi oleh syarikat-syarikat. Tetapi pegawai kerajaan mana ada syer dalam jabatan kerajaan, mana ada syer dalam IRD, syer dalam kastam, syer dalam polis. Kalau dapat syer, sedap tangkap kastam ada syer pulangan 0001 pun boleh tahan itu pegawai kerajaan. Bagikan semua *tags* ini, bagi semua kepada pegawai kerajaan yang buat itu, mungkin banyak jenayah yang boleh kita selesaikan, sebab polis boleh dapat keuntungannya daripada hukuman dan sebagainya, pihak hakim pun dapat juga, hukumlah kalau jenayah yang jahat, semua dapat pulangan.

Tetapi tidak ada oleh kerana skim ini tidak ada, wujudlah satu skim iaitu sediakan tempat perumahan untuk pegawai-pegawai kerajaan. Jangan tunggu 35 tahun akan datang. Tiga puluh lima tahun akan datang, di tempat yang kita anggar sediakan sekarang sudah tengah bandar dah, hendak beli rumah pun tidak boleh lagi

dah. Rumah yang kita beli pada tahun ini dengan nilai RM100,000 mungkin 35 tahun akan datang RM1 juta. Pegawai kerajaan macam mana hendak beli, hendak belilah RM100,000 pulanglah kampung.

Inilah sebab kenapa kerajaan mempunyai kuasa, kerajaan yang mempunyai kemampuan untuk berbincang dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan untuk mewujudkan satu skim di setiap negeri, setiap bandar kita wujudkan. Di Kuala Lumpur di mana tempatnya, jangan anggap Kuala Lumpur tidak perlu bantuan, ada *urban poor* juga perlu bantuan. Di Kuala Pilah mana tempatnya, di Jerantut mana tempatnya, di Dungun apa kita hendak bagi, di Beluran apa kita hendak bagi, di Bentong pun ada tempat-tempat yang tertentu, *identified* kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat kerjasama, wujudkan satu skim tempat yang tertentu. Jangan ingat buat tanam ladang kelapa sawit sahaja, kita perlu kelapa sawit tetapi pegawai-pegawai ini perlu juga, kita ingatkan penanaman budi kepada pegawai yang berbudi ini diingatkan juga. Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong yang telah memberi satu cadangan yang cukup bernas. Memang kerajaan perlu menyediakan perumahan bagi kakitangan kerajaan dan saya rasa kerajaan telah pun mengamanahkan kerja ini kepada Syarikat Perumahan Negara, dan sebenarnya kita berbalik kepada Syarikat Perumahan Negara yang telah pun mengambil alih banyak tugas atau peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perumahan Negara. Saya amat bersetuju dengan pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi dan juga Yang Berhormat bagi Beluran bahawa SPN ini kita perlu pastikan *akauntibilitinya*. Apabila satu peranan penting yang kita amanahkan kepada SPN, Syarikat Perumahan Negara perlu menjalankannya dengan komitmen yang begitu tinggi untuk melihatkan hasilnya, malangnya, keadaan berlaku sebaliknya.

Kita rasa sedih apabila kita lihat banyak skim yang dilancarkan di bawah Skim Suruhanjaya Syarikat Perumahan Negara ini tidak dapat berjalan dengan lancar. Ini mengeruhkan lagi keadaan apabila kerajaan juga mempunyai banyak lagi kementerian yang memberi pinjaman perumahan ataupun pertolongan, bantuan dari segi perumahan, seperti di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada juga tabung untuk perumahan. Di bawah Kementerian Kewangan memang ada tabung, dan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kita beri bantuan sekali gus (*one-off*) untuk membina rumah rakyat termiskin. Tetapi saya rasa bantuan-

bantuan ini tidak mencukupi. Contohnya, di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita beri bantuan untuk membina rumah RM5,000, buat pondok rumah sahaja. Kawasan sayalah, saya pergi tengok, dia bina rumah itu kecil, rendah sahaja, atap *zinc* bawahnya simen. Bila masuk sahaja bukan main panas lagi, memang tidak boleh tidur, rumah penduduk termiskin ini, memanglah kita telah merayu dan juga membuat aduan agar perkara ini dapat dikaji semula.

Saya rasa kita cadangkan kepada kerajaan agar dari segi perumahan ini kita kena ada satu pendekatan yang bersepadu. Kementerian-kementerian yang berkaitan perlu berbincang bagaimana kalau kita rasakan Syarikat Perumahan Negara ini perlu ambil alih semua tanggungjawab dari segi perumahan, maka pastikanlah bahawa pinjaman atau bantuan yang diberikan itu pun dapat memberi rumah yang bolehlah didiami oleh orang. Saya rasa Syarikat Perumahan Negara tidak ada alasan untuk berdolak-dalik lagi dari segi kelambatan, dari segi rumah mesra rakyat ini, dah terlalu lama. Kita sudah hantar ini lebih daripada satu tahun. Contohnya, saya dapat 20 borang juga, saya hantar dekat setahun tidak ada temu duga lagi sampai hari ini. Saya rasa tak ada alasan untuk berdolak-dalik dari segi ini. Saya minta Yang Berhormat bagi Santubong. Lepas itu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa punya *floor*? *You* punya *floor*?

Tuan Liow Tiong Lai: Dia punya *floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading tak apa. Duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Floor* dia.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya balik kepada perumahan negara ini Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa aspirasi kerajaan atau matlamat kerajaan amat elok sekali apabila dasar dibuat oleh pihak kerajaan khususnya dibuat oleh pihak-pihak orang yang menyandang politik, kementerian, Perdana Menteri dan kabinetnya membuatkan satu rangka dasar dan rangka dasar ini diserahkan kepada pihak-pihak yang tertentu ataupun agensi-agensi yang tertentu.

Kadang-kadang apabila sampai ke peringkat ini, dia telah menemui jalan buntu – *'bottleneck'* apabila sampai dekat sini. Inilah disebutkan tadi masalah yang besar untuk melaksanakan mana-mana projek kerajaan oleh kerana *'bottleneck'* yang dijumpai ataupun kebuntuan yang dijumpai di peringkat jabatan tertentu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mungkin tidak mempunyai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong.

Syarikat Perumahan Negara (SPN) ini tidak tahu di mana dia punya silapnya. Sama ada dasar silap ataupun pelaksanaan silap. Tetapi yang terang memang silap. Kita diberikan taklimat bahawa kerajaan ada satu skim hendak membantu orang yang tidak mempunyai rumah, golongan yang tidak berpendapatan tinggi, yang agak payah dan susah hendak membeli rumah di kawasan-kawasan tertentu kerana harganya mahal. Maka itu kata Syarikat Perumahan Negara dalam taklimatnya kepada Ahli Parlimen, “bahawa engkau carilah sesiapa di kawasan yang kalau ada tanah secara menumpang pun akan dibolehkan”.

Maka berkempenlah si Ahli Parlimen ini untuk menolong rakyat di kawasannya, ‘Wahai saudara-saudaraku, saudari-saudariku nampaknya kerajaan memang hendak membantu dan menolong kamu’. Jadi, soalnya sekarang ada tak kamu mempunyai kawasan tanah untuk ditumpang mendirikan rumah, segala-galanya akan diberi oleh kerajaan secara bantuan penuh.

Maka hamba Allah yang percaya kepada Ahli Parlimen mohonlah melalui borang-borang yang telah diberikan. Akhirnya dipendekkan cerita Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi indah khabar dari rupa. Apabila dikemukakan tanah bapa mertua dia, macam-macam soalan, hendak kena jaminan, hendak kena syarat, hendak kena itu, hendak kena ini. Maka turun naiklah hamba Allah ini ke pejabat tanah dan sebagainya.

Bermodallah si hamba Allah ini kerana ‘*sangking*’ hendak mempunyai rumah yang murah. ‘*Sangking*’ ini Tuan Yang di-Pertua faham? Ini bahasa jawa dari Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan kala jengking Yang Berhormat? Bukan kala jengking?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ‘*Sangking*’ cakap jawa Tuan Yang di-Pertua macam walau macam mana pun hendak. Modal beratus-ratus ringgit ini. Selepas itu, apabila datang kontraktor yang hendak membina dia kata, “Engkau kena keluar RM4,000 lebih. Pasal *pilling* hendak kena tuan rumah. Segala-galanya ada kena bayaran-bayaran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang kampung yang tidak mempunyai pendapatan yang tinggi, RM4,000 ini Tuan Yang di-Pertua macam RM40 bilion tahu? RM4,000 ini Tuan Yang di-Pertua macam RM4 milion tahu? Macam agaknya Santubong RM4,000 ini boleh jadi 40 sen. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Saya hendak mempersoalkan kepada Syarikat Perumahan Negara apakah engkau telah berbohong kepada Ahli Parlimen? Oh..... kalau dengan Ahli Parlimen engkau bohong, dasar seperti ini akan merosakkan kerajaan dan kalau ini merosakkan kerajaan, bahawa pengkhianatan telah pun dilakukan dan ini tidak boleh dimaafkan..... Oh.... *[Dewan riuh] [Beberapa ahli sampuk menyampuk]*

Tukar segala-gala satu paket - tukar. Ini menggagalkan dasar kerajaan yang memang hendak menolong rakyat, tetapi dasar yang baik oleh sebab oleh sebab apa ini? Pelaksanaan gagal, maka hancur leburlah harapan rakyat yang begitu tinggi kepada kerajaan. Siapa bersalah Tuan Yang di-Pertua?

Nasib baik 20 atau 30 orang sahaja yang terlibat. Kalau beribu yang terlibat Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional akan kalah dalam pilihan raya yang lepas. Kalau Barisan Nasional kalah, bahawa inilah yang mensabotajkan Barisan Nasional kalah. Saya hendak jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak jawapan. Siapa menteri yang boleh jawab? Siapa menteri yang boleh jawab di atas pembohongan dasar yang baik ini. *[Mengetuk-ngetuk meja] [Dewan semakin riuh – Beberapa Ahli mengalihkan pandangan kepada Yang Berhormat Sri Gading]*

Saya mewakili rakyat yang taat di kampung-kampung yang ingin benar rumah, tetapi mereka telah gagalkan dari segi pelaksanaan. Siapa? MD dia ke. MB dia ke. MC dia ke. Buang!.... Buang serta-merta. Pengkhianat. Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah tipu rakyat tetapi kalau pelaksana main seperti ini, nama baik Kerajaan Barisan Nasional akan tercemar.

Kami barisan pemimpin BN, pemimpin-pemimpin Ahli Parlimen begitu tinggi harapan rakyat kepada kami, kami perjuangkan di Dewan yang mulia ini. Mari, siapa hendak mencabar, kami rasa bertanggungjawab untuk menentukan rakyat dapat rumah. Mana duit peruntukan? Berapa ratus juta peruntukan? Ke mana peruntukan ini hendak dibawa? Kita angkat tangan bercakap menyokong peruntukan kerajaan dalam bajet tahun yang lepas ke mana kami punya sokongan?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harap tengok sebagai Menteri Kewangan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai orang yang berkuasa, kedua-dua pemimpin ini harus bertanggungjawab kepada mereka yang mengkhianati dasar baik kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Cukup bersemangat. Cukup berisi. Cukup benar. Perkara ini Tuan Yang di-Pertua bukan perkara yang enteng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu yang hebatnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan perkara yang enteng. Perkara benar. Perkara benar, perkara serius, perkara janji yang dianggap oleh kerajaan telah dan boleh dilaksanakan. Persoalannya kenapakah pelaksanaan tidak sampai kepada mereka yang telah kita beri janji itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini Tuan Yang di-Pertua, balik kepada apa yang disebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai pula bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, dahulu dia bahagian Batang Lepar. La ni tukak jadi Santubong. Sri Gading hari ini makan anak tebuan. Semangat berkobar-kobar. Saya ambil jalan tengah.

Beberapa Ahli: Ceh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak mencadangkan kepada kementerian, kita bubuhlah seorang dua lagi walaupun Pengerusi dia mungkin Ahli Parlimen, tetapi mungkin Lembaga Pengarah dia kita bubuh seorang dua lagi untuk memastikan dasar yang kita luluskan di sini sampai ke sasarannya.

Saya berpandangan supaya Yang Berhormat bagi Sri Gading diletakkan sebagai seorang daripada Lembaga Pengarah. *[Tepuk] [Dewan riuh]* Mungkin Tuan Pengerusi itu, saya boleh *[Ketawa] [Dewan semakin gamat]* supaya dasar-dasar yang

bukan sahaja di SPN, tetapi di semua agensi kerana kita Tuan Yang di-Pertua dan Santubong, kita membuat dasar.

Alhamdulillah pegawai-pegawai kerajaan mengimplementasikan dasar dan akhirnya kita juga ke bawah untuk melihat dasar itu berjalan dengan baik. Kalau dasar itu tidak berjalan dengan baik, kita bawa balik ke Parlimen untuk kita memperbetulkan dasar-dasar itu supaya rakyat memahami dan rakyat berterima kasih di atas yang kita lakukan di Dewan ini.

Di sini kita memerlukan letak kita ini, kerana saya lihat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang di syarikat-syarikat kerajaan, seseorang pengerusi itu memegang sampai lima atau enam pengerusi syarikat. Dahlah induk syarikat itu dia sebagai pengerusi, anak syarikat dia sebagai pengerusi lagi. Nasib baik tidak ada cucu syarikat. Kalau cucu syarikat pun dia pengerusi lagi.

Waktu bila dia hendak baca minit mesyuarat. Waktu bila dia hendak memikirkan tentang perjalanan organisasi itu? Ini kira saya lembut, Tuan Yang di-Pertua, lembut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, sila Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak macam Sri Gading kerana saya tidak makan anak tebuang, saya makan *honey*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat berapa pengerusi ada?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada berapa pengerusi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tak ada apa lagi. *[Dewan amat riuh dengan ketawa]* Ini yang duduk bersyarah ini Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* *[Dewan semakin gamat]* Tuan Yang di-Pertua kena fahamlah.

Gurau sahaja. Tetapi ini dasarnya. Kita lihat bahawa kita di sini dan rakan-rakan kita pegawai-pegawai kerajaan bahawa kita mengimplementasikan dasar yang kita buat. Kita kadang-kadang pun tidak boleh menyalahkan mereka kerana dasar-dasar sudah diluluskan di sini dan ikut sebagai satu *guideline* kepada mereka, Santubong. Tetapi kalau dasar itu tidak dapat diterima oleh rakyat, mungkin di bawah itu berbeza dengan pandangan kita, maka pegawai kerajaan juga harus memperingati

pihak menteri dan yang bertanggungjawab supaya dasar itu diubah suai supaya rakyat mendapat nikmat daripada apa yang kita putuskan di Dewan yang mulia ini setelah rakyat memberi kepercayaan kepada kita.

Itulah saya berharap supaya tidak ada masalah. Kadang-kadang kita Ahli Parlimen tidak bagi elaun pun kita hadir sebagai Lembaga Pengarah. Duduk untuk kita beri pandangan rakyat. Untuk kita memperakui dan juga kita memperingati dasar-dasar yang telah kita persetujui di Dewan yang mulia ini. Tak apa, kita ini memang 'lilin' macam kata Sri Gading, *'Membakar diri untuk menyerahkan rakyat'.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 'Menerangi' bukan menyerahkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Menyerah' bahasa Kedah – dia cerahlah ini. Kita ini, kita ini lilin Santubong. Jangan susah hati Sri Gading. Sabar Sri Gading. Saya takut Sri Gading ada ada jantung kalau macam itu bercakap dua kali lagi *collapse*. [Ketawa] [Dewan riuh] Jadi, kita sabar. Sebagai pemimpin, kita sabar. Yang mana tidak kena, kita tegur. Tadi Santubong, perangai macam itu, jadi ada pegawai-pegawai jangan marahlah. Dia memang macam itu dah Sri Gading tetapi hati dia cukup baik. Cukup baik. Sebab itu dia sanggup beri Pengerusi Tetap, saya sebagai Timbalan. [Ketawa] [Dewan riuh lagi].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat salah forum. [Dewan masih riuh]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah. Saya pun ada orang kempen. Masalahnya, saya tidak boleh mengundi. Yang Berhormat Sri Gading hendak dicalonkan menjadi Pengerusi Tetap, saya menyokonglah itu. Tetapi malangnya saya tidak ada undi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum boleh dapat. Belum boleh Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Jerai pun minta jadi Timbalan Pengerusi Tetap. Jadi dengarlah kawan-kawan ya? Tidak sokong ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang dasar yang kerajaan wujudkan mempunyai satu matlamat yang tertentu. Mempunyai satu matlamat yang begitu elok dan begitu murni sekali tujuan kerajaan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan. Tidak ada cara dia untuk membenakan rumah untuk kediaman, untuk memenuhi keperluan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi.

Keperluan yang perlu dan yang wajib diadakan. Kalau tidak, kita tidak boleh dan belum lagi menjadi insan yang sempurna kerana duduk di kaki lima, tidur di tempat-tempat yang tidak tentu sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Keterserah tadi. Keperluan ini mesti diisi dan kerajaan melihat, kerajaan mengetahui dan kerajaan wujudkan satu dasar. Dasar yang begitu elok, begitu sempurna yang telah berlandaskan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas.

Kenapa pula kita wujudkan satu mekanisme, satu birokrasi, satu cara yang membantutkan pelaksanaan matlamat kerajaan ini. Ini Tuan Yang di-Pertua yang dikatakan mimpinya elok, tetapi bila terbangun melihat mimpi-mimpi ngeri.

Kita tidak sepatutnya mewujudkan satu *delivery system*. Ini *delivery system*, *Delivery System* kita janganlah *dirigged* dengan penuh birokrasi, perancang atasan janganlah melihat bagi tiap-tiap satu diwujudkan satu mekanisme-mekanisme yang boleh membantutkan angan-angan dan tujuan kerajaan. Inilah yang dikatakan tadi agensi pelaksana. Janganlah kata, macam dalam isu tanah tadi, hendakkan jaminan, hendakkan cagaran, hendakkan bermacam-macam lagi. Sudah memadailah kita wujudkan satu mekanisme yang *minimal* kepada pihak yang diberi atau dibantu tadi supaya melicinkan lagi pelaksanaannya kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih kerajaan kadang-kadang mewujudkan banyak, bermacam-macam skim, bukan sahaja rumah, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun dulu bisung-bisung di sini, sekarang kerana sudah duduk di depan sana tidak boleh bisung lagi. *Speaker they cannot speak*.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mana dia? *[Menoleh ke belakang]* Ha, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dulu, selepas itu Yang Berhormat. *[Menujukan ke arah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands]* Jangan bimbang, saya akan bagi.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Santubong, ini berkaitan dengan SPNB. Saya merasakan bahawa kesedihan dan dilema saya terubat sedikit pada hari ini apabila teman-teman daripada Sri Gading dan

yang lain-lain menyuarakan isu yang sama kerana kita telah sebenarnya didatangi oleh pihak-pihak yang telah kita beri janji itu dari semasa ke semasa.

Saya hendak mengambil atas sedikit daripada jalan tengah yang diambil oleh Yang Berhormat bagi Jerai itu. Sekurang-kurangnya kita ini ada kewajaran untuk dipanggil ataupun dijemput oleh pihak yang berkenaan untuk diberikan penjelasan apakah masalah yang sebenarnya. Kalaulah ada satu kesilapan umpamanya, jelaskan kepada kita. Kalau perlu kita minta maaf, kita akan meminta maaf.

Perkara yang keduanya, kalau boleh saya hendak cadangkan, oleh sebab selepas ini kita akan balik ke kampung masing-masing, saya ingat dengan kerana ramai daripada bahagian akan menghadapi persidangan perwakilan bahagian di peringkat masing-masing dan kita juga akan dipersoalkan dan ditanya mengenai perkara ini, bolehkah ataupun tidak pihak kementerian yang berkenaan menghantar surat kepada kita semua untuk dapat kita gunakan dalam persidangan itu tentang apa yang sebenarnya telah berlaku dan kalau perlu kita minta maaf bagi pihak kerajaan kita akan minta maaf pada kali ini. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang betul Yang Berhormat. Kadang-kadang kita mewujudkan satu dasar, mewujudkan satu badan, mewujudkan satu organisasi tetapi komunikasi kita berkurangan, tidak mencukupi, penjelasan yang tidak sampai kepada *target group* dan tidak sampai kepada matlamat.

Jadi inilah menjadi satu masalah kepada penyampaian kerajaan – nombor satu, komunikasi; nombor dua, birokrasi; yang ketiga, pelbagai *barriers* lain yang kita wujudkan. Jadi dengan sendirinya perkara-perkara yang diaspirasi oleh pihak kerajaan tidak sampai kepada *target* yang dikehendaki. Bukan soal perumahan sahaja yang tadi saya hendak sebutkan tetapi juga persoalan umpamanya sumber kewangan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada pihak bank untuk mentadbir, membantu industri-industri kecil dan sederhana, sumber kewangan yang diberi oleh pihak kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil, sumber kewangan yang diberi oleh pihak kerajaan untuk membantu semula pembinaan rumah-rumah yang terbengkalai pembangunannya, tetapi ini tidak sampai kepada mereka yang memerlukan bantuan ini, yang perlukan sokongan ini, perlukan sumbangan daripada pihak kerajaan ini.

Bayangkanlah, RM1 bilion sumber kewangan yang kerajaan beri kepada SMI dan SME untuk disalurkan dengan seberapa cepat yang mungkin tetapi bila sampai kepada pihak bank, bank berkehendakkan ini, tengok *working paper*, tengok

proformanya, tengok *projectionnya*, macam-macam kertas yang dibuat. Akhirnya siapa yang bercakap betul tidak akan dapat, siapa yang bercakap bohong, *embellish* dia punya report itulah yang akan dapat.

Jadi kadang-kadang perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita ketatkan birokrasi kita, ketatkan syarat-syarat kita, ketatkan ini. Orang yang hendakkan benda itu dia akan bercakap bohonglah, apa cara lain lagi? Ini yang kita hendak elakkan. Kita sudah buat, wujudkan satu etika untuk negara ini, satu dasar etika negara tetapi dalam masa yang sama kita wujudkan juga birokrasi yang tertentu, kita wujudkan *barriers* yang tertentu untuk menghalang sumber kerajaan, angan-angan kerajaan dan impian kerajaan untuk membantu masyarakat, sama ada masyarakat peniaga, masyarakat yang berniaga secara kecil-kecilan ataupun masyarakat pembeli rumah, kita wujudkan *barrier*, kita wujudkan birokrasi, kita wujudkan satu mekanisme yang tidak boleh diatasi ataupun jika boleh diatasi adalah dengan cara yang panjang. Jadi dengan keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kita kena melihat dan *study* semula perkara-perkara ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Yang mana satu, Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Cameron Highlandsakah atau Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya pun ringkas sahaja fasal saya minat dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Santubong tentang pewujudan birokrasi-birokrasi *barrier* yang telah menyebabkan bertambah ketatnya proses, peraturan. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Santubong apabila Yang Berhormat bagi Santubong menyebut tentang banyak *stop points*, *check points* di dalam prosedur kerja ini yang memerlukan kita menggunakan kaedah BPR untuk mengatasinya. BPR yang saya maksudkan di sini adalah *Business, Process* dan *Reengineering* – melihat semula dengan cara yang terperinci bagaimana kita boleh memotong birokrasi ini supaya ruang penipuan tadi dapat diperkecilkan, bukan sahaja penipuan tetapi ruang

untuk melakukan rasuah. Bila banyak *stop points* ini, banyak *check points* ini, di situlah ruang-ruang untuk amalan rasuah berlaku. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Santubong. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab, saya jemputlah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands supaya jangan terlupa nanti.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi kita cerita mengenai anak-anak ayam yang tidak dijaga ibu tetapi sekarang saya hendak membawa sedikit isu mengenai anak-anak ayam yang kehilangan ibu, iaitu pekerja-pekerja ladang, contohnya yang menghadapi masalah rumah ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ibu ayam pi mana, Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan. Yang Berhormat Cameron Highlands, teruskan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, saya teruskan. Di kawasan Cameron Highlands ada sebuah ladang, *Blue Valley* namanya di mana pekerja-pekerja di situ sudah menduduki sejak 60 tahun tetapi tiba-tiba diminta supaya keluar dari rumah mereka. Mereka memang tidak ada tempat untuk pergi kerana masalah tanah di Cameron Highlands cukup serius, susah mahu mencari tapak tanah untuk membina rumah. Maka apa isunya sekarang saya pun tidak boleh selesaikan. Bila kita bawa kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mungkin kementerian tidak boleh selesaikan masalah ini dan kerana tanah itu adalah tanah persendirian.

Ini menjadi isu di seluruh negara, macam juga masalah yang dibincangkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong itu di mana *delivery system* tidak betul – rumah sudah ada cuma orang-orang yang sepatutnya terima tidak menerima *justice*, dengan izin. Tetapi di sini saya ceritakan mengenai orang yang sudah bekerja di ladang selama 50, 60 tahun tetapi mereka tidak diberi hak milik langsung, tidak boleh membina rumah dan tidak boleh pergi ke bandar dan berulang-alik pergi ke ladang. Susah juga ini. Inilah, apa isunya sebab anak-anak yang kehilangan ibu inilah, Yang Berhormat bagi Jerai, itu yang diceritakan.

Maka saya berbalik ke sini, tiada dasar atau perundangan untuk memperjuangkan nasib golongan ini yang perlu dijaga sebab mereka juga pengundi.

Di Cameron Highlands begitu banyak pengundi datang daripada Boh Estate, Samipiong dan juga daripada *Blue Valley*, ramai dan ini isu yang diketengahkan. Kalau selepas 47 tahun kita Merdeka, seorang rakyat tidak ada sekatan-sekatan akta dan perundangan kerana tiada dasar, kerana ada birokrasi yang tidak boleh membenarkan mereka memiliki rumah maka ini adalah satu kepincangan yang perlu kita lihat.

Tuan Lim Hock Seng: Kerajaan Barisan Nasional membela nasib rakyat. *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya. Yang Berhormat dari pembangkang, jangan ganggu, saya belum habis lagi. *[Disampuk]* Jangan ganggu saya, konsentrasi saya hilang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan. Ha, dia sudah diam, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya teruskan. Maka saya minta ... ini bukan kerana Barisan Nasional tidak prihatin, birokrasi itu perlu diperbetulkan. Dasar kita jelas, Perdana Menteri sudah memberitahu bahawa rakyat kita mesti diberi rumah bagi setiap keluarga sebuah rumah, itu dasarnya. Cuma kita lihat balik apakah kekangan-kekangan yang telah menyekat perjuangan itu direalisasikan.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong, bagaimanakah masalah ini dapat diatasi? Kalau kita bincang mengenai syarikat perumahan yang tidak boleh mendeliver rumah itu kepada orang yang benar-benar berkelayakan kerana masalah tadi, yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa bagaimanakah isu ini dapat diselesaikan? Isu ini serius. Ramai keluar daripada ladang dan diganti pula oleh pekerja asing dan mereka membawa pelbagai masalah sosial. Mereka mahu tinggal di sana, cuma mereka tidak ada segala prasarana yang diperlukan. Saya minta penjelasan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat saya hendak jawab Tangga Batu dulu, tadi Tangga Batu berbincang persoalan

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Datuk tunggu dahulu, saya ada 5 minit Datuk hendak jawab, kalau tidak lupa besok.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya ada sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Beri peluanglah, sekali jawab. Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai Syarikat Perumahan Negara, yang sebenarnya bila saya mendengar hujah-hujah, banyak masalah yang kita hadapi di Semenanjung, Sabah, Sarawak lagi banyak masalah mengenai perumahan kerana di Sabah sudahlah kita ketinggalan dari serba serbi, kita dapati bahawa kebanyakan rakyat yang masih lagi tinggal di tempat-tempat setinggian di atas-atas air, bukan di atas pokok seperti mana yang kita nampak di Jerai, tetapi kita ada banyak masalah setinggian, majlis-majlis merobohkan rumah, kita roboh rumah, kita janji mahu bagi rumah, tetapi sehingga hari ini belum dapat kita tunaikan kerana Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kita tidak dapat kelulusan untuk membina rumah dengan serta-merta.

Perkara ini saya ingat, saya anggap penting jadi kalau kita bincang dalam satu jam tidak cukup, jadi kita minta ada usul khas mengenai perumahan ini dibincang dalam Dewan yang mulia ini, kerana kita dapati pada tahun yang lalu bila Menteri Kewangan membentangkan belanjawan, saya nampak berbilion ringgit diberi kepada Syarikat Perumahan Negara, pencapaiannya sampai mana sekarang? Tidak guna kita gembar gembur dengan peruntukkan berjuta, rakyat mendengar siaran langsung daripada bajet yang dikemukakan, tetapi kenyataannya tidak ada. Jadi kita mintalah kalau boleh kerajaan prihatin sedikit mengenai perumahan untuk rakyat ini. Jadi mintalah Santubong supaya ulas apa yang saya sampaikan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Santubong, saya minta laluan sedikit Santubong, pertama, [*Ketawa*] saya hendak perbetulkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terpulang kepada Santubong Yang Berhormat, Santubong bagi. Sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak betulkan Kalabakan, di Jerai tidak ada orang duduk atas pokok, nanti marah pengundi saya, yang ada duduk atas Gunung Jerai itu ada, Kalabakan. Terima kasih Santubong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rumah ada tetapi orang tidak duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, orang Jerai tidak duduk atas pokok Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah itu. Bagi balik kepada Tangga Batu bahawa dia kata dicadangkan supaya kita mengadakan BPR iaitu *business, process, reengineering*. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bangkitkan soal *reengineering* ini saya boleh cakap satu hari.

Mula-mula *reengineering*, perkataan "*reengineering*" itu mula dikeluarkan oleh GM, pihak General Motor untuk mewujudkan satu skim macam mana mengatasi birokrasi dalam organisasi GM yang begitu besar, selepas itu dipendekkan cerita apabila Presiden Clinton menjadi Presiden Amerika dia bagi arahan dengan Al Gore pergi ke seluruh negara Amerika untuk melihat macam mana birokrasi di negara Amerika yang membantut soalan ekonomi pembangunan negara dan apa sahaja implementasi dan *delivery system* kerajaan yang dibuat oleh Al Gore, dan satu buku yang tebal satu inci dikatakan *reengineering* Amerika, jadi ini memang menarik Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju kita mempunyai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong, boleh sambung besok, sekarang sudah jam 5.30. Kita ada Usul Penangguhan Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PEMBUANGAN BAHAN SISA TOKSIK DI MALAYSIA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.
5.31 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pembuangan bahan sisa toksik di Malaysia pada awal bulan Jun yang lalu orang ramai

telah dikejutkan dengan laporan media di Taiwan yang melaporkan bahawa sebanyak 12,000 ribu tan metrik bahan sisa toksik telah diimport masuk ke Malaysia dari Taiwan.

Semasa mesyuarat Parlimen yang lalu pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengakui mengetahui pengimportan bahan sisa tersebut pada akhir tahun lalu dan nyatakan bahawa bahan sisa tersebut dibawa masuk dengan dokumen palsu, dan Dewan ini diberitahu bahawa hanya 1,500 tan metrik sahaja yang dijumpai di kilang yang terlibat serta tindakan keselamatan di dalam penyimpanannya telah diambil.

Pada hari keesokannya saya dan Ahli Parlimen bagi Kawasan Bandar Kuching telah melawat kilang yang berkenaan dan mendapati bahawa bahan-bahan sisa tersebut masih terbiar di bawah jemuran matahari dan terdedah di udara, hanya beberapa hari kemudian tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak Jabatan Alam Sekitar apabila orang ramai mengadu, baru kacau ganggu.

Malangnya kurang daripada dua minggu kemudian orang ramai dikejutkan dengan khabar bahawa sebanyak 386 kontena lagi dikesan mengandungi bahan yang sama di mana sebanyak 223 kontena dikesan di Lembaga Pelabuhan Johor, di Pasir gudang yang sedang diproses untuk pelepasan kastam, 82 kontena lagi di Kompleks Kastam Pasir Gudang yang belum dilepaskan serta 81 kontena telah diluluskan dan berada dengan agen penghantaran. Adalah dilaporkan bahawa kesemuanya berjumlah lebih kurang 12,000 tan metrik.

Utusan Malaysia 16 Jun, melaporkan bahawa sebanyak 200 kontena adalah satu cubaan terbaharu untuk membawa masuk ke Malaysia oleh syarikat yang sama, saya ingin tahu bilakah 346 kontena ini diimport masuk ke Malaysia, berapakah jumlah urusan pengimportan yang pernah diluluskan kepada Syarikat SynEnviron Sdn. Bhd. sebelum ini. Apakah pemalsuan dokumen ini melibatkan kerjasama dengan kakitangan kerajaan, apakah hasil laporan terperinci kandungan bahan sisa toksik tersebut dan mengapa ia tidak diumumkan kepada orang ramai.

Mengapakah kementerian lewat bertindak di dalam isu ini, apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil di dalam isu ini, apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil bagi memastikan negara ini tidak dijadikan negara pembuangan bahan sisa toksik selain daripada pembelian tiga buah mesin pengimbas kesan toksik yang berjumlah 9.6 juta, dan apakah kedudukan sebenar urusan penghantaran balik toksik ini ke Taiwan, sebab sebelum ini kita telah dimaklumkan

bahawa Taiwan sudi menerima balik bahan sisa ini jika didapati benar ia berasal dari Taiwan, tetapi baru-baru ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu terkeluar daripada Usul Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tetapi baru-baru ini nampaknya Taiwan enggan menerima. Saya ingin tahu apakah kedudukan sekarang dan apakan kedudukan sebenar hasil siasatan dan tindakan terhadap perjumpaan stor penyimpanan *Red Earth* yang mempunyai kandungan bahan sisa toksik yang tinggi radioaktif di sebuah kilang di Kampung Acheh Industrial Park, Lumut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sila jawab.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, kes pembuangan bahan sisa toksik dari Taiwan telah menjadi berita utama akhbar-akhbar baru-baru ini. Dalam hal ini saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memandang berat kejadian sedemikian. Sehubungan dengan ini sebaik sahaja Jabatan Alam Sekitar menerima maklumat mengenai kemasukan bahan buangan dari Taiwan ke Malaysia pada akhir tahun 2003, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya seperti berikut:-

- (i) menjalankan penyiasatan ke atas terlibat iaitu SynEnviron Sdn. Bhd. yang didakwa mengimport bahan buangan dari Taiwan ke Malaysia bagi memastikan kebenaran dakwaan.
- (ii) membuat laporan polis pada 28 November, 2003 sebaik sahaja mendapati bahawa surat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar yang digunakan bagi mengimport buangan tersebut adalah palsu.
- (iii) menghantar contoh bahan buangan yang dijumpai di Simpang Renggam ke Jabatan Kimia untuk dianalisis pada 20 November 2003 dan keputusannya telah diperolehi pada 7 Januari 2004;
- (iv) membuat laporan polis pada 5 Disember 2003 mengenai penstoran bahan buangan di tapak Highway Brick Works Johor Sdn. Bhd. yang dibuat tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar;

- (v) meminta Jabatan Kastam Diraja Malaysia menahan sebarang kemasukan bahan buangan yang diimport oleh Syarikat SynEnviron Sdn. Bhd. dan;
- (vi) memaklumkan kepada agensi alam sekitar Taiwan iaitu *Environmental Protection Administration* pada 5 Januari 2004 bahawa Syarikat SynEnviron Sdn. Bhd. tidak pernah diberi kebenaran oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk mengimport bahan buangan dari Taiwan dan dokumen yang digunakan adalah palsu.

Selanjutnya, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga telah mendapati bahawa selain dari bahan buangan yang diletakkan di Highway Brick Works Sdn Bhd di Simpang Renggam, pihak SynEnviron Sdn. Bhd. juga telah mengimport sebanyak 580 kontena bahan buangan dianggarkan 12,000 tan metrik. Rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia menunjukkan bahawa kontena-kontena ini telah dibawa masuk antara tahun 2003 dan awal tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, analisis kimia menunjukkan bahawa bahan buangan di Simpang Renggam mempunyai kandungan kuprum yang tinggi dan juga terdapat logam berat seperti plumbum, kadmium, kromium, manganese dan nikel. Namun begitu, ingin saya tegaskan di sini bahawa bahan buangan kuprum tersebut adalah sejenis bahan yang tidak mempunyai ciri-ciri yang sangat berbahaya seperti meletup, mudah terbakar atau sebagainya. Bahan ini adalah dalam bentuk pepejal dan stabil. Ia hanya boleh menjejaskan kualiti alam sekitar dan manusia apabila ia dibuang merata-rata dan masuk ke dalam sistem pengairan lalu mencemarkan kualiti air.

Oleh yang demikian, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil langkah mengumpul dan menempatkan buangan berkenaan di dalam satu kawasan berbumbung dan tidak terdedah supaya bahan-bahan buangan ini tidak mendatangkan mudarat kepada manusia dan alam sekitar.

Oleh kerana kes ini masih dalam penyiasatan, maklumat terperinci penyiasatan tidak dapat diumumkan kerana akan menjejaskan penyiasatan selanjutnya. Dalam pada itu memandangkan bahan buangan di Simpang Renggam adalah barang bukti, Jabatan Alam Sekitar telah dinasihatkan oleh Jabatan Peguam Negara supaya tidak mengalihnya ke tempat lain. Bahan buangan ini hanya dapat dihantar kembali ke Taiwan apabila kes siasatan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak boleh, saya tidak benarkan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak, mengikut 17 (4), saya tidak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak bagi, saya tidak bagi, teruskan Yang Berhormat.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beri jalan atau tidak dibenarkan? *Point of Order*, ini tidak dibenarkan atau tidak diberi laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak bagi, saya tidak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak benarkan? [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak benarkan, saya tidak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua tunjukkan mana Peraturan Mesyuarat yang mengatakan tidak boleh meminta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh sebab masa lampau, adakah penjelasan diminta dan diberikan, tidak wajar satu keputusan dibuat yang bercanggah dengan apa yang sudah ditetapkan dalam *tradition convention Parliament* ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila teruskan, Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kes ini adalah pengimportan bahan.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan atau adakah ini untuk berucap sahaja, baca apa yang disediakan dan tidak boleh ada apa-apa pertanyaan? Apa guna Parlimen ini? Tentu Yang Berhormat ada perkara yang perlu dijelaskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila, sila, saya tidak bagi, bagi Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua beritahu nanti sebab kita mahu balik, esok buat satu pengumuman bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat mana keputusan ini dibuat? Oleh kerana kita semua perlu mengikut Peraturan Mesyuarat, konvensyen dan tradisi dan seseorang tidak boleh buat apa-apa keputusan sewenang-wenangnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Arbitrary* dan *unilateral*. Ini tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi 17(4).

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi, saya berharap boleh buat satu pengumuman besok, baik.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kes ini adalah pengimportan bahan buangan daripada luar negara. Oleh itu penyiasatan yang dibuat terpaksa mengambil masa yang agak panjang kerana ia melibatkan penyiasatan warganegara asing, mendapatkan kerjasama dari negara luar dan penyemakan rekod pengimportan. Tambahan pula analisis kimia ke atas sampel-sampel bahan buangan perlu dijalankan secara terperinci untuk menentu pasti kandungan bahan tersebut. Sehingga kini analisis kimia ke atas bahan-bahan dalam kontena masih diteruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, siasatan lanjut masih diteruskan bagi menentu pasti punca buangan supaya tindakan pendakwaan dapat dijalankan ke atas pihak yang didapati melanggar peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang melarang pengimportan buangan terjadual ke negara ini. Bagi maksud ini bantuan pihak Interpol dan pihak berkuasa Taiwan telah diminta untuk penyiasatan lanjut. Begitu juga dengan kes pemalsuan dokumen masih disiasat oleh pihak polis. Oleh itu kita belum lagi dapat memastikan sama ada terdapat penglibatan pegawai kerajaan dalam pemalsuan dokumen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu bahan toksik ini dan mengemaskinikan pemantauan, kerajaan telah pun mengambil langkah yang sewajarnya baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Di peringkat kebangsaan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tidak membenarkan kemasukan buangan toksik yang disenaraikan supaya buangan terjadual. Di dalam

membantu melaksanakan akta ini, Jabatan Kastam Diraja telah menguatkuasakan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import 1973) dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998 mengenai kawalan pengimportan buangan toksik dan berbahaya ke Malaysia.

Di samping itu, *Standard Operating Procedure* bagi pengendalian pelupusan haram buangan berjadual yang diamalkan oleh Jabatan Alam sekitar sekarang akan disemak semula bagi menyediakan tata tindakan yang lebih kemas dan komprehensif termasuk untuk mengendalikan buangan yang diimport secara haram. Kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja akan dipertingkatkan termasuk mempertingkatkan pengetahuan dan pendedahan kepada pegawai-pegawai kastam terutama yang bertugas di pintu masuk.

Jabatan Alam Sekitar akan memberikan taklimat dan pendedahan mengenai ciri-ciri pengenalan bahan-bahan sisa toksik dan juga cara-cara bagaimana bahan berkenaan dilupuskan. Pendedahan ini akan memudahkan pegawai kastam melaksanakan tugas pengesanan dan pengawasan. Dalam hal ini Jabatan Kastam Diraja akan mendapatkan senarai deskripsi barang-barang yang dikelaskan sebagai bahan toksik dan mengedarkannya kepada semua pintu masuk negara yang dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja.

Jabatan Kastam Diraja juga akan membangunkan profil syarikat pengimport berisiko tinggi untuk dibuat pemantauan dan pemeriksaan yang lebih rapi terhadap barang-barang yang diimport. Dalam pada itu Jawatankuasa Penyelaras antara Jabatan Kastam Diraja dan Jabatan Alam Sekitar akan digerakkan untuk memastikan sebarang perkembangan terkini mengenai bahan-bahan sisa toksik dapat disampaikan kepada Jabatan Kastam untuk dikuatkuasakan. Perkongsian maklumat ini akan mempertingkatkan kecekapan pengawasan dan kawalan kemasukan bahan sisa toksik ke negara ini.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia telah menjadi parti kepada *Base/Convention* mengenai Pergerakan Buangan Berbahaya Merentasi Sempadan Dan Pelupusan, 1989. Sebagai negara parti, kepentingan Malaysia dilindungi kerana di bawah konvensyen ini setiap negara yang ingin mengeksport bahan buangan toksik dan berbahaya hendaklah terlebih dahulu mengemukakan notifikasi kepada Malaysia. Dalam hal ini setiap pengimportan bahan buangan tersebut hendaklah mendapat

kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa kompeten di Malaysia iaitu Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penyimpanan *red earth* di kawasan perindustrian di Kampung Aceh, daerah Manjung, Perak. Saya ingin menjelaskan bahawa *red earth* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah merupakan campuran air oksida dan logam berat. Sisa buangan *red earth* adalah bahan radioaktif dan telah dihasilkan oleh sebuah syarikat di Ipoh, Perak iaitu syarikat TOR Mineral Sdn Bhd yang beralamat di Lot 70808 dan 70809, Kawasan Perindustrian Bukit Merah, Batu 4½ Jalan Lahad, Ipoh, Perak. Memandangkan ia bahan radioaktif, jabatan yang bertanggungjawab adalah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) dan Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT). Namun begitu, bagi bahan-bahan berbahaya seperti logam berat, ia adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

Dalam hal ini syarikat berkenaan mempunyai lesen daripada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi untuk mengilangkan dan menguruskan sisa-sisa buangan beradioaktif iaitu *red earth* yang dihasilkan oleh kilang tersebut. Pihak syarikat telah membuat permohonan untuk mengeksport sisa buangan *red earth* dan LPTA telah meluluskan permohonan eksport tersebut. *Red earth* ini mempunyai radio aktiviti yang rendah dan hanya dibenarkan distorkan di kawasan kilang tersebut sahaja sementara menunggu ia dieksport. Bagaimanapun, pemeriksaan oleh LPTA mendapati bahawa penstoran di Kampung Aceh tersebut tidak mendapat kelulusan daripadanya.

Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar bersama-sama Lembaga Pelesenan Tenaga Atom telah membuat tindakan pencegahan dan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan kawasan-kawasan sekitar tidak tercemar, di antaranya mengambil bacaan paras sinaran luar. Tindakan juga sedang diambil bagi memastikan ia dapat dieksport dengan segera manakala segala urusan pengangkutan *red earth* ini telah diberhentikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita pada hari ini telah selesai. Dewan ditangguhkan dan disambung semula pada hari esok, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.46 petang.

